**Bil. 30**

**Isnin**
**21 Disember 2015**

**MALAYSIA**

# PENYATA RASMI PARLIMEN
# DEWAN NEGARA

**PARLIMEN KETIGA BELAS**
**PENGGAL KETIGA**
**MESYUARAT KETIGA**

# K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**
Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 (Halaman 24)

**USUL:**
Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 37)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2015

## AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. " Datuk Abdullah bin Mat Yassim (Dilantik)
5. " Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
6. " Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. " Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. " Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*
    - *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*
11. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
12. " Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – Senator
    - *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
13. " Puan Hajah Azizah Binti Haji Harun (Dilantik)
14. " Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
15. " Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
16. " Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
17. " Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
18. " Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator*
    - *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat*
19. " Tuan Chia Song Cheng (Johor)
20. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
21. " Tuan Chong Sin Woon – Senator
    - *Timbalan Menteri Pendidikan*
22. " Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
23. " Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
24. " Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
25. " Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
26. " Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
27. " Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
28. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
29. " Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
30. " Dato' Dr. Johari bin Mat - (Kelantan)
31. " Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
32. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
33. " Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
34. " Tuan Koh Chin Han (Melaka)

35. Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong – *Senator (Perak)*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

36. " Datuk Lihan Jok (Sarawak)

37. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*

38. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)

39. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

40. " Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)

41. " Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)

42. " Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)

43. " Dewan Rakyat. Mohd Nor bin Haji Monutty – (Selangor)

44. " Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)

45. " Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh Bin Tun Said Keruak – Senator
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*

46. " Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)

47. " Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)

48. " Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)

49. " Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)

50. " Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)

51. " Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)

52. " Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

53. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)

54. " Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)

55. " Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)

56. " Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)

57. " Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)

58. " Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)

59. " Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)

60. " Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)

61. " Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)

62. " Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)

63. " Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)

64. " Datuk Yoo Wei How (Dilantik)

65. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)

66. " Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Negara**
Encik Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**
-

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**
Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juarah

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KETIGA**

**Isnin, 21 Disember 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin** minta Menteri Pendidikan menyatakan, bahawa, beban kerja tambahan yang tidak berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran semakin meningkat telah mengakibatkan guru-guru berasa tertekan dan menjejaskan mutu pengajaran. Bagaimana kementerian bercadang untuk mengatasi masalah ini supaya masalah tekanan dan kepenatan *(burn out)* di kalangan para pendidik dapat dikurangkan.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin yang telah mengemukakan soalan pada pagi ini. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Abdullah bin Mat Yassim, selamat datang ke Dewan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator telah mengemukakan soalan mengenai dengan beban tugas guru, beban kerja tambahan yang tidak berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran yang semakin meningkat. Yang Berhormat Senator mohon juga bagaimana kerajaan bercadang untuk mengatasi masalah-masalah beban tugas ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tugas hakiki guru yang perlu dijalankan oleh guru apabila mereka telah dilantik menjadi seorang guru di sekolah. Pertamanya membuat pengajaran dan pembelajaran, pengajaran di sekolah. Bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran itu dikendalikan oleh guru di dalam kelas ataupun di luar kelas. Selain daripada itu ada urusan-urusan lain yang ada kaitannya dengan tanggungjawab di sekolah. Ia termasuklah misalnya menjadi guru kelas, menjadi guru disiplin, menjadi guru buku teks, menjadi setiausaha PIBG, menjadi setiausaha peperiksaan di sekolah, setiausaha kokurikulum, penyelaras ICT. Itulah antara tugas-tugas yang sememangnya dikendalikan oleh seorang guru. Ini termasuk jugalah dengan aktiviti-aktiviti sukan di sekolah.

Kementerian Pendidikan amat prihatin dengan apa yang disebut sebagai beban tugas guru. Saya sukalah menyatakan di Dewan yang mulia ini barangkali perkataan beban tugas guru itu boleh kita tukar misalnya kepada menggalas tanggungjawab. Jadi di sini yang menjadi persoalannya yang manakah yang dikatakan tugas guru yang hakiki dan kemudian tugas-tugas di luar hakiki. Itu yang selalu dipersoalkan.

Antara perkara yang menjadi isu ataupun yang menjadi perbincangan hebat di kalangan masyarakat ialah apabila datangnya sistem *online* yang terpaksa guru memberi maklumat melalui *online.* Maklumat ini hendaklah diisi dalam bentuk data dan dihantar. Bagi negeri-negeri atau kawasan-kawasan di bandar ataupun pinggir bandar yang capaian internetnya tinggi, *connectivity*nya ada tidak berapa ada masalah. Akan tetapi apabila di luar bandar, sekolah-sekolah di luar bandar capaian internetnya rendah, ini yang jadi masalah. Ini sebab guru tidak boleh hendak *key-in* sebab hendak kena tunggu pada masa yang *connectivity* dapat.

Ini yang timbul cerita kadang-kadang ada yang guru kata dalam media sosial, dalam kenyataannya mengatakan *key-in* jam 2 pagi, sebab *connectivity* tidak ada. Ini satu perkara yang sesungguhnya kalau kita lihat keseluruhannya sekolah ada 10,172 buah sekolah di dalam negara kita. Tidak mungkin kawasan-kawasan P1, P2 dan P3 di Sarawak, di Sabah misalnya dipanggil pedalaman 3, pedalaman 2, dia punya *connectivity*. Jadi sebab itu pada saya, hal yang berkaitan dengan mengisi data hantar ke pangkalan data ini sebagai Menteri yang baru di kementerian, saya minta supaya kementerian mengkaji balik apakah sebenarnya keseluruhan data itu perlu dihantar ke kementerian ataupun kita tengok setakat mana data yang perlu di sekolah, data yang perlu di Pejabat Pendidikan Daerah ataupun data itu hanya perlu di Jabatan Pendidikan Negeri.

**■1010**

Jadi pada saya, kita tidak perlu semuanya *centralised,* kita perlu *decentralised.* Kalau ini dibuat, bermakna kita dapat melihat bagaimana ruang untuk mencari sedikit kurangnya beban tugas guru yang berkaitan dengan pangkalan data yang dihantar pada- hendak hantar pangkalan data ini pun ia ada macam ini, yang dibuat hari-hari, satu saja iaitu kehadiran pelajar, kedatangan pelajar itu kena buat tiap-tiap hari. Kemudian ada yang dibuat, data ini dihantar mingguan, ada data ini dihantar bulanan dan ada data ini dihantar pada tiap-tiap tiga bulan sekali, atau empat bulan sekali. Yang ini yang melibatkan peperiksaan.

Jadi secara- itu yang pertamalah, yang kita fikirkan. Keduanya, yang boleh saya katakan di sini bahawa semua urusan di peringkat sekolah, kita memerlukan kualiti dalam kepimpinan, *leadership* dalam kepimpinan di sekolah. Oleh sebab pada kita, kalau kita mempunyai kepimpinan sekolah yang berkesan dan boleh diperkasakan melalui NPQEL, satu kursus yang dipanggil *National Professional Qualification for Educational Leaders* yang dibuat oleh Institut Aminuddin Baki. Jadi, yang ini lepas dia jadi Pengetua, dia jadi Guru Besar ini, ada NPQEL, jadi ada ciri-ciri kepimpinan yang boleh dia selesaikan banyak perkara di sekolah.

Kemudian yang ketiganya, kita juga memastikan pemantauan amalan yang melindungi masa*, instructutional* dilaksana sewajarnya. Akhirnya adalah yang berkaitan dengan mengurangkan semua bentuk amalan penyediaan sambutan yang berlebih-lebihan. Ini pun masuk dalam tugas yang di luar juga Tuan Yang di-Pertua, luar hakiki. Ini kalau ada sambutan hendak buat dengan bunga manggarnya, dengan kompangnya, dengan nasyidnya. Nasyid itu dua minggu buat latihan sebab hendak sambut, hendak buat sebuah majlis.

Jadi, kalau macam itu, kita kurangkan itu semua. Tidak perlulah kalau Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, KSU ataupun pengarah-pengarah di kementerian datang, sambut ala kadar cukuplah. Tidak payahlah dengan semacam hendak buat itu kena ambil masa yang begitu lama pelajar-pelajar.

Akhir sekali, kita juga menggalakkan supaya sarana, sarana ini istilah untuk ibu bapa ataupun masyarakat, boleh bekerjasama dengan sekolah. Ada juga sekolah di dalam negara kita ini, aktiviti sekolah diambil alih oleh ibu bapa. Maknanya, guru buat kerja guru saja. Ada *parents* yang datang ke sekolah, dia kata hari ini ada program yang melibatkan pertandingan. *So,* pertandingan itu dikendalikan oleh ibu bapa. Ini salah satu lagi cara bagaimana boleh mengurangkanlah beban tugas guru. Jadi, saya dengan pegawai-pegawai di kementerian sedang melihat satu persatu bagaimana boleh sedikit sebanyak membantu untuk mengurangkan beban tugas guru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan. Dipersilakan Datuk Ng Chiang Chin.

**Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah beri jawapan yang begitu jelas. Saya amat setuju dengan Yang Berhormat Menteri yang baru ambil alih portfolio pendidikan yang berkata Yang Berhormat Menteri akan *look back,* dengan izin, kaji balik bebanan. Bebanan *actually is not a correct word,* dengan izin, iaitu tanggungjawab yang lebih kepada guru-guru. Oleh sebab kerja yang berlebihan inilah di*'ngepek-ngepek'* oleh cikgu ni. Apabila dia *ngepek*, *ambo* kena bantu (duit). Terima kasih. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang bercakap tadi, dia akan *look back, revisit the cause of the extra work which is clerical,* dengan izin, supaya beban-beban dan tanggungjawab ini dapat dikurangkan.

Satu masalah yang besar yang telah pun dijelaskan oleh pihak Yang Berhormat Menteri iaitu *interconnectivity* oleh *wireless* internet kepada sekolah. Betul, guru-guru ini *test* internet ini sampai 2.00 pagi tidak dapat. *Wireless* yang itu *stress* masuk raya, apabila *stress,* dia kelam kabut. *So, they just complain,* bagitahu saya, dia kata, *"Kerja sudah banyak, internet tidak bolah pakai, jadi tidak mencapai matlamat cikgunya untuk mengajar budak-budak sekolah dengan subjek-subjek dengan baik, yang sepatut diajarkan".* Kemudian tambah dengan tanggungjawab yang *clerical* ini banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan tambahan Yang Berhormat.

**Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin:** Soalan tambahan tiada, sebenarnya *I want to appreciate.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukuplah itu. Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan seterusnya. Saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak payah menjawablah sebab dia tidak ada soalan tambahan. Silakan Dato' Khairudin.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya hendak ajukan kepada soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan- sebab saya difahamkan sekolah-sekolah di dalam bandar juga menghadapi masalah internet yang lembap ini. Jadi, apa langkah-langkah yang kementerian akan buat untuk memastikan internet di bandar juga, bukan saja di luar bandar, di bandar juga kerana sekarang ini internet di sekolah yang melibatkan bukan saja lembap tetapi ada sekolah-sekolah yang kebocoran bumbung dan sebagainya, habis rosak internet-internet di sekolah yang bukan saja guru, tapi anak murid juga tidak dapat menggunakan.

Jadi, apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk melihat perkara-perkara yang seperti saya sebutkan ini? Ini kerana guru-guru juga mempunyai masalah sebab kelembapan internet di sekolah-sekolah di bandar, bukan saja di luar bandar. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin atas soalan. Sebenarnya, kalau kita tengok di kawasan bandar, secara keseluruhannya memang tidak begitu teruklah berbanding dengan kawasan-kawasan di luar bandar. Walau bagaimanapun saya akui memang ada sekolah-sekolah yang sememangnya daripada segi capaian internetnya masih agak rendah. Akan tetapi kalau boleh saya katakan hanya di kawasan-kawasan pinggir bandar.

Akan tetapi kalau saya sebut begini boleh- kalau di bandar ini tidak semuanya sekolah menengah atau sekolah kebangsaan datang daripada *middle class* atau *middle class upper.* Maknanya, ada juga sekolah-sekolah di dalam bandar ini yang dipanggil pelajar-pelajar dalam miskin bandar. Sekolah-sekolah yang seumpama ini memang ada kita akui, memang kita kena mencari jalan. Misalnya, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga Wilayah Persekutuan Putrajaya. Putrajaya saya ingat ia baru lagi dari Kuala Lumpur, jadi keadaannya itu lebih baik daripada di Kuala Lumpur.

Akan tetapi di Kuala Lumpur ini masih ada lagi Tuan Yang di-Pertua. Kita mempertingkatkan kemudahan ataupun *facilities* yang ada di sekolah. Salah satunya melalui capaian internet. Untuk ini bukan saja menjadi- kalau dalam dikira dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri sebut hari ini, maknanya kita kena *National Blue Ocean Strategy* (NBOS)*,* bukan saja di Kementerian Pendidikan, makna kita NBOS sekali dengan kementerian-kementerian yang terlibat.

Contohnya, Kementerian Komunikasi sebab Kementerian Komunikasi- di bawah Kementerian Komunikasi mempunyai Suruhanjaya Multimedia (MCMC) ada di bawah situ. Makna, kita boleh duduk sekali dan kita tengok bagaimana *actually* pencapaian dan juga Telekom Malaysia. *Even* semalam kalau kita dengar laporan daripada Telekom, ia akan membelanjakan lebih kurang RM2.3 bilion untuk meningkatkan capaian internet di dalam negara kita. Jadi pada saya, semua agensi yang terlibat sepatutnya duduk bersama dan memikirkan kaedah-kaedah yang terbaik untuk kita pertingkatkan capaian internet sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Dato’ Mohd. Suhaimi.

**■1020**

**Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencadangkan dalam soal program internet ini, mungkin bagi kawasan-kawasan yang tidak mendapat internet ini, Yang Berhormat Menteri boleh pakai *WhatsApp* sahaja ‘kot’. Buar laporan, tangkap gambar, hantar *WhatsApp*. Saya rasa lebih cepat daripada internet- bagi kawasan-kawasan yang tidak ada internet tetapi itu bukan soalan saya.

Soalan saya berhubung dengan stres guru-guru ini, bukan sahaja daripada segi bebanan kerja. Masalah yang saya nampak yang memberi stres bukan sahaja kepada guru-guru tetapi kepada kita orang-orang politik. Stres bila mereka baru berkahwin. Seorang guru di Kota Kinabalu, seorang guru di Kedah, seorang guru di Johor, seorang guru di Perak. Saya tertarik dengan- Yang Berhormat Menteri telah pun menggunakan perkataan duka lara. Jadi, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri terangkan sedikit duka lara kepada Dewan pada hari ini supaya kami pun faham macam mana maksud duka lara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Yang Berhormat, Datuk Sri Hishamuddin ada di sebelah kanan, dia pun pernah menjadi Menteri Pendidikan dan dia pun tahu. Baru bercakap dengan dia, dia pun tahu duka lara.

Sebenarnya istilah ini kita pakai Tuan Yang di-Pertua, adalah kepada guru-guru yang sudah berkahwin tetapi *posting* dia itu atau pun tempat mengajarnya itu adalah berasingan di negeri-negeri yang berlainan. Ada isteri di Pulau Pinang, suami di Sarawak. Ada isteri di Sarawak, suami di negeri Kedah misalnya. Saya telah minta supaya Bahagian Pengurusan Sekolah Harian menyenaraikan mengikut tahunan jumlah tahun perpisahan itu.

Ada yang sudah lima tahun, ada yang sudah enam tahun tetapi oleh sebab tugas dan tanggungjawab mereka pikul, itu kita kena memberi satu penghargaan dan terima kasih kepada guru-guru ini. Walaupun mereka dalam suasana yang macam itu, sudah ada anak, anak sudah bersekolah tetapi mereka terpaksa berpisah demi tugas dan mereka pergi. Isteri di Johor, suami di Terengganu dan mereka terpaksa juga membelanjakan wang untuk berjumpa sama ada sebulan, dua bulan dan semasa cuti. Jadi, sebab itu kita memikirkan bagaimana kalau boleh kita hendak dapatkan mereka tempat yang sama.

Jadi, saya hendak sebut di sini, kalau dia tinggal di Sarawak Tuan Yang di-Pertua, tetapi dia dari Kedah- *husband* dan *wife* ada di Sarawak, itu bukan duka lara sebab dia sudah ada sekali. Dia ada di Kota Kinabalu, dia berasal dari Kelantan tetapi dia *husband and wife* berada di Kota Kinabalu, itu bukan duka lara tetapi yang itu pun masuk juga minta. Dia pun kata dia duka lara juga. Akan tetapi, yang saya hendak maksudkan ialah yang berasingan ini. Yang berasingan ini pula ada yang baru satu tahun, baru dua tahun.

Jadi, kementerian melihat sekarang yang lama inilah untuk hendak tolong. Dalam proses ini, inilah satu proses yang amat sukar sebenarnya nak dibuat tetapi kita terpaksa buat atas perasaan kemanusiaan sebab kalau *based on subject and option*- katalah dia matematik, dia hendak masuk dari negeri ‘A’ ke negeri ‘B’, *based on mathematics.* Matematik di situ mungkin tidak boleh masuk tetapi kita kena fikirkan di daerah mana dia kena pergi dengan tujuh tahun sudah berpisah antara suami dan isteri. Jadi, itu dimasukkan satu lagi elemen di situ dipanggil elemen kemanusiaan.

Jadi, itu yang kita cuba hendak buat dan kita cuba hendak atasi tetapi sudah tentulah untuk satu tahun, untuk satu masa begini, tidak boleh diselesaikan semua sekali. Dia kena berperingkat-peringkat. Kita di peringkat kementerian akan cuba yang terbaiklah untuk mengurangkan duka lara ini, Yang Berhormat Dato’ Suhaimi. Terima kasih.

**2.** **Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, untuk menunjukkan tindakan dalam mengatasi masalah alam sekitar khususnya tanah runtuh, adakah perundangan yang digubal memadai bagi mencari punca penyelesaian masalah yang dihadapi. Adakah pihak kementerian kurang ketegasan dalam perlaksanaan perundangan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan daripada Ahli Yang Berhormat yang sama iaitu Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Jaspal Singh yang masing-masing dijadualkan pada hari esok, Selasa, 22 Disember 2015 kerana kedua-dua soalan ini menyentuh isu yang sama iaitu mengenai isu cerun dan tanah runtuh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penguatkuasaan undang-undang terhadap aspek perancangan pembangunan di kawasan berbukit dan tanah tinggi di negara ini secara umumnya terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri iaitu pihak berkuasa tempatan.

Namun begitu, terdapat pelbagai akta dan garis panduan yang terletak di bawah bidang kuasa pelbagai agensi kerajaan telah digubal untuk tujuan mengawal selia pembangunan di kawasan berbukit dan tanah tinggi. Antaranya ialah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, dan beberapa garis panduan berkaitan pembangunan di kawasan tanah tinggi dan kawasan berbukit yang dikeluarkan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan juga Jabatan Kerja Raya (JKR).

Untuk makluman Dewan ini, Kementerian Kerja Raya sebagai agensi teknikal utama kerajaan sentiasa memantau kawasan cerun yang berisiko tinggi dan sederhana di lebuh raya dan jalan-jalan persekutuan. Ini melibatkan kerjasama dan kepakaran agensi-agensi di bawah kawalan kementerian ini di samping turut mendapatkan kerjasama daripada kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi lain yang terlibat.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kementerian ini bagi memantau kawasan-kawasan bercerun dan lorong-lorong bukit di lebuh raya dan Jalan Persekutuan ialah seperti berikut:

(i) menghasilkan peta bahaya dan risiko cerun di mana data cerun-cerun terlibat akan diklasifikasikan mengikut kategori risiko iaitu tinggi, sederhana dan rendah;

(ii) *slope mapping* dengan menggunakan teknologi *Light Detection and Ranging* (LIDAR) iaitu maklumat berkaitan inventori dan profil cerun-cerun;

(iii) menjalankan kajian kejuruteraan geoteknikal dan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala dan tetap untuk cerun-cerun yang berisiko tinggi dan menunjukkan tanda-tanda kegagalan cerun;

(iv) sistem pemantauan dan amaran awal secara *real time* yang dipasang oleh syarikat-syarikat konsesi lebuh raya utama iaitu PLUS dan ANIH Berhad menggunakan tolok hujan dan *piezometer* yang dipasang di cerun-cerun berisiko tinggi;

(v) meningkatkan pemantauan melalui udara dan juga pejalan kaki setiap dua kali sebulan untuk kawasan-kawasan cerun yang terdapat di Lebuhraya PLUS; dan

(vi) melaksanakan kempen-kempen kesedaran awam dan amaran tanah runtuh melalui media elektronik dan juga media cetak yang dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran juga turut membangkitkan mengenai isu iaitu sama ada terdapat mekanisme berkaitan sistem amaran awal tanah runtuh di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian penghasilan peta bahaya dan risiko cerun yang telah dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR, terdapat 4,851 buah cerun di sepanjang Jalan Persekutuan dan juga lebuh raya yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi di seluruh negara. Sehubungan itu, cadangan pemasangan teknologi sistem amaran awal di semua lokasi cerun terlibat belum dapat dilaksanakan sepenuhnya pada masa kini kerana ia melibatkan kos yang tinggi.

**■1030**

Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya melalui Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR telah bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain termasuklah Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk membangunkan sistem amaran awal tanah runtuh di kawasan-kawasan cerun yang dikenal pasti berisiko tinggi. Objektif jalinan kerjasama ini ialah untuk mengkaji hubungan secara empirikal antara corak taburan hujan dan intensiti yang menyebabkan berlakunya kejadian tanah runtuh. Berdasarkan perancangan keseluruhan sistem amaran awal tanah runtuh ini dijangka akan disiapkan pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh telah membangkitkan isu sama ada terdapat agensi kerajaan yang khusus terlibat mengkaji isu-isu berkaitan cerun dan tanah runtuh di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini terdapat Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR di bawah Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab untuk memantau menjalankan kajian dan melaksanakan program-program pembangunan berkaitan cerun.

Agensi ini telah ditubuhkan pada tahun 2004 di mana ia antara lain telah menghasilkan laporan kajian penghasilan peta bahaya dan risiko cerun di jalan-jalan Persekutuan utama di negara ini. Kajian tersebut telah dibuat pada tahun 2010 untuk Semenanjung Malaysia, 2012 di Sarawak dan 2013 di Sabah. Hasil kajian tersebut telah digunakan untuk tujuan pemantauan, pemeriksaan dan kerja-kerja pembaikan cerun di jalan Persekutuan sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah memberi satu jawapan yang terperinci. Hendak tanya soalan tambahan pun dia sudah jawab. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berapakah kes keruntuhan tanah yang berlaku pada tahun ini dan kebelakangan ini, memang dunia ini menghadapi fenomena hujan yang banya. Bukan sahaja di negara kita ini tetapi di negara jiran dan juga di seluruh dunia mengakibatkan banjir.

*So* kalau seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa bukan semua cerun yang dapat dilengkapi dengan sistem awalan ini kerana kos, dan kalau kita bandingkan kos dengan hidup seseorang insan ini saya ingat kementerian kena ambil pendekatan yang baru. *So* oleh yang begitu, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang pandai ini, berapa lama kementerian mengambil masa. Ini kerana mengikut fenomena hujan ini, banyak lagi cerun yang berkemungkinan akan runtuh. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Senator sebentar tadi. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawasanya berdasarkan data Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR ini Yang Berhormat, terdapat 700 kes tanah runtuh dan kegagalan cerun yang telah dilaporkan pada tahun 2015 iaitu sehingga 30 November 2015. Daripada jumlah tersebut Yang Berhormat, 410 kes berlaku di koridor jalan Persekutuan manakala bakinya sebanyak 290 kes lagi di jalan negeri. Majoriti kes-kes tanah runtuh dan kegagalan cerun ini Yang Berhormat, adalah disebabkan oleh faktor cuaca iaitu hujan lebat luar biasa yang melemahkan struktur tanah.

Untuk menjawab persoalan Yang Berhormat mengenai sistem amaran awal, sebenarnya seperti yang saya nyatakan tadi, pihak JKR ini Yang Berhormat atau Jabatan Kerja Raya sedang membangunkan sistem amaran awal bagi zon yang dikenal pasti sebagai berisiko tinggi berlakunya tanah runtuh dengan memasang secara berperingkat-peringkat Yang Berhormat, sebanyak 40 unit stesen tolok hujan di seluruh negara telah dipasang dan perancangannya Yang Berhormat, adalah untuk menambah lapan lagi setiap tahun.

Pemasangan ini Yang Berhormat, adalah di seluruh negara. Kita laksanakan di seluruh negara termasuklah negeri Sabah dan juga negeri Sarawak di mana *maintenance* atau penyelenggaraannya dilakukan oleh pihak JKR sendiri dan pihak JKR juga Yang Berhormat sedang dalam peringkat untuk membangunkan hubungan empirikal kejadian tanah runtuh dan hujan yang akan dijadikan sebagai mekanisme amaran kita dan Jabatan Kerja Raya sendiri, Jabatan Pengairan dan Saliran atau JPS dan Jabatan Metrologi Malaysia atau JMM, pihak-pihak yang terlibat untuk memastikan kita mempunyai *real time* daripada segi *database* kita, daripada segi data kita untuk meningkatkan lagi kebolehan sistem ramalan awal yang sedang dibangunkan dan seperti yang saya jawab dalam jawapan asal tadi, mengikut perancangan keseluruhan sistem ini akan dapat kita laksanakan atau siapkan menjelang tahun 2018. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, sedarkah bahawa banyak tanah tinggi yang sedang ditarah di beberapa buah negeri terutama di Pulau Pinang. Banyak saya lihat bukit-bukit yang dulunya cantik mata memandang, kerana itu kita zaman kecil-kecil dahulu suka pergi Pulau Pinang, pergi bukit- *Penang* naik kereta api, lalu keliling pulau.

Cantik betul pemandangan akan tetapi pada waktu terakhir ini bila saya pergi ke Pulau Pinang, saya terperanjat banyak bukit tinggi telah digondolkan dan sedang dibina banyak rumah mewah untuk orang-orang kaya terutama dari luar negara. Saya hendak tanya, adakah kementerian memantau secara terperinci kes di Pulau Pinang ini kerana walaupun kerajaan negeri ada kuasa tetapi dalam OSC pusat serenti, kita ada banyak jabatan yang kita tanya. JKR, Jabatan Perparitan, Jabatan Alam Sekitar dan semuanya adalah terlibat dengan Kerajaan Persekutuan Yang Berhormat telah sebut memang dipantau.

Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang ikut pemantauan ini? Kita takut satu hari esok akan jadi peristiwa *Highlands Towers* di mana ramai yang mati akibat mendirikan rumah-rumah di tanah tinggi. Saya harap Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu memberhentikan kes-kes membina rumah di tanah tinggi ini dan apakah Kerajaan Persekutuan ada pelan-pelan untuk melihat supaya pembinaan ini betul-betul dipantau agar tidak membahayakan rakyat di masa akan datang. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Memang benar Yang Berhormat, sebenarnya kita mempunyai banyak garis panduan yang telah dibina sama ada di peringkat kementerian iaitu melalui JKR mahupun di peringkat kementerian-kementerian lain seperti yang saya sebutkan tadi termasuklah KPKT. Saya akan bekalkan Yang Berhormat senarai, tidak perlulah saya sebutkan kesemua garis panduan tersebut namun sebagai contohnya Yang Berhormat atau sebagai panduan, terdapat garis panduan yang telah sebenarnya diluluskan.

Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. 6/2009 iaitu Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi. Ini satu garis panduan yang perlu diikuti oleh setiap kerajaan negeri yang ada dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, peranan pihak JKR selain *mapping* ialah kita membuat pemeriksaan dan data-data ini meliputi bukan sahaja jalan persekutuan malah jalan negeri dan data ini memang kita serahkan kepada kerajaan negeri melalui JKR negeri untuk tindakan susulan dan pemeriksaan yang perlu dilakukan oleh kerajaan negeri.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa daripada segi tindakan perundangan, ia bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya tetapi lebih menjurus kepada bidang kuasa PBT, Yang Berhormat.

**■1040**

Seharusnya PBT itulah yang memainkan peranan untuk mengambil tindakan sekiranya berlaku pencabulan kepada kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Kawasan tanah tinggi yang mempunyai risiko, Yang Berhormat. Seperti yang saya jawab lebih awal tadi, melalui *database* yang kita serahkan di setiap negeri ini, seharusnya melalui *database* tersebut, tindakan susulan harus diambil daripada segi pemeriksaan, pemantauan dan seterusnya tindakan sekiranya berlaku apa-apa sahaja bentuk pencabulan oleh pihak-pihak tertentu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum kita beralih ke soalan seterusnya, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya nampak akhir-akhir ini ada trend ataupun tabiat untuk mengarahkan Tuan Yang di-Pertua untuk memanggil Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk mengemukakan soalan dan sebagainya. Jadi saya rasa ini tidak seharusnya berlaku atau dibuat sebab ia melanggar Peraturan Mesyuarat 30(2). Saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi.

**3. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff** minta Menteri Pendidikan menyatakan, bilangan kakitangan mereka yang berkhidmat di UNESCO, dan apa peranan mereka.

**Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff yang telah mengemukakan soalan berkaitan dengan UNESCO. Terdapat dua pertanyaan atau perkara berkaitan. Satu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff pada 21 hari bulan iaitu hari ini dan satu lagi dari Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong pada esok, 22 Disember. Jadi oleh sebab perkara yang dibangkitkan ialah saling berkaitan, saya menjawab kedua-dua pertanyaan tersebut sekali gus.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum bahawa *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) badan yang di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang telah ditubuhkan pada tahun 1945 dan kita telah menjadi ahli UNESCO ini sejak tahun 1958. Sebanyak 195 buah negara menjadi ahli UNESCO dan sepuluh buah negara ahli bersekutu. UNESCO ditadbir oleh seorang *Director General* dan dibantu oleh Lembaga Eksekutif UNESCO, dan ibu pejabat di Paris. Lembaga Eksekutif UNESCO ini badan perlembagaan yang dilantik dalam pemilihan Persidangan Agung UNESCO.

Baru-baru ini Malaysia telah menawarkan diri untuk menjadi Lembaga Eksekutif UNESCO. Daripada 195 buah negara, 185 buah negara hadir ke Persidangan Agung UNESCO dan Malaysia telah memperoleh undi sebanyak 165 undi atau 165 buah negara mengundi *[Tepuk]* Sebagai Menteri Pendidikan yang baru, datang ke Persidangan Agung UNESCO, saya kira tidak ramai pun yang kenal Menteri Pendidikan tetapi undi dapat 165. Penghargaan dan terima kasih ini sudah tentulah pergi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia *[Tepuk]*

Jadi atas sifat beliau di persada antarabangsa yang dikenali sebagai pemimpin di peringkat antarabangsa dan negara Malaysia sendiri, maka kita mendapat 165 undi, yang tertinggi di Asia dan oleh sebab kita tertinggi di Asia Pasifik, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah dilantik menjadi *Vice Chairman UNESCO* mewakili Asia Pasifik *[Tepuk]*

Berbalik soalan asal daripada Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff, kita mempunyai tujuh orang kakitangan tetap di UNESCO yang diketuai oleh seorang yang dikenali sebagai Wakil Tetap Malaysia di UNESCO atau pejabatnya di Paris. Keseluruhan UNESCO ini ada lebih daripada 2,700 orang staf yang ada di UNESCO. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana Malaysia dipilih menduduki *UNESCO Executive Board* bagi tempoh 2015 hingga 2019. Di kesempatan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada dua orang guru yang terpilih di antara 50 orang guru terbaik dunia bagi calon Anugerah Guru Global 2016 pada bulan Mac 2016 iaitu Cikgu Noorjahan dari Kuantan dan juga Cikgu K. Vanesri dari Muar, Johor.

Sesungguhnya ini satu pengiktirafan tertinggi buat guru-guru kita di mata dunia. Jadi sebagaimana yang kita tahu di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 akan mempertingkatkan TVET dan kita tahu UNESCO juga mempunyai kepakaran dalam pendidikan TVET melalui UNEVOC iaitu singkatan UNESCO-VOCATIONAL yang berpusat di Bonn, Jerman.

Sementara itu cabaran Malaysia bagi menjayakan TVET sebagaimana yang digariskan oleh laporan EPU, *Transforming TVET to Meet Industry Demand* ialah *lack of input in curriculum design,* dengan izin. Justeru itu soalan saya, bagaimana pihak kementerian dapat memanfaatkan pengalaman UNEVOC yang memang ke hadapan dalam penyediaan *curriculum design* semenjak 1992 dan selain *artistry science*, adakah kementerian berhasrat mewujudkan jawatan *artisry* TVET di UNESCO bagi menunjukkan keseriusan kita dalam pendidikan TVET bertaraf dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Soalan Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan TVET di UNESCO atau *artistry science* ataupun yang berkaitan dengan TVET.

Saya menjawab soalan itu. Sebenarnya boleh dikatakan bahawa pegawai-pegawai yang bertugas di UNESCO itu sebenarnya telah bekerja ataupun sememangnya termasuk dalam bidang tugas pegawai-pegawai di UNESCO itu dalam *Technical Vocational Education Training* (TVET). Jadi mereka tahu dan mereka faham bagaimana boleh *collaboration* dengan negara-negara lain yang berkaitan dengan TVET.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff dengan TVET dan ada kaitan dengan UNESCO, sukalah saya menyebut di Dewan yang mulia ini bahawa *Technical Vocational Educational Training* yang negara kita buat sama ada melalui sekolah vokasional yang sekarang ini kita *transform* kepada kolej vokasional dan kemudiannya di kementerian-kementerian yang lain, kita juga mempunyai kolej-kolej TVET termasuk di Kementerian Pendidikan Tinggi, di Kementerian Sumber Asli Asli dan Alam Sekitar, di Kementerian Belia dan Sukan dan di kementerian lain lagi.

Pertamanya kita lihat bahawa kita mempunyai sebuah deklarasi yang kita buat pada bulan Julai 2015 iaitu Persidangan Asia Pasifik mengenai pendidikan dan latihan di mana lebih kurang 40 buah negara yang hadir untuk membuat ketetapan bersama dengan UNESCO. Antara perkara yang dibuat ketetapannya ialah bagaimana mempertingkatkan kualiti *Technical Vocational Educational Training* (TVET) yang berkesesuaian perubahan keperluan dunia pekerjaan.

Ini penting. Kalau kita buat TVET di mana-mana negara termasuklah di negara-negara Asia Pasifik, di negara-negara pulau, mereka hendak supaya apabila pelajar ini dapat diploma ataupun dapat sijil, dia boleh *suit* dengan industri yang sedia ada. Contoh saya ambil, kalau di negara kita, misalnya di Pulau Langkawi, di Pulau Langkawi kita tidak perlu kursus automatif. Kita perlu kursus yang berkaitan dengan pelancongan. Diploma Pelancongan ataupun persijilan dalam pelancongan sebab selepas itu dia akan masuk dalam industri pelancongan. Jadi dia hendak kena betul, dia kena bersesuaian pada waktu itu.

**■1050**

Keduanya yang berkaitan dengan teknologi. Teknologi juga penting. Jadi sebab itu kita di negara Malaysia dalam *blueprint* pendidikan kita memberi keutamaan kepada kemahiran, *skill* kepada orang muda, kepada pelajar-pelajar ini sebab kita tahu dalam persaingan global hari ini kalau kita hanya ada dalam bidang akademik, itu satu kejayaan. Akan tetapi kalau kita tidak ada dalam bidang akademik, kita ada dalam bidang kemahiran. Oleh sebab kemahiran ini sangat penting, kemahiran ini boleh datang melalui kursus ataupun latihan yang dibuat daripada kolej-kolej teknikal atau kolej-kolej vokasional.

Jadi Malaysia dalam urusan yang berkaitan dengan TVET ini memainkan peranan yang penting bukan sahaja di dalam negara tetapi juga kita memainkan peranan penting di rantau Asia Pasifik. Kita anjurkan seminar, forum dan kita ada mempunyai pakar-pakar yang boleh memberi penerangan, boleh mengendalikan kursus dan kemudiannya kita boleh membawa ke persada antarabangsa. Jadi Malaysia, UNESCO dan negara-negara di rantau ini bekerjasama untuk melihat bagaimana *Technical and Vocational Education and Training* ini, dengan izin, boleh diangkat menjadi salah satu daripada bidang yang penting pada masa akan datang terutamanya pelajar-pelajar ataupun golongan muda yang kita mahukan kemahiran. Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut kepada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, jelas kepada kita bahawa khidmat penjawat awam di UNESCO amat penting sekali. Adakah pihak kementerian ingin menambah lagi bilangan kakitangan di sana dengan mengambil perjawatan baru iaitu dengan mengadakan program peminjaman pegawai dari pelbagai kementerian dan jabatan. Ini sama seperti Program Atasi Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

Ini kerana SPA sekarang ini dilihat membekukan pengambilan perjawatan yang baru. Saya rasa dengan langkah-langkah ini boleh memberi peluang dan ruang kepada pegawai untuk menimba pengetahuan dan pengalaman yang baru terutamanya mereka yang dalam skim *closed service,* dengan izin. Pohon jawapan. Sekian terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan yang berkaitan dengan perjawatan di UNESCO. Sukalah saya memaklumkan di sini bahawa pegawai-pegawai yang ada di UNESCO itu pun sebenarnya datang daripada kementerian-kementerian yang berlainan sebab kita di UNESCO ini ada pendidikan, kita ada Sains, kebudayaan dan juga *heritage*. Jadi ada banyak bidang yang ada di situ jadi sudah datang daripada kepelbagaian pegawai dari agensi dan jabatan yang berlainan.

Cumanya Yang Berhormat Senator, sehingga hari ini kerajaan belum bercadang untuk menambah pegawai. Akan tetapi kita sedar bahawa sememangnya beban tugas mereka di sana dalam pelbagai bidang itu semakin hari semakin meningkat. Terima kasih atas cadangan. Saya boleh bawa sebagai salah satu daripada perkara yang ada kaitan dengan keperluan kerajaan. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh Menteri datang tambah satu soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan.

**Tan Sri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Dato' Seri Mahdzir Khalid kerana telah dilantik sebagai Naib Presiden UNESCO. Kedua, hendak ucapkan tahniah kerana berjaya menyelesaikan isu duka lara guru-guru. Yang Berhormat tahu tidak ada satu lagi guru ini nama dia duka nestapa? *[Ketawa]*

Soalan seterusnya adalah, mengikut standard UNESCO, penerbitan buku mesti pada kadar 1 peratus iaitu 1,000 buah buku untuk satu juta orang penduduk. Di Malaysia kita baru terbitkan 15,000 buku setahun. Bermakna kita kurang daripada standard UNESCO. Kita ada 28 juta sepatutnya 28,000 buah buku.

Saya hendak mencadangkan jika kita dapat terjemahkan banyak buku intelektual seperti Sains dan Matematik di dalam Bahasa Melayu supaya lebih banyak buku dapat diterbitkan. Saya pergi Indonesia, saya tanya mengapa orang Indonesia banyak menulis buku? Katanya kerana guru di Indonesia gajinya murah. Jadi salah satu cara menambah pendapatan menulis buku.

Oleh itu saya lihat oleh sebab Sains dan Matematik telah dikembalikan balik ke dalam bahasa Melayu, maka sudah tiba masanya kita dapat memperbanyakkan buku Intelektual dalam bahasa Melayu. Jadi saya hendak cadangkan kerana Yang Berhormat sudah jadi Naib Presiden UNESCO, sudah tentulah kita dapat memperbanyakkan lagi buku dalam bahasa Melayu untuk ditulis supaya mencapai tahap UNESCO sendiri. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri atas soalan tambahan yang berkaitan dengan pengeluaran buku ataupun penerbitan buku. Dia sememangnya satu perkara yang kita berusaha sebenarnya bersungguh-sungguh untuk melihat bagaimana penerbitan buku atau pengeluaran buku kita ini dipertingkatkan. Ada *percentage* peningkatan. Akan tetapi *percentage* itu masih pada kadar yang tidak begitu kuat sebab ramai yang dijemput sama ada oleh kementerian sendiri ataupun oleh Dewan Bahasa untuk melihat bagaimana dan juga daripada syarikat swasta untuk mengeluarkan sejumlah buku yang lebih.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tan Sri tadi bahawa kita tidak mencapai lagi tahap yang ditentukan atau *benchmarking* UNESCO. Makna ini kita kena berusaha lebih untuk mencapai ke arah itu. Bukan itu sahaja kita juga daripada segi pembacaan, bukan sahaja menerbitkan buku daripada segi pembacaan pun kita masih kurang lagi berbanding dengan sesetengah negara.

Jumlah penduduk yang membaca buku, jumlah waktu membaca buku dan jumlah orang membaca buku untuk kita masih. Apa yang paling ketara ialah jumlah waktu membaca buku. Kita memang agak kurang. Jadi sebab itu saya bersetuju bahawa program kesedaran dan program bagaimana boleh mengesyorkan atau memberi pandangan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya minta jugalah di Dewan yang mulia kepada semua Ahli Yang Berhormat, Ahli Dewan Negara yang mempunyai pandangan idea dan apa juga buah fikiran Tuan Yang di-Pertua yang boleh diberikan kepada kementerian untuk tujuan ini saya sangat-sangat alu-alukan. Ini sebab kita memerlukan kerjasama semua pihak untuk kita menjayakan program bukan sahaja dalam bidang buku tetapi juga pendidikan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4**. **Dato' Khairudin Samad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apa langkah-langkah yang telah diambil dalam mengawal had muatan berlebihan dengan ketahanan jalan raya di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, berat dan muatan ataupun singkatannya BDM bagi sesebuah kenderaan perdagangan ditentukan atau dikawal melalui Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) 1989 yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya.

Penetapan BDM oleh JKR mengambil kira spesifikasi serta keupayaan dan juga ketahanan jalan raya dan jambatan di sesuatu lokasi untuk menampung berat muatan bagi mengelakkan berlakunya kerosakan struktur jalan yang menjadi antara punca kemalangan jalan raya. Dalam memastikan jalan raya tidak mengalami kerosakan akibat daripada kegiatan membawa muatan secara berlebihan kerajaan melalui agensi penguatkuasaan seperti JPJ, SPAD dan PDRM sentiasa menguatkuasakan peraturan berhubung kesalahan membawa lebihan muatan selaras dengan kaedah 89, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959.

**■1100**

Begitu juga Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 bagi Semenanjung Malaysia dan juga Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (ALPKP) 1967 bagi Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Di samping itu, pihak JPJ melalui Kaedah 92, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 menguatkuasakan kesalahan bagi membawa muatan secara bahaya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini pihak JPJ menjalankan aktiviti penguatkuasaan setiap hari di 50 buah stesen timbang di seluruh negara dan berdasarkan penguatkuasaan yang dijalankan, kesalahan melibatkan kes membawa lebihan muatan telah meningkat sebanyak 49.9 peratus iaitu daripada 35,437 kes pada tahun 2013 kepada 53,105 kes pada tahun 2014. Berdasarkan rekod JPJ, bulan Januari hingga bulan Oktober 2015, sebanyak 47,569 kes membawa lebihan muatan dan 29,752 membawa dengan cara bahaya telah dikesan. Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan. Cuma saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai kawasan ataupun stesen-stesen timbang yang mencukupi di mana kalau setakat 50 buah dalam negara ini saya rasa tidak cukup sebab apa yang berlaku sekarang terutama di kawasan pedalaman, di kawasan hutan pembalakan di mana lori-lori berat ini membawa kayu-kayu balak yang berlebihan dan juga lori-lori hantu.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, mereka membawa balak-balak yang berat dari kawasan-kawasan hutan atau pedalaman terutama di Pahang dan di Sarawak. Adakah JPJ akan membuat sesuatu untuk menyelesaikan stesen-stesen timbang ini supaya ia dapat bertindak lebih baik lagi dan saya juga dapati bahawa lori-lori yang bawa batu terutama dalam kawasan bandar yang mengakibatkan cermin kereta pecah, yang ini saya pernah telefon ke JPJ berkenaan lori-lori yang bawa batu lebihan ini walaupun ditutup dengan *canvas*, dengan izin, tetapi batu-batu itu masih lagi terkeluar.

Akan tetapi kata JPJ sekarang ini ia di bawah kelolaan SPAD jadi saya rasa ini juga menjadi masalah kerana dua penguatkuasaan yang berlangsung ini yang mengakibatkan kerosakan kereta-kereta ini juga perlu diberi perhatian. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin. Tuan Yang di-Pertua, mengenai stesen timbang 50 yang ada di seluruh negara kita juga ada lebih kurang 49 *mobile unit* di seluruh negara dan kita ada sembilan di Sarawak kerana Sarawak memang agak luas dan juga di Pahang kita ada tiga *mobile unit*. Jadi *mobile unit* juga akan membantu bagi Unit Penguatkuasaan JPJ bagi membanteras lebihan muatan ini.

Pihak JPJ juga menjalankan penguatkuasaan bersepadu dengan pihak berkuasa negeri lebih-lebih lagi dengan melibatkan lori-lori balak kerana hasil balak ini adalah dalam kelolaan bawah Jabatan Hutan di bawah penguasa negeri dan kita telah membuat beberapa program bersepadu dengan polis lebih-lebih lagi apabila terlibat dengan gangguan tonto. Jadi dalam konteks ini JPJ bersama dengan semua penguatkuasaan SPAD, polis dan juga penguasa negeri seperti PTG dan juga Jabatan Hutan yang mengeluarkan lesen pengeluaran balak-balak.

Jadi memang kita akui terdapat kesulitan kerana ia berlaku di tempat yang agak ceruk. Seterusnya mengenai lori-lori yang membawa batu berlebihan. Memang ini kita pun-JPJ boleh membuat tindakan kepada lori-lori ini kerana ia menyalahi dalam Kaedah 92, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 kerana membawa muatan dengan cara bahaya atau muatan jatuh atas jalan raya dan kesalahan ini boleh didenda RM2,000. Jadi memang kita dapati kenderaan lori yang dia tambah pagarnya supaya tinggi untuk mendapatkan muatan yang lebih. Ini menyalahi undang-undang dan pihak JPJ boleh mengambil tindakan terhadap mereka ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak dapat nafikan pada hari ini dilihat suasana jalan raya kita di mana terdapat pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan-peraturan jalan raya termasuk bahkan khasnya kenderaan-kenderaan berat seperti lori dan bas. Tuan Yang di-Pertua, saya pernah berpengalaman di Eropah menaiki bas. *Driver* bas mengikut peraturan dengan tepat, kalau sekiranya meter tidak boleh melebihi 80 mereka akan ikut kerana mereka ada sistem sama ada menggunakan alat tertentu seperti GPS dan yang lain-lain.

Soalan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji semula peranan SPAD dalam mengemaskinikan lagi penguatkuasaan pengangkutan awam khasnya kenderaan berat seperti mewajibkan pemasangan alat GPS ataupun lain-lain alat untuk tujuan pengesanan dan pemantauan. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan senantiasa melihat untuk mempertingkatkan lagi dalam penguatkuasaan. Kerajaan telah mencadangkan beberapa pendekatan seperti penggunaan GPS ini dan setakat ini ia belum menjadi mandatori ataupun dikuatkuasakan. Akan tetapi kita telah galakkan semua kenderaan bas untuk menggunakan kaedah yang lebih baik dan kita telah membuat satu rating ataupun penarafan kepada bas-bas ekspres ini dan penarafan bas ekspres yang mempunyai keselamatan yang tinggi kita akan bagi 5 Bintang.

Ini semua kita uruskan melalui MIROS dan MIROS mengeluarkan penarafan ini. Jadi, dengan adanya penarafan bas-bas ekspres ini kita harapkan agar penumpang-penumpang dapat memilih bas ekspres yang mempunyai penarafan yang tinggi supaya mereka rasa lebih selamat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baiklah untuk soalan seterusnya, soalan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif saya ada menerima utusan dan makluman daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Salim bahawa beliau tidak dapat hadir ke sidang Dewan pada hari ini atas sebab-sebab yang tertentu maka Yang Berhormat ini telah pun mewakilkan Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani untuk mengemukakan soalan. Teruskan.

■1110

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia dan salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mewakili Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Salim untuk mengemukakan soalan, saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan takziah kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tan Sri Abu Zahar Ujang di atas kembalinya ke rahmatullah, adinda tersayang beliau iaitu Hajah Haniah binti Ujang. Bagi yang beragama Islam, marilah sama-sama kita menghadiahkan surah Al-Fatihah kepada Allahyarhamah dan kepada yang bukan Islam, sama-samalah kita bertafakur sejenak. Al-Fatihah.

*[Bacaan Al-Fatihah]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mewakili Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Salim, saya kemukakan soalan nombor 5. Terima kasih.

5. **Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas *[Di bawah P.M.23(2)]*** minta Menteri Pertahanan menyatakan, plan tindakan perumahan Veteran ATM yang dirancang, serta apa mekanisma bagi menangani bekas veteran ATM yang tidak memiliki rumah.

**Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Senator Yahaya bin Mat Ghani mewakili Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd Sharif yang tak ada pada hari ini, untuk rekod *Hansard [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, salah satu fokus utama kementerian di dalam RMKe-11 adalah untuk meningkatkan kualiti hidup, kebajikan dan kesejahteraan anggota tentera dan veteran ATM. Kerajaan telah memperkenalkan program pengiktirafan Veteran 1Malaysia di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan di mana terdapat tujuh inisiatif iaitu:

(i) Program Penambah Baik pulih serta Membina Rumah Veteran 1Malaysia atau lebih dikenali sebagai *1Malaysia Veterans Home Repair Program*, dengan izin;

(ii) program meningkatkan penerimaan latihan di PERHEBAT oleh pihak pihak industri;

(iii) program penempatan kerja untuk veteran;

(iv) program bimbingan usahawan veteran;

(v) Kad *Privilege 1Malaysia*;

(vi) Pusat Sehenti 1Malaysia; dan

(vii) Program Pembangunan Keluarga Veteran 1Malaysia;

(viii) Kerjasama JHEV dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Melalui *1Malaysia Veterans Home Repair Program*, kerajaan komited untuk membina baru dan membaik pulih rumah-rumah veteran ATM yang layak. Semenjak program ini dilaksanakan pada tahun 2012 sehingga 2015, sebanyak 620 buah rumah yang telah dibina baru dan telah pun di baik pulih.

Manakala bagi tahun 2016, pihak kementerian komited untuk menyasarkan tambahan sebanyak 200 unit lagi untuk tujuan yang sama. Tuan Yang di-Pertua, di samping itu pihak Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan anak syarikatnya turut melaksanakan beberapa projek perumahan mampu milik yang ditawarkan kepada anggota ATM yang sedang berkhidmat dan juga veteran ATM yang layak sebagai satu program *Corporate Social Responsibility* (CSR), dengan izin, pihak berkenaan.

Sehingga kini, LTAT dan anak syarikatnya telah membina dan menjual sejumlah 1,650 buah rumah mampu milik kepada anggota tentera dan bekas tentera yang layak.

Seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2016, LTAT dan anak syarikatnya sedang merancang untuk membina tambahan sebanyak 2,000 unit rumah mampu milik di Bukit Jalil, Kuala Lumpur serta 748 unit rumah berkembar dua tingkat dan 307 unit rumah teres dua tingkat di Mutiara Rini, Johor yang kesemuanya berjumlah 3,055 unit.

LTAT akan terus membuat tinjauan dan bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang strategik dan boleh dibangunkan untuk projek perumahan mampu milik untuk ditawarkan kepada anggota dan bekas anggota ATM di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) juga telah menyediakan pelbagai bentuk kemudahan serta bantuan kepada veteran ATM. Skim-skim yang dilaksanakan meliputi:

(i) skim bantuan kebajikan dan pendidikan. Skim ini termasuklah bantuan sara hidup, bantuan persekolahan, bantuan kemasukan ke institut pengajian tinggi, bantuan peralatan pesakit dan bantuan bencana alam. Sebagai makluman, dari tahun 2013 hingga tahun 2015, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM57 juta yang melibatkan seramai 35,915 orang penerima bantuan. Bagi tahun 2016, pihak kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM17.2 juta bagi tujuan bantuan kebajikan kepada veteran dan tanggungannya.

(ii) skim kedua ialah skim rawatan perubatan. Veteran ATM adalah layak untuk mendapat pelbagai faedah perubatan yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti rawatan di Institut Jantung Negara, rawatan kepakaran di hospital kerajaan, bayaran balik kos rawatan, rawatan hemodialisis, peralatan pesakit dan juga perubatan. Dari tahun 2013 hingga 2015, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM190.13 juta bagi faedah perubatan veteran ATM ini.

Di samping itu, sebagai satu usaha penambahbaikan, JHEV juga sedang berusaha menggunakan *electronic medical automated supply system,* dengan izin, bagi membolehkan veteran ATM mendapatkan bekalan ubat serta peralatan perubatan yang tidak dapat disediakan oleh hospital-hospital kerajaan atau hospital angkatan tentera tanpa perlu membuat apa-apa pembayaran

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendirian, selain daripada bentuk-bentuk skim dan bantuan yang disediakan, kebolehpasaran bakal-bakal pesara dan veteran ATM merupakan sesuatu yang amat penting untuk kita perkukuhkan bersama. Ia terus dipergiat melalui Pertubuhan Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) yang merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pertahanan. Semasa merasmikan majlis konvokesyen PERHEBAT minggu lepas, saya telah mengumumkan tiga program utama iaitu:

(i) Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen. Program ini latihan khusus untuk veteran ATM yang tidak berpencen bagi menceburi bidang keusahawanan.

(ii) Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM. Sejak dilancarkan pada September 2012 sehingga Disember tahun ini, sebanyak RM22.17 juta pinjaman telah diluluskan kepada 1,188 orang usahawan veteran ATM; dan

(iii) Kolaborasi PERHEBAT bersama agensi kerajaan dan industri seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Majlis Amanah Rakyat, Boustead Heavy Industry Corporation, Boustead Hotel and Resorts Sdn. Bhd., Sime Darby, Johor Corp., Proton, Naza, Perbadanan Nasional Berhad. Semua ini merupakan pendekatan-pendekatan di luar kotak merentasi salur masing-masing untuk memastikan bahawa laluan kerjaya anggota kita atau bakal veteran kita akan sentiasa dapat pembelaan.

Walau apapun yang telah dilaksanakan, sesungguhnya pihak kementerian sentiasa tidak berpuas hati dan sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti hidup, kebajikan dan kesejahteraan veteran ATM. Kini, pihak ATM mempunyai perancangan bagi pelan jangka panjang 15 tahun yang akan datang melibatkan 10 inisiatif *blueprint* veteran ATM yang bertujuan untuk menambah baik bantuan kebajikan yang disediakan oleh kerajaan kepada veteran ATM serta tanggungan mereka. Keseluruhan inisiatif di dalam *blueprint* tersebut sedang diperhalusi oleh pihak kementerian. *Inshaa Allah*, satu *retreat* akan diadakan pada Januari tahun depan. Saya sendiri akan terlibat secara langsung di*retreat* tersebut untuk memastikan semua pihak yang berkepentingan dan bertanggungjawab akan berada dalam muka surat yang sama, hala tuju yang tepat dan rakyat memahami secara telus apa perancangan kita di MINDEF, di ATM dan agensi-agensi di bawah kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhirnya, pandangan dan cadangan yang membina dari semua pihak, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat Senator amat kita alu-alukan. Sama-samalah kita berusaha untuk membina sebuah negara yang maju, makmur dan sejahtera tanpa meminggirkan sesiapa jua. Terima kasih.

**■1120**

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan saya, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Menteri Pertahanan kerana tatkala di akhir penghujung tahun kebanyakan rakan-rakan lain dah pergi bercuti tetapi Menteri Pertahanan masih setia berada di dalam Dewan *[Tepuk]* Tahniah.

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat anggota-anggota tentera yang sama ada di penghujung perkhidmatan ataupun yang telah bersara, sebagaimana yang dikemukakan oleh Menteri sebentar tadi, banyak perancangan dan *plan* yang akan dibuat terutama daripada segi perumahan dan sebagainya.

Akan tetapi, yang menyedihkan, semalam ada satu kes di kawasan saya. Apabila saya sampai ke program itu, saya dapati anggota polis ramai. Ada seorang kena tangkap, saya tanya salah siapa. Bekas anggota tentera rupanya, yang terlibat dengan dadah secara ringkasnya.

Saya hendak tahu kementerian, apakah perancangan kementerian untuk bekas-bekas tentera? Ada yang sekarang ini pencen bawa teksi. Teksi pula teksi sewa. Kehidupannya begitu daif, rumah tidak ada. Jadi saya hendak tanya kementerian, apakah perancangan sebenarnya khususnya untuk bekas-bekas tentera dan juga yang bakal bersara untuk masa-masa akan datang? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang saya bercadang hendak pergi cuti tapi bila tahu Yang Berhormat Datuk Abbas mewakili Yang Berhormat Dato’ Salim, tidak jadi cuti *[Ketawa]*

Satu soalan tambahan yang cukup tepat kerana laluan kerjaya dan hala tuju mereka yang telah pun bersara daripada perkhidmatan kita pada umur yang muda memerlukan pendekatan yang tepat, dan amanah tanggungjawab ini saya sudah letakkan di atas bahu dan kepala PERHEBAT.

Minggu lepas saya telah menyatakan bahawa ini satu perkara yang tidak boleh kita kompromi. Pertamanya, kita mesti bersungguh-sungguh kerana kita mesti memaklumkan kepada mereka yang bekas anggota kita dan masih lagi dalam perkhidmatan bahawa kita berterima kasih atas segala pengorbanan besar yang diberikan oleh bakal pesara dan veteran ATM.

Kedua, saya sudah nyatakan bahawa membentuk kapasiti dan kemahiran anggota secara *inclusive* tanggungjawab moral kerajaan yang prihatin, *moral responsibility,* untuk memastikan mereka ada tempat dalam pembangunan sebuah negara bangsa selepas mereka bersara.

Ketiga, kita perkenalkan PERHEBAT kerana wujud satu keyakinan yang tinggi bahawa para bakal pesara dan veteran kita mempunyai potensi yang sangat besar.

Mungkin mereka yang terlibat dengan dadah ini merupakan hanya segelintir kecil tetapi majoriti bakal-bakal veteran dan pesara veteran kita mempunyai potensi yang boleh diserapkan sekali dalam kita memastikan cabaran ekonomi yang kita akan hadapi pada tahun depan dan pada masa-masa yang akan datang tetap juga mengambil kira kedudukan, peranan dan sumbangan mereka ini.

Akhir sekali, latihan kemahiran dan pembinaan kapasiti pelaburan jangka masa panjang yang terbaik untuk sesebuah negara.

Kembali kepada PERHEBAT tadi. Saya juga telah umumkan dan maklumkan kepada semua pihak pada minggu lepas bahawa PERHEBAT serta unit-unit ATM di dalam Kem Sungai Buloh akan berpindah ke lokasi yang baru dalam masa tiga tahun. PERHEBAT akan disediakan dengan bangunan serta kemudahan-kemudahan baru yang terkini. Ini merupakan peluang yang terbaik untuk PERHEBAT lebih berkembang dan berupaya menawarkan perkhidmatan terbaik kepada warga veteran. Ini juga merupakan sebuah pengiktirafan yang besar kepada PERHEBAT agar usaha yang giat dilaksanakan dapat diperkasakan dan diperluaskan.

Di peringkat pendidikan menengah, kita mempunyai Maktab Tentera Diraja atau RMC. Di peringkat pengajian tinggi, kita mempunyai Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan *inshaaAllah* kelak, sekiranya semua ini berjalan seperti yang kita rancang, PERHEBAT akan muncul sebagai pusat kecemerlangan kemahiran tinggi khusus untuk pesara dan veteran ATM. Terima kasih.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menambah- kebetulan bukan skrip yang telah pun disusun oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Abbas menyebut Yang Berhormat Menteri masih lagi hadir walaupun dalam keadaan masih cuti. Saya juga hendak ambil kesempatan dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana sepanjang pengamatan saya hampir dua tahun di Dewan ini, tidak pernah sekali pun dalam sesi Dewan Negara Yang Berhormat Menteri tidak mengambil bahagian dalam menjawab soalan *[Tepuk]* Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Pada saya, ini satu pengiktirafan yang telah Yang Berhormat Menteri memberikan kepada Dewan Negara.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri dalam perbahasan melibatkan Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera baru-baru ini, minggu lepas, rata-rata dalam Dewan yang mulia ini semua telah mengambil bahagian dalam hendak mengangkat martabat dan harakat terutamanya bekas-bekas tentera ini supaya mereka diberikan kehidupan yang selesa.

Saya tadi mendengar dengan teliti ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya yakin, Yang Berhormat Menteri, Kementerian Pertahanan di bawah kepimpinan di bawah Yang Berhormat Menteri memang telah merancang banyak program dan juga langkah-langkah yang hendak diambil untuk membela nasib mereka.

Namun demikian, kita akui, kita tidak boleh nafikan dan dalam perbahasan saya pun saya nyatakan dengan jelas, kita berterima kasih atau kerajaan Barisan Nasional berterima kasih kepada pasukan Angkatan Tentera ataupun semua daripada mereka kerana telah memberi undi kepada kerajaan Barisan Nasional. Ini tidak boleh kita nafikan walaupun ditohmah pelbagai oleh pembangkang kononnya undi itu telah disusun dan sebagainya.

Akan tetapi, yang menjadi persoalannya Yang Berhormat Menteri, apakah mungkin ada langkah tambahan yang boleh diambil kepada bekas-bekas pesara ini? Ini kerana dilihat ada segelintir kecil daripada mereka selepas sudah bersara ini dia semacam jauh hati sedikit daripada kita dan akhirnya mungkin memberikan sedikit undi protes. Saya yakin PERHEBAT Yang Berhormat Menteri telah buat segala-segalanya sesuai dengan namanya PERHEBAT dengan gerakannya yang cukup hebat. Mungkin apakah langkah tambahan yang boleh dijalankan oleh kementerian supaya pesara ini kembali menyokong kita sewaktu mana bila mereka dalam tugasan? Jadi, mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Megat. Selepas ini saya belanja minum *[Ketawa]*

Akta Veteran, Tuan Yang di-Pertua, telah diluluskan bertujuan seperti Yang Berhormat sebut tadi iaitu untuk memperkemaskan pengurusan warga veteran ATM dan persatuan-persatuan ATM. Lanjutan daripada itu, sebuah Majlis Veteran Kebangsaan akan diwujudkan dan saya akan pantau secara dekat. Antara peranan Majlis Veteran Kebangsaan ini adalah untuk menasihat dan membuat syor kepada kerajaan bagi isu-isu yang melibatkan kebajikan veteran ATM.

Saya juga, seperti Yang Berhormat tadi, akui dan tidak menafikan bahawa ada kekangan-kekangan, mungkin kelemahan-kelemahan yang perlu kerajaan ambil kira dalam memikirkan penambahbaikan kepada program-program sedia ada. Oleh sebab itu saya umumkan tadi bahawa satu *retreat* tiga hari dua malam di mana saya hendak melibatkan semua pihak untuk bersama-sama kita sama ada daripada pihak Angkatan Tentera Malaysia sendiri, warga MINDEF, industri pertahanan, agensi-agensi di bawah MINDEF mesti bersama-sama memikirkan cara bagaimana perjuangan ini bukan sahaja jelas, telus, tetapi tidak menafikan bahawa ujian dan juga apa yang terpaksa kita lalui tahun depan dalam konteks ekonomi negara kita bukan satu perkara yang mudah.

**■1130**

Itu saya percaya bahawa usaha melihat dan menggembleng seramai mungkin pihak-pihak berkepentingan bersama-sama kita untuk mengatasinya, dibekalkan dengan akta yang baru diluluskan dengan semangat yang luar biasa daripada semua pemimpin kita dari setiap lapisan masyarakat dan mengkomunisasikannya kepada orang ramai. Itu merupakan satu perkara yang saya ambil berat.

Perkara kedua ialah kita memerlukan data yang tepat. Alumni terhebat saya difahamkan kita membuat kajian satu tahun untuk mengenal pasti berapa ramai yang mereka merupakan alumni dan saya dimaklumkan 200,000 orang. 20 peratus merupakan mereka yang tidak berpencen yakni 80 peratus orang anggota yang berpencen. Jadi perhebat, datanya ada. Tidak tentulah JHEV dan juga persatuan veteran kita. Jadi kita sedang fikirkan ini bersama dan saya memberikan jaminan kepada Dewan Negara di bawah kepimpinan saya selagi saya Menteri Pertahanan, ini merupakan agenda utama kita pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya akan memberikan satu ruang lagi kerana memandangkan Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Dipersilakan Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar.

**Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terima kasih kerana hadir dalam Dewan yang mulia ini. Soalan tambahan saya, memandangkan kebanyakan veteran-veteran kita tidak mampu terutamanya kepada golongan yang tidak berpencen, tidak mampu membeli rumah kerana kalau mereka tidak berpencen, ada yang bekerja dan ada yang tidak bekerja. jadi, apakah rancangan kementerian untuk membantu mereka dan adakah rancangan Kementerian Pertahanan untuk mewujudkan satu skim baru iaitu skim sewa beli untuk membeli rumah? Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

**Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kalau itu datangnya daripada presiden persatuan, kementerian akan bersetuju. Sebab itulah Yang Berhormat Senator berada di Dewan yang mulia ini untuk memperjuangkan dan menyuarakan apa yang diperlukan oleh pihak berkenaan. Takziah Tuan Yang di-Pertua bagi pihak semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ...Telah dibangkitkan dan disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita terpaksa hadapi tahun depan dan mungkin di bawah RMKe-11 dalam ekonomi dunia dan ekonomi negara yang mencabar ini, memerlukan kita memikir jauh ke hadapan. Satu-satu perkara yang saya telah mengarahkan MinDef untuk membuat perancangan ialah jangan berhenti di peringkat RMKe-11 sahaja. Kita kena membuat perancangan sehingga RMKe-12 dan RMKe-13 sebab itulah dalam soalan asal tadi saya menyatakan bahawa *blueprint* kita akan mengambil kira satu perancangan yang lebih jauh, 15 tahun.

Kekangan yang ada dalam lima tahun awal ini mungkin akan diambil kira untuk 10 tahun yang akan datang dengan harapan dan doa bahawa ekonomi kita akan lebih kukuh. Ini kerana isu berhubung kait dengan keselamatan negara, berhubung kait dengan moral dan juga kebajikan ahli anggota kita, kita tidak boleh ambil mudah kerana ini akan ada kaitan secara langsung kepada keselamatan, keharmonian dan kesatuan pembinaan negara pada masa-masa yang akan datang.

Jadi pandangan dan cadangan daripada semua pihak yang berkepentingan termasuk daripada persatuan-persatuan veteran bekerjasama rapat dengan PERHEBAT, LTAT dan JHEV supaya cadangan yang dikongsi bersama oleh tiga pihak yang berkenaan ini akan memberikan bimbingan kepada pucuk pimpinan MinDef untuk membuat keputusan yang tepat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat selaku Menteri datang sendiri menjawab di Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan keprihatinan dan penghormatan kepada Dewan. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan berasa gembira dengan jawapan yang diberikan kerana pemahaman seorang Menteri yang tahu mengenai kementerian, dia boleh tanya apa sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**6.** **Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan** minta Perdana Menteri menyatakan, kesiapsediaan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dalam menyelamatkan mangsa OKU dan warga emas dalam keadaan kecemasan atau bencana. Adakah JPAM mengamalkan *Disability Inclusive Disaster Risk Reduction.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Disability Inclusive Disaster Risk Reduction* menekankan keutamaan golongan ketidakupayaan seperti orang kurang upaya (OKU), warga emas, wanita, ibu mengandung dan kanak-kanak dalam semua fasa pengurangan risiko bencana yang merangkumi aspek mental, fizikal dan sosial masyarakat terhadap golongan ini.

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) sentiasa mengamalkan *Disability Inclusive Disaster Risk Reduction* dalam menyelamatkan mangsa OKU dan warga emas dalam keadaan kecemasan atau bencana. JPAM menggunakan *standard operating procedure* (SOP) yang sama seperti agensi penyelamat yang lain dalam keadaan kecemasan atau bencana dan sentiasa memastikan anggota dan pegawai mematuhi SOP dalam segala keadaan kecemasan atau bencana yang melibatkan golongan ini. Pendekatan kita ialah kasih sayang, sehati sejiwa. Terima kasih.

**Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah cadangan untuk menjalankan program atau latihan simulasi bersama OKU dan warga emas secara persediaan untuk menangani penyelamatan golongan tersebut ini apabila kecemasan atau bencana berlaku. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, itu satu cadangan yang baik dan *inshaa Allah*, tindakan yang sewajarnya akan diambil.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila operasi menyelamat berlaku, biasanya antara masalah yang timbul adalah ketidaksediaan orang yang hendak diselamatkan untuk berpindah kerana berkeyakinan keadaan akan kembali pulih dan ini sangat biasa berlaku dan boleh mengakibatkan nyawa terkorban. Jadi apa langkah kerajaan bagi memastikan kesediaan orang-orang yang diselamatkan, yang hendak dipindahkan ini bersedia pada bila-bila masa untuk berpindah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Terima kasih kepada soalan. Tuan Yang di-Pertua, yang ini memang merupakan masalah kerana pemikiran orang-orang yang terlibat dengan bencana bahawa mereka tidak menghadapi- contohnya banjir yang luar biasa sebab dalam sejarah kehidupannya dia tidak pernah menghadapi perkara tersebut. Contohnya yang berlaku pada tahun sudah, banyak pihak yang mengatakan bahawa air ini tidak naik lebih daripada paras lutut. Jadi dia menunggu sampai paras lutut, dia kata mungkin air itu akan berhenti di tahap itu. Akhirnya air itu bukan sahaja naik sampai paras lutut tetapi sampai bumbung rumah pun tenggelam.

Jadi pemikiran itu berlaku kerana tidak ada pengalaman yang dilaluinya sepanjang kehidupan. Jadi untuk mengatasi perkara ini pejabat daerah digalakkan untuk mengadakan simulasi dan dalam masa yang sama, kawasan-kawasan yang memang dijangka untuk berlaku banjir diberikan keutamaan. Jadi sekarang ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita pernah memanggil semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk hadir majlis penerangan mengenai simulasi yang sepatutnya dibuat di setiap kawasan.

Latihan ataupun simulasi di setiap kawasan dalam masa yang sama juga kita juga mendapatkan beberapa buah kawasan untuk dijadikan contoh bagaimana mereka menguruskan banjir luar biasa pada masa lepas termasuklah Kemaman, Pasir Salak, Parit dan sebagainya, kita minta untuk mereka menceritakan pengalaman masing-masing dalam banjir yang lepas.

**■1140**

Jadi jawapan kepada Yang Berhormat tadi ialah kita meneruskan latihan dan simulasi dan semua pegawai daerah telah dimaklumkan supaya mengadakan simulasi dan latihan tersebut. JPAM yang menjadi sekretariat di peringkat negeri dan juga daerah serta menjadi peneraju utama di peringkat komuniti digerakkan untuk mengadakan latihan dan simulasi. Walaupun kita sedar bahawa sesetengah tempat mungkin mereka belum mengadakannya lagi kerana kawasan tersebut belum pernah ada banjir. Sama ada pernah kena banjir atau tidak mereka mesti mengadakan latihan dan simulasi sebab pegawai-pegawai ini mesti mengetahui ataupun sukarelawan mesti mengetahui tanggungjawab masing-masing sekiranya berlaku banjir. Jadi pertama sekali, mengadakan simulasi dan latihan.

Keduanya, kita membuat makluman dari semasa ke semasa dalam media massa bahawa kalau sekiranya berlaku banjir kita hendaklah berpindah sebelum banjir, ini yang terbaik. Selepas itu kita pulang setelah banjir berakhir. Sekarang ini Yang Berhormat sedia maklum bahawa banjir dijangka tidak berlaku seperti yang berlaku pada tahun sudah kerana tahun ini tahun *El Nino* ekstrem yang berlaku di seluruh dunia. Akan tetapi banjir masih berlaku dan ada sesetengah tempat macam di Mahang, Selangor sudah dua kali berpindah kerana banjir yang berlaku. *So,* kita tidak akan hentikan latihan, simulasi dan juga hebahan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

**7.** **Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apa usaha yang diambil untuk mendidik masyarakat tentang penyakit jantung yang menjadi pembunuh senyap di negara Malaysia.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah, ini kawan lama saya juga. Yang Berhormat telah pun sedia maklum bahawa penyakit jantung sejenis penyakit yang tidak berjangkit yang berkait rapat dengan amalan gaya hidup yang tidak sihat. Terutamanya dalam aspek pemakanan termasuk tabiat merokok dan aktiviti fizikal.

Oleh itu fokus utama kementerian adalah melipatgandakan usaha dalam mempromosi pencegahan penyakit jantung dan lain-lain penyakit *non-communicable diseases* (NCDs) atau penyakit yang tidak berjangkit. Iaitu dengan mesej bahawa penyakit jantung kumpulan penyakit yang membunuh secara senyap tetapi boleh dikesan dan dicegah di peringkat awal.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah pun mengguna pakai beberapa pendekatan dan strategi yang efisien dan agresif menerusi pendidikan kesihatan awam dan verifikasi cara hidup ataupun *lifestyle verification* dengan memantapkan dan memperkukuhkan aktiviti di peringkat komuniti. Pendidikan kesihatan awam menerusi siaran iklan di televisyen, radio, majalah, surat khabar dan media sosial telah menguar-uarkan mesej seperti penyakit jantung, diabetes dan darah tinggi serta langkah-langkah pencegahan yang perlu diamalkan.

Selari dengan pendekatan di peringkat antarabangsa, sambutan Hari Jantung Sedunia yang disambut pada 29 September telah dijalankan di peringkat ibu pejabat dan juga di negeri dengan tema, *"Aktif Setiap Hari, Gaya Anda, Cara Anda".* Sambutan melalui pendekatan interaksi bersama media telah dijalankan untuk menyampaikan mesej dengan lebih meluas. Kita akan mudah dan memperluaskan lagi pencapaian aktiviti saringan NCD ataupun penyakit yang tidak berjangkit dan faktor risikonya kepada seluruh rakyat Malaysia di bandar dan juga di luar bandar.

Kemudahan saringan tidak hanya ada di fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan sahaja tetapi juga melalui penambahan bilangan melalui kempen KOSPEN Tuan Yang di-Pertua, kita menambahkan lagi lokaliti-lokaliti di seluruh negara. Setakat ini kita telah pun melatih sebanyak 30,000 orang sukarelawan dan *target* kita menambah sukarelawan kepada 50,000 orang pada tahun 2016.

Aktiviti mobilisasi komuniti dalam bentuk kem kesihatan menggunakan strategi *outreach* telah menekankan kepada aktiviti kecergasan seperti senamrobik, berbasikal, lompat tali, aktiviti berjalan 10,000 langkah dan sebagainya. Kini aktiviti berjalan 10,000 langkah semakin popular di kalangan masyarakat sebagai satu bentuk aktiviti fizikal yang mudah dan berfaedah kepada kesihatan khususnya menurunkan berat badan. Ini telah menarik minat agensi-agensi lain seperti agensi kerajaan, NGO dan tidak ketinggalan pihak swasta untuk sama-sama berganding bahu mempromosi aktiviti fizikal berjalan 10,000 langkah kepada seluruh rakyat Malaysia Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dalam menyoal Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan penyakit jantung ini, saya juga membaca sedikit kajian yang dibuat di luar negara. Rupa-rupanya *stress* ini yang menyebabkan kita mendapat penyakit jantung. Dalam kajian ini rupa-rupanya orang dulu-dulu pun *stress*. Katanya orang dulu-dulu semasa di hutan terjumpa dengan harimau contohnya. Jadi dia *stress*, semasa dia *stress* itu hormon adrenalina keluar dengan begitu banyak dan pergi ke otak dan semasa itu hormon ini menyatakan kepada otak lari ataupun lawan.

Dalam kajian itu juga dibuat rupa-rupanya sekarang ini dibuat kajian di otak ini rupanya otak kita ini berfungsi, di sebelah kirinya, dia kata di sini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebelah kirinya *sick, health, stress, fear, worry, anxiety, saving, fear, assurance* dan sebagainya datang di kepala dia di sebelah kiri. Di sebelah kanan pula dia *the tired headache, bills, payment, death, job, retirement, anxiety in Parliament* ada ini dibuat kajian. *Stress* ini rupanya datang sebelah kanan dia. Di sebelah kiri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, apabila *stress* ini datang dibuat juga kajian macam mana apabila dia kena sakit jantung itu 'duk' hendak melegakan dia. Rupa-rupanya Tuan Yang di-Pertua, salah satu caranya ialah dengan elemen-elemen agama. Dengan doanya, dengan sembahyangnya, dengan tazkirahnya. Ini juga termasuk dalam agama-agama lain bukan sahaja agama Islam.

Akan tetapi soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau inilah terapinya untuk orang-orang yang sakit jantung, apakah kementerian akan mengadakan program-program sebegini di hospital bagi mereka ini? Kita himpun contohnya semasa maghrib orang-orang yang sakit jantung ini bawa ke surau dan kita adakan terapi ini untuk mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pendek sahaja tetapi mukadimah ia panjang dan sah kata Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah dia buat *research* banyak. Dia membaca banyak, buat *research* banyak, dia *lecture* pada kita. Terima kasih.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, di peringkat hospital kita di peringkat setiap hospital yang besar ini kita memang sudah ada pegawai-pegawai JAKIM yang duduk bersama dengan kita. Kita memang mempromosikan Hospital Mesra Ibadah tetapi belum sampai ke peringkat kumpulkan pesakit-pesakit pergi ke surau buat Yasin dan sebagainya, belum sampai lagi. Jadi *inshaa Allah* kita ke arah itulah.

Akan tetapi setakat ini memang sudah ada mesra bila kita sebut kempen mesra agama, mesra ibadah makna kita pegawai yang ada ini dia bagi- dia ceritalah tentang bagaimana kalau sakit bagaimana hendak sembahyang, macam mana hendak ambil air sembahyang sebagainya. Ini memang sedang berjalan Tuan Yang di-Pertua. Kita, *inshaa Allah* akan teruskan usaha-usaha yang lain juga Tuan Yang di-Pertua.

**8.** **Datuk Chin Su Phin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, usaha dan langkah kerajaan membantu pengusaha kecil dan sederhana swasta yang terlibat dalam sektor pembinaan di negara ini yang terkesan dengan kejatuhan mata wang Ringgit.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah atas pemergian adinda Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan sektor pembinaan negara termasuk kontraktor-kontraktor tempatan tidak terjejas berikutan dengan kejatuhan nilai Ringgit.

**■1150**

Berdasarkan nilai Ringgit semasa, kesan kenaikan terhadap kos pembinaan ialah dianggarkan 5 peratus untuk projek-projek bangunan dan 10 peratus untuk projek-projek Mekanikal dan Elektrikal (M&E), dengan izin. Peningkatan kos ini mengambil kira kandungan bahan import yang digunakan dalam pelaksanaan sesuatu projek. Namun demikian, kerajaan telah melaksanakan inisiatif bagi membantu para kontraktor yang terdedah kepada persekitaran ekonomi dan situasi global yang semakin mencabar. Antara usaha dan inisiatif kerajaan tersebut ialah seperti berikut:

(i) penyelarasan harga item-item binaan tertentu mengikut harga industri untuk projek-projek kerajaan yang sedang dalam peringkat pembinaan iaitu menerusi penetapan klausa, perubahan harga barang (VOP) dalam kontrak-kontrak kerajaan;

(ii) meningkatkan kapasiti kewangan kontraktor melalui insentif pinjaman dana mudah sama ada melalui Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK), SME Bank, SME Corporation atau daripada Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU); dan

(iii) meningkatkan tahap kompetensi kontraktor iaitu melalui pelbagai bentuk latihan, kursus-kursus dan seminar yang dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan juga oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Kementerian Kerja Raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa komited untuk melonjakkan tahap kompetensi para penggiat industri binaan termasuk kontraktor, perunding dan juga pembekal bahan binaan di negara ini. Dalam masa yang sama mereka juga disarankan supaya bergabung dan membentuk syarikat usaha sama untuk merebut peluang-peluang perniagaan sama ada kontrak kerajaan atau swasta di dalam mahupun di luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi.

Seperti yang kementerian sedia maklum, terdapat syarikat dan kontraktor yang telah memulakan projek kerajaan semasa nilai mata wang Ringgit pada paras RM3.20 sehingga RM3.40 iaitu pada awal tahun 2014. Sebahagian daripada mereka mengimport bahan binaan untuk digunakan bagi tujuan projek tersebut.

Oleh yang demikian, soalan tambahan saya adakah kerajaan boleh menimbangkan cadangan untuk membenarkan kontraktor yang saya sebutkan tadi yang masih menjalankan projek kerajaan tersebut memohon tuntutan daripada kerajaan bagi perbezaan nilai mata wang yang digunakan bagi tujuan mengimport bahan binaan yang mana nilai mata wang hari ini adalah pada paras RM4.30. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf kepala saya pun agak pening sikit hari ini.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya boleh memberikan jawapan secara bertulis tetapi saya ingin juga menyatakan di sini bahawa untuk pengetahuan Yang Berhormat, kenaikan nilai Dolar Amerika berbanding Ringgit Malaysia sebenarnya turut memberikan kesan terhadap pelaksanaan projek-projek infrastruktur di negara ini iaitu mengambil kira kandungan bahan import yang digunakan.

Seperti yang saya katakan pada awal jawapan saya, berdasarkan nilai Ringgit Malaysia semasa kesan kenaikan terhadap kos pembinaan dianggarkan sekitar 5 peratus untuk projek bangunan dan 10 peratus untuk projek mekanikal. Bagi kerja bangunan, kos bahan binaan yang terjejas Yang Berhormat adalah seperti besi, cat, jubin dan komponen M&E yang kebiasaannya diimport secara langsung atau dihasilkan di negara ini tetapi menggunakan kandungan bahan mentah yang diimport dari luar negara.

Namun bagi projek-projek infrastruktur yang lain Yang Berhormat kesan kenaikan Dolar US adalah sangat minimum kerana penggunaan bahan yang diimport adalah sangat rendah. Kesan ini diimbangi atau *offset* dengan penurunan harga-harga petroleum dan diesel di peringkat global. Kos upah dan jentera juga tidak terjejas dengan kesan kenaikan Dolar US ini kerana upah dibuat dalam nilai Ringgit Malaysia. Manakala pembelian jentera pula tidak dibuat pada masa kini kecuali untuk projek-projek khas yang telah menerima kelulusan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi projek-projek kerajaan yang dalam peringkat pembinaan mekanisme peruntukan khas kepada syarat-syarat kontrak di bawah klausa perubahan harga atau *variation of price* (VOP) telah mula dilaksanakan dan diguna pakai Yang Berhormat sejak tahun 2008 yang mana memberikan kebenaran untuk dilakukan penyelarasan harga bagi bahan-bahan binaan tertentu supaya mengikut harga industri.

Pada masa yang sama Yang Berhormat, kerajaan juga menetapkan dasar penggunaan bahan, barangan dan perkhidmatan tempatan dalam perolehan kerajaan melalui pelaksanaan satu Pekeliling Perbendaharaan PK1, Punca Kuasa Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan yang mana bukan sahaja bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi di dalam negara melalui pengeluar tempatan malah ia juga turut berperanan membantu mengurangkan kos bahan dan barangan yang terlibat dalam perolehan kerajaan melalui penggunaan bahan dan barangan yang lebih kos efektif yang dikeluarkan oleh industri tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada siapa-siapa yang hendak bertanya kepada soalan tambahan kepada kementerian ini yang ada? Tidak ada.

**9.** **Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta Menteri Kesihatan menyatakan, jika rokok elektronik diklasifikasikan sama bahayanya dengan rokok biasa kepada kesihatan manusia, adakah pihak kementerian akan memastikan juga larangan merokok serupa terhadap pengguna rokok elektronik di sudut-sudut tertentu tempat awam.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Dayang Madinah. Soalan seterusnya berkenaan dengan rokok elektronik dan juga rokok kawalan. Bagaimana hendak mengawal kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai dua akta bagi mengawal bahan terkawal di dalam cecair rokok elektronik iaitu di bawah Akta Racun 1952, Akta Makanan 1983 (Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004). Jadi mengawal aktiviti yang semakin berleluasa, aktiviti penguatkuasaan menggunakan kedua-dua akta ini akan terus, akan dijalankan.

Bagi melindungi golongan bukan perokok dari bahaya asap rokok termasuk wap dari rokok elektronik, Kementerian Kesihatan Malaysia akan menguatkuasakan penggunaan rokok elektronik dan *vape* di tempat-tempat larangan merokok yang diwartakan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau dengan pindaan sedikit iaitu selepas perkataan asap dimasukkan perkataan wap. Ini adalah di peringkat menteri sahaja. Maka kita akan laksanakan akan dikuatkuasakan pada awal tahun hadapan Tuan Yang di-Pertua.

Maknanya dengan perubahan sedikit perkataan masuk wap ini maka peraturan kawalan tembakau dan juga akan terpakai kepada *vape*. Maknanya jualan dihadkan kepada kawasan-kawasan hisap *vape* iaitu *electronic cigarette* dan juga rokok dihadkan di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Ada 21 buah kawasan yang telah pun gazetkan tidak boleh hisap rokok. Termasuklah di hospital, di universiti, di pelbagai tempat yang telah pun digazet. Terdapat 21 buah tempat semuanya termasuk juga di R&R.

Selain daripada itu, aktiviti promosi akan diteruskan. Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan aktiviti promosi kepada semua lapisan masyarakat terutama kepada golongan remaja dan kanak-kanak dan telah menasihatkan kepada mereka yang belum terlibat dengan aktiviti merokok termasuk rokok elektronik dan *vape* agar tidak memulakannya. Bagi mereka yang telah terlibat diminta untuk berhenti dan mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar-pakar perubatan Tuan Yang di-Pertua.

**■1200**

**Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Sebenarnya saya tidak ada tambahan tetapi saya mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha dan inisiatif pihak kementerian untuk menentukan kawasan-kawasan larangan dan tambahan kepada wap tadi, bukan sahaja asap.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri kerana menjawab. Baru-baru ini seperti yang kita tahu Johor dan Kelantan telah mengharamkan penjualan *vape.* Apa tindakan kementerian berhubung dengan hal ini di dalam menyelaras undang-undang untuk setiap negeri di dalam negara kita. Ini kerana takkanlah kalau kita hisap di Kelantan merbahaya, kalau kita hisap di negeri Selangor tidak berbahaya. Apakah tindakan kementerian untuk menyelaraskan undang-undang berhubung dengan penjualan *vape* ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua ini soalan penting Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebenarnya untuk kawalan rokok elektronik dan *vape* ini bukan hanya Kementerian Kesihatan yang terlibat tetapi berbagai-bagai kementerian yang lain. Contohnya kalau cecair itu ada mengandungi dadah berbahaya, macam ada morfin ada ganja dan sebagainya maka tindakan akan diambil oleh pihak polis di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Jadi baru-baru ini kita lihat boleh sudah buat tangkapan bila ada campuran ganja di dalam cecair *vape* itu.

Kedua, KPDNKK juga di bawah Akta Perlindungan boleh mengawal peranti dan juga *e-liquid* yang dijual. KPDNKK pun ada akta yang boleh mengawal selain daripada yang saya sebut tadi tentang Kementerian Kesihatan, ada. Begitu juga PBT masing-masing, pihak berkuasa tempatan masing-masing pun boleh buat peraturan tetapi dia mengawal daripada segi premis jualan. Johor sudah *declare* sudah buat kawalan diikuti dengan Kedah, Pulau Pinang pun ada kawalan dan diikuti oleh Kelantan.

Empat buah negeri sudah buat kawalan, buat penguatkuasaan jualan *sorry* penguatkuasaan daripada segi premis jualan. Jadi ada peraturan yang boleh buat, maknanya pelbagai agensi terlibat Tuan Yang di-Pertua.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]***

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS KESELAMATAN NEGARA 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**12.03 tgh.**

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Keselamatan Negara. Pengisytiharan kawasan keselamatan kuasa khas pasukan keselamatan di dalam kawasan keselamatan dan perkara lain yang berhubung dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkemas dan memperkukuhkan mekanisme pengurusan keselamatan negara terdapat keperluan untuk menubuhkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) secara formal melalui perundangan seperti yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang yang dicadangkan ini. Penubuhan MKN melalui perundangan adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa atau *international best practices,* dengan izin, dalam mengukuhkan mekanisme pengurusan keselamatan negara untuk menghadapi ancaman keselamatan negara yang semakin kompleks dan dinamik seperti *National Security Act* di Amerika Syarikat 1947, Filipina 1986, India 1998, Pakistan 2004, *Antigua and Barbuda* 2006, Thailand 2006, *United Kingdom* 2010 dan Jepun 2013 dan disuai padan dengan kehendak dan keperluan negara.

Keperluan penggubalan rang undang-undang yang dicadangkan ini adalah berdasarkan pertimbangan kepada tiga justifikasi penting iaitu yang pertama, menubuhkan MKN secara formal melalui perundangan bagi mengukuhkan pengurusan keselamatan negara. MKN yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri bagi menyelaras penggubalan dasar-dasar dan pelaksanaan langkah-langkah keselamatan telah diwujudkan secara pentadbiran melalui keputusan Jemaah Menteri pada 23 Februari 1971. Sehingga kini terdapat 24 Arahan MKN yang diguna pakai secara pentadbiran. Penubuhan MKN secara formal melalui perundangan dan mengukuhkan pengurusan keselamatan negara kerana semua tindakan MKN akan dilaksanakan berlandaskan undang-undang.

Kedua, keperluan penyelarasan maklumat dan risikan dalam menangani ancaman keselamatan negara. Rang undang-undang ini digubal bertujuan untuk menyelaras maklumat dan risikan entiti kerajaan dan pasukan keselamatan MKN bagi membolehkan sesuatu ancaman keselamatan negara dapat dicegah dari awal. Insiden pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013 menunjukkan perlunya penyelarasan dan perkongsian maklumat dan risikan yang lebih efektif di kalangan entiti kerajaan dan pasukan keselamatan.

Ketiga, menyediakan mekanisme tindak balas segera secara bersepadu melibatkan pasukan keselamatan dalam kawasan yang diisytiharkan kawasan keselamatan. Ancaman keselamatan negara ini semakin kompleks dan dinamik khususnya ancaman daripada pelaku bukan negara seperti kumpulan ekstremis dan radikal, ancaman *insurgency*, ancaman kumpulan militan dan sebagainya. Justeru mekanisme tindak balas segera yang bersepadu perlu diwujudkan sebagai persediaan untuk menangani dan mengawal sesuatu ancaman keselamatan dalam kawasan keselamatan tanpa mengisytiharkan darurat di bawah perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

Bagi maksud mengawal ancaman tersebut mekanisme tindak balas oleh pasukan keselamatan ke atas mana-mana kawasan diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan dapat diselaraskan oleh pengarah operasi yang dilantik oleh MKN. Pengarah operasi dan pasukan keselamatan akan diperuntukkan kuasa-kuasa khas di bawah Bahagian V rang undang-undang untuk menjalankan tugas dengan lebih efektif di dalam kawasan keselamatan.

Mengambil kira bahawa landskap keselamatan negara kini tidak seperti dahulu maka kerajaan memerlukan pendekatan yang tersusun dan holistik dalam menguruskan keselamatan negara dengan mewujudkan MKN secara formal melalui perundangan. Dengan adanya rang undang-undang ini kerajaan akan memperkukuhkan mekanisme pengurusan keselamatan negara, meningkatkan perkongsian maklumat dan risikan dan bersedia untuk melaksanakan tindak balas segera ke atas semua ancaman keselamatan negara yang memerlukan tindakan bersepadu pasukan keselamatan dan entiti kerajaan. Elemen penting dalam rang undang-undang ini ialah:

(i) MKN akan melaksanakan fungsi untuk merumuskan dasar keselamatan negara, fasal 4;

(ii) MKN akan menyelaras perkongsian maklumat dan risikan antara pasukan keselamatan dan entiti kerajaan bagi membolehkan sesuatu ancaman keselamatan negara dapat dicegah dari awal, fasal 17; dan

(iii) MKN akan memberi nasihat mengenai pengisytiharan kawasan keselamatan, fasal 18 dan melantik pengarah operasi, fasal 20.

Rang undang-undang ini tidak dibuat di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Rang undang-undang ini dibuat di bawah kuasa Parlimen mengikut perkara 74(1) Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersekali dengan Butiran 2, dan Butiran 3, Senarai Pertama, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, berhubung hal perkara pertahanan bagi persekutuan dan keselamatan dalam negeri. Rang undang-undang ini juga tidak menjejaskan hak asasi yang dilindungi di bawah Perkara 5, Perkara 9, Perkara10 dan Perkara 13, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu tidak ada keperluan supaya diadakan *recital* bagi menyatakan rang undang-undang ini dibuat di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan.

**■1210**

Seterusnya, rang undang-undang ini tidak menghakis hak-hak semua negeri, termasuklah Sabah dan Sarawak seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Rang undang-undang ini juga tidak perlu dirujuk kepada Majlis Raja-Raja kerana ia bukan suatu undang-undang yang memberi kesan secara langsung kepada keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebebasan Raja-Raja sebagaimana yang diperuntukkan Perkara 38, Perlembagaan Persekutuan.

Kesimpulannya, rang undang-undang ini bukan sahaja melindungi keselamatan negara, malah bertujuan menjaga dan melindungi keselamatan seluruh rakyat Malaysia dalam menghadapi ancaman keselamatan pada masa kini dan juga akan datang. Rang undang-undang ini apabila dikuat kuasa kelak adalah untuk tujuan keselamatan negara dan bukannya bermotif politik untuk menindas mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini mempunyai tujuh bahagian, merangkumi 44 Fasal.

Bahagian I dan II mengandungi "tajuk ringkas", "permulaan kuat kuasa" dan "tafsiran".

Akta ini akan mula berkuat kuasa pada satu tarikh yang ditetapkan oleh Perdana Menteri sebagai Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab ke atas akta ini.

Takrif "keselamatan negara", tidak diperuntukkan dalam rang undang-undang ini kerana bentuk ancaman keselamatan negara adalah dinamik dan berubah-ubah mengikut situasi semasa. Ini adalah selaras dengan norma dan amalan antarabangsa kerana kebanyakan negara turut tidak mentakrifkan 'keselamatan negara' dalam undang-undang keselamatan mereka.

Walaupun tidak ada takrifan khusus diperuntukkan mengenai "keselamatan negara" dalam rang undang-undang ini, "keselamatan negara" dalam konteks Malaysia adalah seperti yang diperuntukkan dalam fasal 4(a) iaitu termasuklah kedaulatan, integriti wilayah, kestabilan sosial politik, kestabilan ekonomi, sumber strategik dan apa-apa kepentingan yang berkaitan dengan keselamatan negara.

Bahagian II, Fasal 3 sehingga 14 memperuntukkan mengenai penubuhan Majlis Keselamatan Negara, fungsi, kuasa, keanggotaan, tatacara mesyuarat dan sebagainya. Bahagian ini juga menyatakan bahawa Ketua Pengarah Keselamatan Negara hendaklah bertanggungjawab kepada Majlis dan bertindak sebagai Setiausaha Majlis. Rang undang-undang ini menambah baik fungsi, kuasa, keanggotaan Majlis Keselamatan Negara yang diwujudkan melalui keputusan Jemaah Menteri pada tahun 1971.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, hal perkara keselamatan negara di Perlembagaan Persekutuan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, Perdana Menteri selaku Pengerusi kepada MKN boleh melantik sesiapa sahaja sebagai Pengerusi Keselamatan di peringkat negeri.

Walau bagaimanapun, semua Menteri Besar dan juga Ketua Menteri dimaklumkan mengenai kedudukan keselamatan dalam negeri masing-masing dari semasa ke semasa. Wakil-wakil negeri termasuk Sabah dan Sarawak akan dijemput untuk turut hadir memberikan pandangan dan maklumat sekiranya pada ketika dan waktunya Mesyuarat MKN membincangkan isu-isu berkaitan keselamatan negeri-negeri yang berkenaan. Rang undang-undang ini tidak menjejaskan kuasa dan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah tertinggi, Supreme Komander Angkatan Tentera Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 41, Perlembagaan Persekutuan.

Demikian juga halnya rang undang-undang ini juga tidak menjejaskan kuasa dan kedudukan Yang di-Pertuan Agong dalam Majlis Angkatan Tentera (MAT) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 137, Perlembagaan Persekutuan. Semua perkara berkaitan operasi ATM adalah di bawah bidang kuasa rangkaian pemerintahan ATM, di mana Panglima Angkatan Tentera merupakan pemimpin terkanan ATM yang bertanggungjawab untuk merancang atur gerak aset-aset atau formasi ATM berdasarkan arahan-arahan atau polisi Kerajaan Malaysia.

Bahagian III, Fasal 15 hingga 17 memperuntukkan mengenai pelantikan dan kewajipan Ketua Pengarah Keselamatan Negara dan pegawainya, kewajipan entiti kerajaan mengenai penyebaran maklumat dan risikan.

Bahagian IV, Fasal 18 hingga 21, memperuntukkan mengenai pengisytiharan kawasan keselamatan, perintah Eksekutif Majlis serta pelantikan Pengarah Operasi dan kewajipannya dan kuasanya. Kuasa Perdana Menteri untuk mengisytihar kawasan keselamatan adalah atas nasihat Majlis dan bukannya secara bersendirian atau *unilateral,* dengan izin.

Anggota-anggota Majlis terdiri daripada individu yang berkelayakan dan mempunyai pengetahuan yang sewajarnya dalam hal keselamatan negara. Oleh yang demikian, dakwaan bahawa rang undang-undang ini memberi kuasa yang luas kepada Perdana Menteri adalah tidak berasas sama sekali. Negara-negara lain yang mempunyai akta *National Security Council* adalah dipengerusikan oleh ketua kerajaan masing-masing sama ada Presiden atau Perdana Menteri.

Kuasa yang diberikan di bawah rang undang-undang ini tidak menjadikan Perdana Menteri sebagai seorang diktator kerana kuasa untuk mengisytiharkan darurat masih kekal kepada Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan. Rang undang-undang ini memperuntukkan mengenai pengisytiharan kawasan keselamatan sekiranya perlu oleh Perdana Menteri apabila berlaku ancaman yang serius terhadap keselamatan negara dan bukannya darurat yang berskala besar. Ini bermaksud, tahap ancaman yang membolehkan pengisytiharan kawasan keselamatan oleh Perdana Menteri adalah lebih rendah berbanding tahap ancaman bagi maksud pengisytiharan darurat oleh Yang di-Pertuan Agong.

Terdapat perbezaan ketara antara kesan pengisytiharan darurat dan pengisytiharan kawasan keselamatan. Pengisytiharan darurat akan menyebabkan semua pentadbiran di negeri yang diisytiharkan darurat akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan dan segala aktiviti politik, ekonomi dan sosial penduduk akan terjejas. Hak untuk bergerak juga akan disekat.

Walau bagaimanapun, pengisytiharan kawasan keselamatan tidak menjejaskan aktiviti penduduk dan pentadbiran di kawasan berkenaan. Ia cuma akan membolehkan pasukan keselamatan di kerah bertugas bagi mengawal ancaman di kawasan tersebut.

Rang undang-undang ini mewujudkan elemen *check and balance,* dengan izin, iaitu yang pertamanya, pengisytiharan kawasan keselamatan oleh Perdana Menteri dibuat atas nasihat Ahli Majlis yang dianggotai oleh individu-individu di kalangan penjawat awam iaitu Ketua Setiausaha Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara dan pihak Eksekutif, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Komunikasi dan Multimedia.

Keduanya, tempoh pengisytiharan tidak lebih daripada enam bulan dan boleh diperbaharui tidak lebih daripada enam bulan pada satu-satu masa. Pengisytiharan adalah diisytiharkan untuk makluman awam, diwartakan dan dibentang di Parlimen. Pengisytiharan boleh dibatalkan dengan sesuatu resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen atau oleh Perdana Menteri pada bila-bila masa.

Bahagian V, Fasal 22 sehingga 36, memperuntukkan Kuasa-kuasa Khas Pengarah Operasi dan Pasukan Keselamatan yang dikerah bertugas ke kawasan keselamatan.

Kuasa pasukan keselamatan untuk mengawal pergerakan adalah tidak bercanggah dengan Perkara 9, Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan kebebasan bergerak. Ini kerana Perkara 9(2), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiap-tiap warganegara berhak bergerak dengan bebas di seluruh Persekutuan dan bermastautin di mana-mana bahagiannya.

Walau bagaimanapun, kebebasan bergerak ini bukanlah mutlak tetapi tertakluk kepada mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam, kesejahteraan awam atau penghukuman pesalah.

Rang undang-undang ini merupakan suatu peruntukan undang-undang yang digubal bagi maksud memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara seperti yang dimaksudkan oleh Perkara 9(2), Perlembagaan Persekutuan. Maka, kebebasan bergerak dalam kawasan keselamatan yang diisytiharkan adalah tertakluk kepada rang undang-undang ini. Kuasa kepada Majistret atau Koroner untuk mengenepikan pengadaan siasatan kematian atau inkues ke atas mayat merupakan kuasa budi bicara jika dia berpuas hati bahawa orang itu telah terbunuh di dalam kawasan keselamatan akibat operasi yang dijalankan oleh pasukan keselamatan.

Walau bagaimanapun, sekiranya majistret atau koroner meragui punca kematian mana-mana anggota keselamatan atau mana-mana orang di dalam kawasan keselamatan, maka majistret atau koroner itu masih boleh menjalankan siasatan kematian dan inkues sewajarnya berdasarkan kuasa-kuasa yang ditetapkan di bawah seksyen 328 hingga seksyen 338, Kanun Tatacara Jenayah.

Jika keluarga si mati tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh majistret atau koroner, mereka boleh membuat semakan di bawah seksyen 341A, Kanun Tatacara Jenayah di Mahkamah Tinggi.

**■1220**

Bahagian VI, Fasal 37 hingga 42 memperuntukkan perkara-perkara am mengenai obligasi kerahsiaan, perlindungan kepada Majlis, mana-mana jawatankuasa, anggota Majlis, pengarah operasi atau anggota pasukan keselamatan atau entiti kerajaan, perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, memulakan pendakwaan kesalahan dan kuasa membuat peraturan-peraturan.

Perlindungan kepada mana-mana ahli Majlis, jawatankuasa, pengarah operasi atau mana-mana anggota pasukan keselamatan atau kakitangan entiti kerajaan hanya diberikan jika keabaian dilakukan atau ditinggalkan dengan suci hati atau *in good faith,* dengan izin. Akan tetapi, sekiranya perbuatan atau apa-apa tindakan dilakukan atau ditinggalkan dengan berniat jahat, maka perlindungan ini tidak akan terpakai. Penentuan sama ada sesuatu tindakan dilakukan atau ditinggalkan itu adalah suci hati atau pun tidak satu soalan fakta atau *question of fact,* dengan izin, yang akan diputuskan oleh mahkamah.

Rang undang-undang ini juga memperuntukkan berhubung pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 dengan meletakkan had tempoh atau *time limitation,* dengan izin, bagi maksud memulakan apa-apa prosiding undang-undang. Ini bermakna sebarang prosiding undang-undang di bawah Majlis, mana-mana jawatankuasa, pengarah operasi, anggota keselamatan dan pihak-pihak dinyatakan dalam rang undang-undang tersebut perlu dimulakan dalam tempoh 36 bulan atau pun tiga tahun daripada tarikh perbuatan tersebut sama seperti tindakan perundangan terhadap agensi kerajaan yang lain.

Kuasa yang diberikan kepada Perdana Menteri untuk membuat peraturan atau pun *regulation,* dengan izin, tidaklah luas seperti yang disangkakan. Kuasa tersebut mesti digunakan bagi maksud menjalankan atau pun menguatkuasakan peruntukan akta ini. Dalam erti kata yang lain, *within the four walls of the fact,* dengan izin. Jika Perdana Menteri membuat peraturan-peraturan di luar kuasa yang diberikan dalam akta ini, peraturan-peraturan yang dibuat ini boleh dicabar di mahkamah. Oleh yang demikian, tiada kuasa yang mutlak di bawah akta ini. Perkara sedemikian wujud dalam mana-mana akta di mana Menteri yang bertanggungjawab ke atas akta diberi kuasa untuk membuat apa-apa peraturan berkaitan.

Bahagian VII, Fasal 43 dan 44 memperuntukkan mengenai kecualian di mana apa-apa arahan perintah atau keputusan MKN dan jawatankuasa yang diwujudkan sebelum permulaan kuat kuasa akta ini akan terus berkuat kuasa selagi ia selaras dengan akta ini atau sehingga ia dibatalkan oleh MKN.

Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya terlebih dahulu ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, Akta Keselamatan Negara ini amat penting, tidak tahulah kenapa, tetapi nampaknya seluruh dunia fokus memerhatikan kita Dewan Negara membuat keputusan. Sebentar tadi Yang Berhormat semua sudah dengar huraian berkenaan rang undang-undang ini secara panjang lebar.

Pertama sekali, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat supaya semua Ahli Yang Berhormat mesti berada dalam Dewan supaya Yang Berhormat dapat mengikuti sebenarnya rang undang-undang ini. Jangan keluar masuk, keluar masuk. Saya tahu siapa yang telah minta mohon kerana uzur, ada sesuatu hal, saya benarkan. Selain daripada itu, saya minta semua berada di dalam Dewan dan mendengar secara teliti.

Saya berkata demikian kerana sudah keluar dalam laporan di sebuahakhbar menyatakan dalam Dewan ini ada satu ketika hanya enam orang sahaja. Saya rasa laporan dibuat akhbar ini tidak betul kerana saya duduk di atas ini saya selalu memerhatikan dan hendak tentukan tiap-tiap masa mesti sekurang-kurangnya 10 orang. Kalau waktu solat pukul 7, saya fikir itu tetapi tidak pernah pada pengetahuan saya kurang daripada 10.

*So,* laporan akhbar ini nampaknya dia begitu fokus kepada perangai Yang Berhormat dalam Dewan ini. *So,* saya mohon supaya Yang Berhormat begitu serius mengambil berat kerana rang undang-undang ini menjadi satu tarikan semua pihak yang saya percayai Yang Berhormat sendiri pun tahu. *So,* dalam perkara ini, Yang Berhormat mesti fokus dan membahaskan secara berkualiti, berhemah dan betul-betul bertanggungjawab kerana rang undang-undang ini akan menjadi satu undang-undang dan Yang Berhormatlah yang bertanggungjawab atas sesuatu keputusan.

Juga, saya hendak menarik perhatian bahawa kita ada hari ini dan esok. Kita ada lama masanya. Sekarang saya dapati yang menghantar nama hanya 38 orang untuk hendak berbahas. Sila kemukakan nama dan saya akan beri peluang seluas-luasnya. Sampai malam pun tidak mengapa tetapi dengan syarat Yang Berhormat semua mesti bertanggungjawab meluluskan rang undang-undang ini atau pun sebaliknya.

Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat, ramai juga menghantar pada saya hendak bercakap esok. Janganlah semua hendak esok belaka. Nanti agaknya *traffic jam* di sana pada hari esok. *So,* saya hendak beri masa itu seluas-luasnya. Bersedia. Apa sahaja Yang Berhormat sudah bangkitkan itu jangan ulang-ulang lagi kalau boleh.

Saya bagi peluang itu supaya Yang Berhormat fokus kepada rang undang-undang ini. Jangan membuat kenyataan yang kadang-kadang itu emosional, secara emosi dan sebagainya. Juga, beri fokus itu secara profesional, tepat dan fakta-fakta yang bernas kerana ini akan direkodkan dalam *Hansard* segala kenyataan Yang Berhormat buat dalam Dewan ini.

Saya berharap juga pihak kementerian, Yang Berhormat Menteri kita kenal dia rajin, sentiasa berada dalam Dewan dan pegawai-pegawai yang membantu mereka itu ambil catatan fakta-fakta yang penting supaya Yang Berhormat semua esok apabila menggulung, menjawab sehingga memuaskan hati Yang Berhormat sebelum buat satu keputusan dan untuk menentukan perkara ini dapat dijalankan secara lancar. *So,* tanpa membuang masa, tadi Yang Berhormat sudah huraikan.

Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Keselamatan Negara, perisytiharan kawasan keselamatan, kuasa khas Pasukan Keselamatan di dalam kawasan keselamatan dan perkara lain yang berhubung dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sekarang saya mulakan perbahasan ini dengan menjemput Yang Berhormat Tan Sri Abdul Rahim. Sebelum itu saya minta ya. Saya sudah ada nama-nama ini, saya harap Yang Berhormat semua seperti yang saya pesan tadi, berada dalam Dewan. Ya, nama-namanya ada 38 orang ada di sini tetapi mungkin agaknya kalau tidak cukup hari ini, kita bagi esok pasal esok ada lagi tetapi sentiasa berada dalam Dewan kalau boleh. Sekian. Silakan Yang Berhormat.

**12.29 tgh.**

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi takziah kepada Tuan Yang di-Pertua atas kepulangan ke rahmatullah adinda yang tersayang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya sebagai pembahas pertama Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

**■1230**

Majlis Keselamatan Negara telah ditubuhkan selepas mendapat persetujuan Jemaah Menteri pada 23 Februari 1971, bertanggungjawab menggubal dan menyelaras pelaksanaan dasar-dasar berkaitan dengan keselamatan negara dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini sejajar dengan kewujudan Majlis Keselamatan di banyak negara seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi seperti di Amerika Syarikat, *United Kingdom*, Jepun, India, Thailand, Filipina dan negara-negara lain yang dipengerusikan oleh Presiden ataupun Perdana Menteri negara masing-masing.

Kita tahu dan mesti ingat bahawa dengan keadaan dunia pada masa ini, seperti peristiwa yang berlaku di Paris, di San Bernardino di Amerika Syarikat. Lagi pula di negara-negara di Timur Tengah dan juga beberapa peristiwa di negara kita sendiri. Keselamatan negara daripada ancaman pengganas menjadi satu masalah yang serius, dengan izin, dalam pentadbiran satu-satu negara. Ancaman keselamatan negara yang semakin kompleks memerlukan peningkatan perkongsian maklumat perisikan yang tinggi antara pasukan keselamatan dan agensi-agensi serta entiti-entiti kerajaan yang lain.

Salah satu daripada masalah awal yang dihadapi semasa peristiwa Lahad Datu ialah masalah *unity of command,* dengan izin, iaitu percanggahan penyelarasan di antara beberapa buah agensi dan entiti kerajaan. Dengan adanya pengarah operasi di bawah undang-undang Majlis Keselamatan Negara, masalah awal yang berlaku di Lahad Datu *inshaaAllah* tidak akan berulang kerana pengarah operasi yang dilantik akan dapat mengkoordinasi semua pasukan dan agensi yang terlibat.

Oleh itu secara prinsipnya Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan perlunya kita adakan Akta Majlis Keselamatan Negara.

Dan saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Luar Negeri kita yang telah mengeluarkan kenyataan bahawa resolusi yang dikeluarkan oleh Kesatuan Eropah dalam masa satu dua hari ini berhubung dengan perkara ini adalah tidak wajar dan mencampuri hal ehwal dalam negara kita. Lagi pula ia adalah dibuat dengan secara gopoh gapah tanpa mengambil kira semua aspek berhubung kait dengan keselamatan negara Malaysia yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, selepas rang undang-undang ini diluluskan oleh Dewan Rakyat baru-baru ini, rakyat di setiap peringkat telah memberi banyak pendapat yang agak negatif terhadap rang undang-undang ini. Saya tidak berhajat memberi penjelasan setiap rungutan yang dikemukakan kerana ia akan mengambil masa yang panjang dan juga untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk memberi pendapat masing-masing. Saya hanya hendak memberi dua contoh persoalan dan rungutan yang disebut-sebut.

Pertama, kuasa pengarah operasi. Seksyen 21(2) memberi kuasa yang terlampau luas untuk berbuat apa juga yang berkaitan dengan pelaksanaan kewajipannya di dalam kawasan keselamatannya dengan perlindungan yang diberinya dalam seksyen 38 terhadap guaman dan prosiding undang-undang. Pengarah operasi diberi kuasa mutlak terhadap nyawa, kebebasan dan harta benda. Saya mencadangkan supaya seksyen 21(2) dipinda dan ditambah baik dengan ayat, *"membuat segala benda yang tidak bercanggah dengan Perlembagaan dan undang-undang negara yang munasabah dan perlu untuk menjalankan tugasnya di dalam kawasan keselamatan."*

Kedua, pemindahan orang dan hak terhadap harta. Kuasa untuk pemindahan orang dan mengambil milikan tanah, bangunan atau harta mungkin bercanggah dan Fasal 9 dan 13, Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 30 memberi kuasa untuk mengambil milikan sementara tanah, bangunan dan harta alih. Perkataan "sementara" tidak ditafsirkan. Setakat mana "sementara" itu sementara?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator tadi menyebut seksyen fasal 21 dengan kuasa-kuasa yang begitu luas oleh pengarah operasi yang telah dilantik oleh Ahli Majlis. Sebagaimana yang kita tahu Majlis mempunyai lapan orang Ahli Majlis termasuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, KPN dan Panglima Angkatan Tentera (PAT).

Akan tetapi di dalam draf rang undang-undang ini tidak disebut apabila di kalangan mungkin pengarah operasi itu yang telah dilantik, yang telah di amanah telah melakukan satu kesilapan ataupun salah laku. Tidak ada dalam fasal ini menyatakan apakah tindakan-tindakan yang perlu diambil atau boleh diambil. Ini kerana setahu kita mungkin ahli Majlis sahaja tidak dibenarkan untuk diambil tindakan tetapi pengarah operasi yang dilantik harus diambil tindakan. Mungkin dia salah laku dan sebagainya. *So* saya mahu pandangan daripada Yang Berhormat Senator.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Abbas ataupun Datuk Yahaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnyalah pengarah operasi diperlindungkan dalam takrif sayalah daripada tindakan mahkamah ataupun prosiding undang-undang. Oleh sebab itulah saya mencadangkan supaya sesuatu dibuat untuk melindungi rakyat daripada tindakan-tindakan yang tidak munasabah supaya ia sejajar seperti perlindungan yang diberi di dalam Perlembagaan kita dan juga undang-undang lain yang terlibat.

Izinkan saya sambung. Seperti yang saya kata, seksyen 30...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang lagi bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator.

Daripada penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Senator tadi, maksudnya undang-undang ini perlu dirubah ataupun perlu diolah balik sehingga ia sejajar dengan Perlembagaan dan tidak diberi begitu kuasa yang tidak terbatas kepada pengarah operasi? Terima kasih. Itu sahaja.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih. Ini terpulang kepada apa yang kita akan buat apabila undang-undang ini diberi kepada kita untuk membuat pilihan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dipersilakan.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Seperti yang saya sebut tadi, seksyen 30 memberi kuasa untuk mengambil milikan sementara tanah, bangunan dan harta alih dan perkataan "sementara", tidak ditafsirkan. Saya mempersoalkan setakat manakah "sementara" itu sementara?

Seksyen 30(11) menyatakan pampasan hendaklah dibayar dan di bawah seksyen 32, pengarah operasi akan mentafsir pampasan. Ini tidak selari dengan Artikel 13, Perlembagaan Persekutuan, dan Akta Pengambilan Tanah 1990 yang memperuntukkan supaya jika mana-mana harta diambil atau diguna, pampasan yang memadai dan berpatutan hendaklah dibayar.

**■1240**

Begitu juga dengan seksyen 33 memberi kuasa untuk memusnahkan bangunan dengan bayaran pampasan yang ditafsirkan oleh pengarah operasi. Ini juga bercanggah dengan Artikel 13(2) yang menentukan pampasan yang memadai hendaklah dibayar. Saya mencadangkan supaya satu mekanisme yang lebih adil diperuntukkan untuk mentafsir supaya pampasan dan ganti rugi yang dibayar memadai dan mengikut nilaian pasaran semasa. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengingatkan kita berhubung dengan peranan Dewan Negara.

Peranan kita sebagai Ahli Dewan Negara ialah untuk membahaskan, memperincikan dan melaksanakan rang undang-undang dan mencadangkan penambahbaikan. Di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau *Standing Orders,* dengan izin, kedua-dua Dewan Parlimen, satu Jawatankuasa boleh ditubuhkan untuk membincangkan mana-mana percanggahan untuk mendapatkan persetujuan bersama. Jika kita tidak membincangkan dan membaiki fasal-fasal yang *controversial,* dengan izin, dan mencadangkan penambahbaikan, maka Dewan Negara kita ini akan terus dilabel sebagai *rubber stamp* oleh Dewan Rakyat, kerajaan dan rakyat keseluruhannya.

Oleh sebab itulah sementara saya bersetuju bahawa Akta Majlis Keselamatan Negara ini perlu untuk menjaga keamanan negara, istimewa pula dengan kejadian yang berlaku di beberapa buah negara di dunia, rang undang-undang yang kita bahas hari ini perlu diperbaiki untuk menambah baik beberapa perkara yang saya sebut sebagai contoh. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat semua mempunyai pandangan dan cadangan-cadangan yang lain untuk diketengahkan. Dengan kata-kata itu dan dengan harapan semoga kita diberkati Allah dan negara kita dan rakyat Malaysia akan terus maju dalam keadaan aman dan sejahtera. Saya sudahi dengan *wabillahi taufik wal hidayah, wassalam mualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikummussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian.

**12.43 tgh.**

**Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Sebagai Senator dari Sarawak, saya bagi pihak rakyat Sarawak menyokong segala usaha dan langkah yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dalam memastikan keselamatan negara Malaysia khususnya di negeri Sarawak dalam keadaan terjamin.

Saya menyokong dasar kerajaan yang sentiasa prihatin terhadap keselamatan rakyat dengan mengamalkan sikap proaktif contohnya pelbagai undang-undang baru seperti POTA 2015 dan *Security Offences (Special Measures) (Amendment) Bill, 2015,* dengan izin, diperkenalkan bertujuan untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat terjamin.

Sebagai Senator dalam Dewan yang mulia ini, kami akan sentiasa memastikan segala undang-undang yang diluluskan akan mengambil kira pelbagai pandangan serta implikasinya. Malahan tugas Yang Berhormat bukan sahaja meluluskan undang-undang yang dianggap baik tetapi merangka undang-undang yang sebaik mungkin. Undang-undang yang diluluskan bukan sahaja untuk Kerajaan Barisan Nasional sekarang tetapi untuk mana-mana kerajaan yang memerintah pada masa depan.

Oleh yang demikian, undang-undang itu perlu dirangka agar terdapat semakan seimbang, dengan izin, *check and balance* untuk mengelakkan berlaku penyalahgunaan kuasa di masa akan datang. Kita tidak mahu berasa kesal apabila kita tidak berada dalam kedudukan untuk melakukan sesuatu. Sebagai Senator yang mewakili rakyat Sarawak, menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan hak dan semangat dalam Perjanjian Malaysia 1963 Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dipatuhi.

Rakyat mempunyai *expectancy* yang tinggi terhadap Dewan yang Mulia ini dan melihat tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita dengan penuh harapan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa perkara dan memohon kerajaan membuat pindaan kepada beberapa fasal yang akan saya kemukakan.

Pertama, saya ingin merujuk kepada tujuan sebenar undang-undang diadakan. Tujuan utamanya adalah untuk memberikan kuasa kepada Majlis Keselamatan Negara untuk menangani isu-isu keselamatan negara. Tujuannya jelas dan harus difahami oleh setiap golongan masyarakat di negara ini memandangkan kini zaman keganasan dengan kehadiran pengganas secara bersembunyi di antara kita sama ada dalam negara mahupun luar negara. Namun demikian dalam negara yang mempunyai Perlembagaan tertinggi, setiap akta Parlimen mesti berada dalam lingkungan Perlembagaan. Jika tidak, akan ada pelbagai tuduhan dan cabaran-cabaran ini akan menjejaskan imej politik undang-undang berperlembagaan.

Kedua, saya ingin ingatkan kembali kepada sejarah penubuhan Malaysia. Seperti yang semua sedia maklum, Malaysia telah ditubuhkan sebagai sebuah Persekutuan yang terdiri daripada tiga entiti yang berasingan. Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah selepas pemisahan Singapura pada tahun 1965 dan ia berdasarkan Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) dan Perjanjian Malaysia 1963 *(MA 63),* dengan izin.

Undang-undang ini perlu seiring dengan dokumen-dokumen yang telah ditandatangani ketika penubuhan Malaysia dan harus mencerminkan komposisi yang sepatutnya dengan memasukkan pandangan dan suara rakyat Sabah dan Sarawak sebagai pengasas negara. Dalam konteks ini, ketidakadaan wakil-wakil dari Sarawak dan Sabah dalam Majlis Keselamatan Negara adalah sangat mendukacitakan.

Kami merasakan bahawa kepentingan Sarawak dan Sabah patut dilindungi di setiap peringkat Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya dipinda fasal 6 dengan memasukkan Ketua Menteri Sarawak dan Ketua Menteri Sabah sebagai sebahagian anggota tetap MKN ataupun daripada wakil yang dipilih melalui kerajaan negeri masing-masing. Saya juga mohon dipinda fasal 18 dan juga fasal 22 dan seterusnya dimasukkan persetujuan mandatori daripada Ketua Menteri yang sama sebelum sebarang tindakan bagi mengisytiharkan kawasan keselamatan kedua-dua buah negeri diambil.

Berkaitan dengan seksyen 18, saya menyarankan supaya dalam Bahagian Keempat pengisytiharan kawasan keselamatan, perkataan Perdana Menteri diganti dengan perkataan Yang Dipertuan Agong bertindak atas nasihat Majlis Keselamatan Negara. Kita tidak mahu mewujudkan tanggapan yang salah bahawa kuasa kerajaan di bawah Perkara 150 dirampas oleh badan eksekutif. Walaupun ini berkaitan dengan persepsi namun dalam politik, persepsi selalunya lebih penting daripada realiti. Dalam memastikan MKN ditubuhkan mengikut lunas-lunas yang betul, seksyen 14 menyatakan bahawa kerajaan perlu menyediakan dana yang mencukupi untuk MKN setiap tahun.

**■1250**

Saya ingin menarik perhatian rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa perkataan kerajaan dalam seksyen 14 perlu ditukar kepada perkataan "Parlimen" memandangkan semua undang-undang mesti diluluskan oleh Parlimen seperti juga Bajet Tahunan Negara diluluskan oleh Parlimen. Maka saya percaya rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini akan bersetuju dengan saya tentang peranan Parlimen dan semua hal kewangan negara perlu dibincangkan dalam Parlimen. Beberapa perkara ini boleh ditadbir, dengan izin, *administratively* oleh Kabinet dari semasa ke semasa. Namun rakyat Sabah dan Sarawak merasakan bahawa ia seharusnya dimasukkan dengan rang undang-undang dan bukan sekadar lisan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perlu difahami bahawa rakyat di negara Sabah dan Sarawak akan kecewa sekiranya pindaan-pindaan ini tidak dibuat terlebih dahulu kerana mereka akan sekali lagi merasa dipinggirkan bukan sahaja daripada aspek pembangunan malahan tadbir urus keselamatan negara. Sekiranya kawasan keselamatan dikuatkuasakan dalam lingkungan Sabah dan Sarawak, maka pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas dalam Majlis Keselamatan Negara seperti dalam fasal 15 dan fasal 20 mesti merupakan mereka dari Sabah dan Sarawak dan mendapat persetujuan daripada Ketua Menteri Sabah dan Sarawak.

Pegawai-pegawai ini tidak boleh sama dengan pegawai-pegawai yang dilantik di Persekutuan Tanah Melayu atau Semenanjung Malaysia. Saya juga mencadangkan agar sebarang jawatankuasa yang ditubuhkan mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang wakil dari Sabah dan Sarawak sebelum diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 21(2) seolah-olah memberi kuasa yang tidak terhad membuat segala benda yang perlu atau sesuai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan kewajipannya di dalam kawasan keselamatan. Perkara ini harus teliti. Saya mencadangkan agar seksyen ini perlu dimurnikan selaras dengan matlamat asal penubuhan MKN. Adakah disyorkan agar klausa ini dipindah membuat segala benda secara konsisten dengan Perlembagaan satu atau sebarang undang-undang yang perlu atau sesuai manfaat atau berkaitan dengan pelaksanaan kewajipan di dalam kawasan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Dewan Negara amat penting dan tentu Dewan yang mulia ini tidak mahu dituduh sebagai *rubber stamp* Yang Berhormat Tan Sri Rahim cakap dahulu kepada kerajaan dan Dewan Rakyat. Oleh itu cadangan-cadangan yang dikemukakan memerlukan perhatian yang serius dan pindaan-pindaan perlu dibuat sepatutnya agar peranan Dewan Negara dalam meluluskan sesuatu akta disegani.

Sebagai kesimpulan, sekali lagi saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap beberapa perkara yang saya bangkitkan sebentar tadi:

(i) perwakilan dari Sabah dan Sarawak diperlukan di semua jawatankuasa yang ditubuhkan sekiranya kawasan keselamatan terletak di Sabah dan Sarawak kelulusan Ketua Menteri kedua-dua ini diperlukan;

(ii) peranan Yang di-Pertuan Agong perlu terikat kepada bahasa yang jelas dalam akta MKN untuk bertindak di atas nasihat; dan

(iii) peranan Dewan Negara sebagai badan tertinggi dalam mengubah undang-undang berhak membuat pindaan yang dirasakan perlu demi kepentingan semua pihak.

Walaupun tidak tahu bawah ada beberapa perkara ini boleh ditadbir *administratively,* dengan izin, oleh Kabinet dari semasa ke semasa, namun rakyat Sabah dan Sarawak merasakan bahawa ia seharusnya dimasukkan dalam rang undang-undang dan bukan sekadar secara lisan sahaja.

Akhir sekali, saya memohon kerajaan membuat pindaan beberapa fasal yang telah saya sebutkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong.

**12.55 tgh.**

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita tentu masih ingat lagi beberapa peristiwa 235 orang rakyat Filipina yang menggelar diri mereka sebagai Angkatan Keselamatan Diraja Kesultanan Sulu dan Borneo Utara yang sebahagiannya bersenjata datang menerusi laut dan mendarat di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 11 Februari 2013 untuk menceroboh masuk ke negara ini.

Peristiwa itu benar-benar mengejutkan kita seluruh rakyat Malaysia. Ia benar-benar menguji sistem pertahanan keselamatan negara kita. Sebenarnya ini bukan kali pertama berlaku cubaan untuk menggugat keselamatan dan sistem pertahanan negara. Jika kita masih ingat pada 2 Julai 2000, Malaysia pernah digemparkan dengan rompakan senjata di dua buah kem tentera di Perak pada hari yang sama oleh kumpulan Al-Ma'unah. Sebelum itu pada 24 April tahun yang sama kita dikejutkan dengan penculikan 20 orang pelancong termasuk dari luar negara oleh enam orang lelaki juga dari Filipina yang berlaku di Pulau Sipadan, Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah antara beberapa kejadian yang pernah berlaku di dalam negara kita yang menggugat keselamatan rakyat dan negara kita. Isu keselamatan bukan isu remeh. Ia tidak boleh ditangani secara *ad hoc* apatah lagi kalau kita lihat landskap keselamatan dunia sekarang semakin kompleks dan dinamik. Sekarang ada bermacam-macam jenis ancaman. Tidak macam dahulu. Dahulu kita berhadapan dengan ancaman penjajahan oleh kuasa asing, ancaman komunis, ancaman pemisah wilayah, peristiwa 13 Mei 1969 dan seumpamanya.

Ancaman sekarang semakin kompleks boleh datang dari dalam dan luar. Bukan dilakukan oleh orang yang berada dalam dan luar negara, mungkin dilakukan oleh rakyat kita sendiri atau warga negara asing. Ancaman terhadap keselamatan negara pada masa sekarang boleh datang dari pelbagai sudut bersifat multi dimensi, ancaman terhadap perpaduan nasional, ancaman terhadap amalan demokrasi negara, ancaman terhadap sistem ekonomi, ancaman *cyber*, ancaman keselamatan maritim, ancaman keganasan, ancaman jenayah rentas sempadan dan ancaman macam-macam lagi. Semua ini boleh menjejaskan keselamatan negara dan kedaulatan negara.

Oleh itu kita perlu memperkukuhkan mekanisme dan sistem pengurusan keselamatan negara, kaedah berkongsi maklumat perisikan serta perlu bertindak balas dengan segera dan secara bersepadu untuk mengenali ancaman keselamatannya boleh berlaku pada bila-bila masa dan di luar jangkaan kita. Kita perlu meningkatkan kemampuan kita, kemampuan pasukan keselamatan kita menangani segala bentuk ancaman terhadap keselamatan dan kedaulatan pada masa sekarang dan akan datang.

Sehubungan itu penggubalan rang undang-undang ini merupakan satu anjakkan paradigma yang perlu dilakukan demi memastikan keamanan dan kedaulatan negara dipertahankan. Kita tidak mahu peristiwa yang berlaku di pantai Sabah berulang, kita tidak mahu peristiwa yang berlaga-laga dan memecah belah kaum seperti berlaku pada 13 Mei berulang. Kita tentu masih ingat peristiwa di Low Yatt tetapi daripada perniagaan bertukar menjadi rusuhan dan ketegangan dan melibatkan ramai orang pula itu. Mujur polis bertindak cepat. Tahniah kepada Polis Diraja Malaysia.

Kita juga tidak mahu berlaku perkara buruk seperti negara orang lain. Pengeboman yang berlaku di selatan Thailand di mana guru-guru takut untuk keluar mengajar kerana takut dibunuh ataupun dibom. Serangan berlaku di Bangkok, serangan di Paris, peristiwa 11 September di Amerika Syarikat, kita tidak mahu itu berlaku di negara kita. Mungkin kejadian itu pernah berlaku, tetapi kita kena ingat tidak pernah berlaku bukannya bermakna tidak berlaku. Jadi sebelum berlaku sesuatu yang buruk, eloklah kita bersedia, eloklah kita berjaga-jaga kata orang, "sediakan payung sebelum hujan".

Sehubungan itu Tuan Yang di-Pertua, penggubalan rang undang-undang ini memang tepat pada masanya bahkan rang undang-undang ini rang undang-undang yang cukup penting dalam usaha kita untuk memastikan keselamatan negara terjamin dan terpelihara. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, ada pihak yang cuba mengelirukan rakyat mengatakan kononnya rang undang-undang ini memberikan kuasa mutlak kepada Perdana Menteri dan mengambil alih kausa Yang di-Pertuan Agong. Kononnya hendak ambil alih kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat.

Minggu lepas saya menerima tidak kurang daripada 131 *email* meminta supaya tidak menyokong rang undang-undang ini. Saya rasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jam sekarang tepat jam 1 tengah hari. Kita sambung semula jam 2.30 petang nanti. Juga untuk makluman semua, selepas ini saya minta Yang Berhormat Dato' Jaspal, Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar, Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah, Datuk Norliza, nama semua ada. Saya harap elok berada dalam Dewan ikuti perbahasan ini. Sekarang saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Sekian terima kasih.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari.]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]***

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, Yang Berhormat Dato' Boon Som sambung balik perbahasan.

**2.32 ptg.**

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang sekali lagi. Minggu lepas hingga ke hari ini saya menerima tidak kurang daripada 131 buah emel meminta supaya saya tidak menyokong rang undang-undang ini. Saya rasa rakan-rakan saya pun banyak yang menerima emel. Isi yang sama tetapi *address* emelnya lain-lain. Maknanya orang yang sama buat tetapi emel itu lain-lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat rang undang-undang ini tidak menyebut sepatah pun tentang pengisytiharan darurat. Tidak ada satu seksyen pun yang menyebut tentang pengisytiharan darurat. Fasal 18 dengan jelas menyebut tentang pengisytiharan kawasan keselamatan. Seksyen itu menyebut bahawa selepas dinasihati oleh Majlis, Perdana Menteri boleh jika difikirkannya perlu demi kepentingan keselamatan negara, pengisytiharan secara bertulis sesuatu kawasan itu sebagai kawasan keselamatan bukan, mengisytiharkan darurat.

Fasal 23 pula menyebut tentang perintah berkurung di kawasan keselamatan dan lain-lain pula berkait dengan tindakan yang boleh dilakukan oleh pasukan keselamatan yang bertugas di kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan, kuasa menahan, menangkap, memeriksa, menyita dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, pengisytiharan darurat masih di bawah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong seperti termaktub dalam Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan.

Kita tahu kita tidak boleh gubal undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Negara dengan sendirinya terbatal. Kalau betul Perdana Menteri ada niat hendak ambil alih tugas Yang di-Pertuan Agong maka sudah tentu hari ini kita tidak berbahas tetapi terus pinda Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan. Akan tetapi kita tahu rang undang-undang ini bukan berniat demikian, bukan berniat mengambil alih fungsi dan peranan Yang di-Pertuan Agong.

Rang undang-undang ini jelas menyebut Perdana Menteri boleh mengisytiharkan kawasan keselamatan, contoh kawasan itu adalah seperti Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah atau ESSCOM yang ada di Sabah sekarang. Kawasan seluas 1,400 kilometer bermula dari Kudat hingga ke Tawau, bukan seluruh Sabah, bukan seluruh negara. Tujuannya bagi menguatkan kawalan keselamatan di bahagian Timur Sabah selepas peristiwa pencerobohan pada 11 Februari 2013.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi bila berlaku peristiwa di Lahad Datu banyak pihak menuding jari kepada kerajaan dan pasukan keselamatan, mempersoalkan apa kerajaan dan pasukan keselamatan buat. Orang bercakap di sana-sini tentang kelemahan sistem pertahanan dan keselamatan kita. Saya sifatkan rang undang-undang ini sebagai respons kerajaan terhadap kritikan yang dihalakan kepadanya.

Maknanya kerajaan mendengar kritikan rakyat, kerajaan mengakui ada kelemahan dan kerajaan ada mengambil alih memperbaiki kelemahan itu.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita memang tidak boleh memuaskan hati semua orang kerana memang ada orang yang sangat suka mencari kelemahan orang lain. Sangat suka bila nampak kelemahan orang lain dan sangat sedih dan dukacita bila orang yang dikritik cuba membaiki kelemahan itu sebab itu habislah modal mereka. Oleh sebab itu mereka cari alasan lain pula. Sekarang mereka kata rang undang-undang ini akan diberi kuasa penuh kepada Perdana Menteri. Mereka kata Perdana Menteri akan ambil alih tugas Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat.

Nampak sekarang bila kerajaan buat rang undang-undang ini untuk tingkatkan mekanisme, tingkatkan keselamatan negara, mereka memutar belitkan juga. Buat apa pun salah, tidak buat apa pun lagi salah. Inilah kerja mereka, putar-belit, bohong, buat fitnah, menimbulkan persepsi yang salah di kalangan masyarakat, ini satu lagi ancaman yang kita hadapi dari dalam negara sendiri, ancaman persepsi. Samalah juga dengan keadaan ketika kerajaan menggubal Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA, Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan) 2013, atau POCA, dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA). Mereka memberikan persepsi yang salah juga, kononnya akta ini zalim dan kerajaan dan pasukan polis akan salah guna kuasa. Apa yang kita rasa duka persepsi salah ini ditimbulkan oleh orang yang ada pengetahuan tentang undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita perlu lihat kembali fungsi dan peranan yang sebenarnya Majlis Peguam negara ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri apakah tugas sebenarnya Majlis Peguam. Bukankah mereka sepatutnya menjadi pihak yang neutral seperti mana badan-badan profesional yang lain. Bukankah mereka sepatutnya menggunakan saluran yang betul untuk memberikan pandangan kepada kerajaan berkaitan undang-undang seperti mana yang dilakukan oleh badan-badan profesional yang lain.

Saya tidak fikir kerajaan sekarang menyekat atau menutup sebarang saluran untuk mereka berbuat demikian melainkan mereka sendiri yang tidak pandai menggunakan saluran yang ada dan tidak pandai untuk menyampaikan pandangan dengan cara berkesan. Majlis Peguam nampaknya sudah jadi parti politik pula. Wakil-wakilnya bercakap seperti ahli politik pembangkang pula itu. Betapa tidak profesionalnya mereka.

Saya rasa kerajaan patut melihat kembali kedudukan Majlis Peguam yang ada sekarang. Saya rasa mereka cuba timbulkan persepsi kerajaan hendak mengambil alih tugas Yang di-Pertuan Agong. Saya nampak mereka cuba samakan dengan peristiwa krisis Perlembagaan pada tahun 1993. Saya hendak tanya adakah ini benar? Saya rasa biarlah Yang Berhormat Menteri yang penuh dengan pengalaman luas menjelaskan tentang perkara ini. Berbezanya antara *Constitutional crisis,* dengan izin, dengan rang undang-undang sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya rang undang-undang diwartakan. Kerajaan perlu ambil langkah proaktif memberi penerangan kepada rakyat tujuan sebenarnya rang undang-undang ini digubal biar kita terus jujur, biar rakyat benar-benar jelas dan faham tujuan sebenar kita. Apatah lagi tidak lama lagi Sabah dan Sarawak akan menjalankan pilihan raya peringkat negeri jadi kita perlu beri penjelasan yang betul dan jelas kerana pihak di sebelah sana cuba memutar belitkan oleh kerana mengambil kesempatan di atas rang undang-undang ini untuk mendapatkan undi yang lebih di Sabah dan Sarawak oleh kerana rapat dengan pilihan raya di Sabah dan Sarawak.

Berkaitan hal ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya anggota majlis ini seperti dalam Fasal 6 ditambah iaitu masukkan wakil dari negeri Sabah dan Sarawak. Saya rasa ini penting terutama menjelang pilihan raya kedua-dua negeri ini sudah tentu rang undang-undang ini akan menjadi isu. Dengan memasukkan wakil ke negeri Sabah dan Sarawak ini memberi petunjuk bahawa kerajaan memang benar-benar serius untuk memastikan keselamatan negeri dan rakyat Sabah dan Sarawak tambah-tambah lagi kita dapati Sabah terutamanya menjadi sasaran ancaman pihak luar terutamanya dari negara jiran, negara Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, bijak pandai selalu berkata, "mencegah lebih baik daripada mengubat." Kita tidak mahu berlaku seperti kata peribahasa, "sudah terhantuk baru tengadah". Kalau terhantuk, sudah benjol sana-sini, mungkin sudah luka sana-sini. Sudah tidak berguna lagi, susah hendak merawat, hendak mengubati...

■1440

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada lima minit lagi ya.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada dasarnya, saya bersetuju pentingnya kita menggubal rang undang-undang ini demi memelihara dan memastikan keselamatan negara dan rakyat Malaysia dalam keadaan terjamin. Negara terus aman dan kekal berdaulat. Walau bagaimanapun, melihat kepada beberapa fasal dalam rang undang-undang ini, selaku Ahli Dewan Negara di Dewan yang tertinggi di Parlimen ini, saya juga berpendapat beberapa pindaan perlu dibuat, termasuk terhadap rang undang-undang ini. Terutama berkaitan dengan kuasa yang diberikan kepada Pengarah Operasi yang boleh ditafsirkan seperti terlalu luas.

Saya juga bersetuju dengan pandangan dan cadangan terhadap pindaan terhadap beberapa fasal lain, termasuk berkaitan kuasa untuk memeriksa dan menyita ketika operasi sedang berlangsung di sesuatu kawasan keselamatan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Cadangan-cadangan terhadap pindaan perlu diambil kira dan perlu diberi perhatian supaya kerajaan bukan sahaja bertindak selari dengan lunas undang-undang dan Parlimen negara tetapi juga dilihat oleh rakyat bertindak selari dengan lunas undang-undang dan Perlembagaan Negara. Maknanya, kerajaan bukan sahaja bertindak betul dan adil tetapi juga dilihat bertindak betul dan adil. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Hou Kok Chung. Silakan Yang Berhormat.

**2.44 ptg.**

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas kesempatan ini untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

Rang undang-undang ini senaskhah dokumen yang begitu penting kerana ia menyentuh tentang keselamatan negara. Lebih kritikal ialah cakupan rang undang-undang ini memberi impak yang cukup meluas dan terus menerus tanpa mengira masyarakat umum mahupun orang-orang yang mengancam keselamatan negara kita. Agak dramatik jika saya menyimpulkan bahawa kesan dan impaknya kepada rakyat umum boleh dikira menakutkan juga. Itulah perasaan dan persepsi yang sudah muncul apabila rang undang-undang ini gagal difahami sedalam-dalamnya rakyat umum.

Saya bergantung harap sepenuhnya kepada kebijaksanaan dan kecekapan kerajaan untuk menjamin keselamatan negara terpelihara sepanjang masa. Rakyat juga menaruh harapan dan keyakinan tinggi bahawa kerajaan akan memelihara hak asasinya tidak terhakis bahawa sistem demokrasi berparlimen di Malaysia diamalkan seelok-eloknya. Rakyat juga mahu mempercayai kredibiliti kerajaan. Maka itu, amat penting kerajaan sejauh mana yang mungkin mengelakkan keadaan di mana boleh timbul tanggapan dan juga persepsi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dulu sebab saya ada menjemput seorang Menteri untuk mengemukakan satu usul. Silakan Yang Berhormat Menteri.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**2.44 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan:

> Bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 22 Disember 2015.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila, ada Menteri yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rakyat juga menaruh harapan dan keyakinan tinggi bahawa kerajaan akan memelihara hak asasinya tidak terhakis, bahawa sistem demokrasi berparlimen di Malaysia diamalkan seelok-eloknya. Rakyat juga mahu mempercayai kredibiliti kerajaan. Maka itu, amat penting kerajaan sejauh mana yang mungkin mengelakkan keadaan di mana boleh timbul tanggapan dan juga persepsi negatif terhadapnya berhubung sebarang isu. Pendek kata, kerajaan yang dipilih rakyat wajib bertanggung jawab sepenuhnya kepada rakyat dalam tindakan mahupun percakapan dan perlu telus dan terbuka dengan rakyat bagi mengekalkan sensitiviti dinamik perhubungan kerajaan dan rakyat itu.

Semestinya, hal-hal menyentuh keselamatan negara, termasuklah kedaulatannya, integriti wilayah, pertahanan, kestabilan sosiopolitik, kestabilan ekonomi, sumber strategik, perpaduan negara dan kepentingan lain yang berhubung dengan keselamatan negara hal-hal yang mendapat perhatian mendalam semua lapisan masyarakat. Sebarang berita atau maklumat yang berbentuk ancaman kepada keselamatan negara pasti menimbulkan kegusaran dan kegelisahan merentasi setiap lapisan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan bangsa.

Apabila kerajaan cuba melakukan yang terbaik kepada rakyat dengan memperkenalkan program-program, rancangan-rancangan dan projek-projek, termasuklah memperkenalkan undang-undang baru, ia akan mendapat perhatian rakyat. Dulunya rakyat kurang berminat, apatah lagi mengikuti rapi tentang undang-undang yang hendak diwujudkan kerajaan. Asalkan kerajaan kata ia adalah baik, maka rakyat menerimanya sebagai baik. Akan tetapi pada masa kini banyak sudah berubah.

Seperti yang sering diungkapkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, era *the government knows all,* dengan izin, sudah berakhir. Rakyat Malaysia hari ini nyata lebih matang dalam pelbagai segi dan juga lebih berpengetahuan. Rakyat sayang kedamaian dan mahukan Malaysia yang rakyatnya hidup dalam harmoni dan negara adalah stabil. Suka atau tidak suka, ia menjadi perkara lumrah di mana parti pembangkang membawa agenda-agenda yang sengaja menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat terhadap kerajaan memerintah.

Seolah-olah apa sahaja yang dilakukan kerajaan adalah tidak betul, tidak baik. Amat sukar sekali, malahan cukup jauh sekali parti pembangkang akan memberi sokongan kepada kerajaan walaupun perkara yang dibawa kerajaan itu adalah sangat baik untuk rakyat dan negara. Pun begitu, ia tidak bererti kerajaan boleh berbuat sesuka hati. Sebaliknya, kerajaan perlu sepanjang masa *come out clean,* dengan izin, dalam apa jua keadaan kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini selain yang sudah jelas termaktub dalam perlembagaan, isu-isu menjamin serta menangani sebarang keadaan yang boleh mengancam keselamatan negara turut mempunyai cukup banyak undang-undang terarah kepada jaminan tersebut. Insiden pencerobohan di Lahad Datu tempoh hari sudah membuktikan negara sudah mempunyai mekanisme yang *viable,* dengan izin, untuk kerajaan berdepan dengan ancaman keselamatan dan seterusnya membendungnya.

Pada skala yang lebih kecil pula, contoh insiden yang boleh mengganggu-gugat keselamatan negara ialah insiden-insiden perhimpunan bertemakan warna-warna. Itu juga telah ditangani dengan sebaik mungkin oleh kerajaan menggunakan undang-undang sedia ada, di samping sikap pasukan keselamatan kita yang telah menunjukkan tahap profesionalisme yang tertinggi, membendungnya daripada bertukar menjadi luar kawalan. Sebanyak sedikit, sikap majoriti besar rakyat yang memilih *rationality* dan kesederhanaan sebagai jalan penyelesaian kepada kedua-dua insiden tersebut juga wajar mendapat penghargaan.

Kini, kerajaan mahu memperkenalkan satu lagi undang-undang bernama Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara. Rang undang-undang ini juga berkisar tentang keselamatan negara mencakupi elemen-elemen baru, di mana orang ramai rata-rata menyimpulkannya sebagai drastik. Ada yang menyamakannya sebagai undang-undang yang menghalakan Malaysia ke arah sistem kerajaan autokratik.

**■1450**

Apa pun, kita harus membincangkannya secara rasional. Pada masa yang sama, kerajaan mempunyai tanggungjawab berat kepada rakyat untuk memberi penerangan yang sejelas-jelasnya, terang dan berasas. Hanya dengan cara ini semua kegelisahan dan kegusaran yang dijana oleh cadangan rang undang-undang ini akan dapat dipadamkan.

Justeru itu, rang undang-undang ini perlu elak daripada melalui proses ala kadar sepintas lalu sahaja. Rakyat perlu memahami sebaik-sebaiknya terutamanya tentang pengoperasian, mekanisme dan perjalanan Majlis Keselamatan Negara yang baru ini. Rakyat juga menghayati *role,* atau *the spirit,* dengan izin, matlamat dan kehendak rang undang-undang ini agar apabila menjadi undang-undang kelak rakyat boleh menerimanya, mahu menyokongnya dan kerajaan pula boleh menguatkuasakannya tanpa halangan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang MKN baru ini meletakkan kuasa cukup besar dalam tangan sebilangan kecil seramai lapan orang. Mereka boleh menentukan untuk negara mana-mana kawasan diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan sekali gus menukarkan kawasan berkenaan menjadi zon di mana undang-undang biasa tidak lagi terpakai. Apabila pengisytiharan tersebut berlaku, seorang pengarah operasi akan dilantik dan beliau juga diberi kuasa yang cukup luas lagi besar untuk melaksanakan langkah dan tindakan yang termaktub dalam rang undang-undang ini.

Bermula di sinilah *a sequence of alarming events,* dengan izin, yang memberi kesan terus menerus kepada rakyat boleh terjadi. Di antaranya adalah orang atau orang-orang boleh ditahan masuk ke kawasan keselamatan atau mana-mana bahagian kawasan keselamatan. Orang atau kumpulan orang dari kawasan keselamatan atau mana-mana bahagian kawasan keselamatan boleh diarah berpindah dan menempatkan semula orang atau kumpulan orang itu ke sebuah kawasan yang ditentukan.

Semua orang di dalam kawasan keselamatan atau mana-mana bahagian kawasan keselamatan boleh dikenakan perintah berkurung. Boleh ditangkap tanpa waran, boleh diperiksa dan barangnya disita tanpa waran. Premis atau tempat boleh dimasuki dan digeledah tanpa waran. Boleh menyita semua jenis kenderaan tanpa waran. Boleh mengambil milikan sementara tanah, bangunan atau hak harta alih dan boleh memerintahkan kemusnahan bangunan atau struktur ditinggalkan tanpa berpenghuni di dalam mana-mana kawasan keselamatan.

Kita boleh bersetuju bahawa *speed is of the essence,* dengan izin, dalam isu-isu berkaitan menentang ancaman keselamatan negara serta juga dalam menentukan kejayaan membendung dan menghapuskan ancaman itu. *Alarming events,* dengan izin, yang disenaraikan tadi menunjukkan betapa kritikalnya kepantasan dalam bertindak dan juga membuat keputusan diperlukan untuk mencantas ancaman sebelum ia merebak di luar kawalan. Maka, ia adalah berasas ataupun *justified,* dengan izin, bahawa agensi atau orang yang ditauliahkan seperti MKN dan pengarah operasi perlu diberi mandat besar dan kepercayaan mutlak tanpa perlu berhadapan dengan banyak kerenah birokrasi mahupun campur tangan politik untuk boleh bergerak pantas dan berkesan.

Memang diperhatikan terdapat peruntukan di mana orang awam yang terkilan boleh membuat bantahan terhadap kes-kes spesifik menerusi sebuah Jawatankuasa Penasihat.

Begitu juga diperhatikan kewujudan peruntukan yang menjanjikan pampasan kepada orang-orang awam yang terkesan dengan tindakan-tindakan tertentu pasukan keselamatan. Walaupun begitu, apa jaminan yang boleh kerajaan beri kepada rakyat bahawa kuasa yang diberikan nanti...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada lima minit lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** ...Akan digunakan secara betul dan berasas dan tiada ruang kuasa itu akan disalahgunakan oleh pasukan keselamatan mahupun orang awam sendiri?

Kaedah dan mekanisme penubuhan dan pengoperasian Jawatankuasa Penasihat yang disebutkan dalam Rang Undang-undang MKN ini perlu diperjelaskan lagi kerana ia juga perlu menimbang agar keanggotaan Jawatankuasa Penasihat itu hendaklah terdiri di antara lainnya ada pegawai daripada perkhidmatan perundangan, SPRM, Suruhanjaya SUHAKAM dan yang bukan berkhidmat dengan MKN.

Seelok-eloknya dan semunasabah mungkin juga, biarlah pengambilan tanah, bangunan atau harta alih dirundingkan terlebih dahulu di antara MKN dengan tuan punya yang sahih serta mencapai kata sepakat kedua-dua pihak.

Kesediaan kerajaan menimbang membayar pampasan dalam keadaan-keadaan tertentu juga tidak boleh dianggap sebagai penyelesaian terbaik. Lebih efektif ialah orang yang terkilan itu dengan rela hati dan demi kepentingan keselamatan negara membenarkan MKN melakukan tindakan yang boleh menyusahkannya.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan rakyat juga adalah berhubung dengan jumlah keanggotaan Majlis. Walaupun diperuntukkan bahawa Majlis boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Majlis untuk menghadiri mesyuaratnya untuk memberi nasihat kepada Majlis tetapi lebih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk meyakinkan rakyat. Ini kerana harapan rakyat umum ialah orang yang diundang itu perlu mempunyai peranan yang substantif dan bukan sekadar berperanan memberi nasihat. Ini adalah untuk melawan persepsi bahawa penyertaan orang yang diundang adalah hanya sebagai satu formaliti, sebagai satu sagu hati atau *token,* dengan izin, untuk Majlis kelihatan bukan terhad kepada lapan orang sahaja.

Dalam hubungan ini, saya memohon agar keanggotaan Majlis dapat ditambah bilangannya serta lebih *inclusive.* Maka itu, kerajaan harus memikirkan pelantikan sebagai anggota Majlis dan bukan sebagai orang yang diundang merangkumi juga penyandang jawatan-jawatan Speaker Dewan Rakyat, Speaker Dewan Negara, Peguam Negara, pemimpin-pemimpin yang difahami dalam konteks lazim mewakili komuniti utama tertentu. Cadangan keanggotaan ini dapat mencerminkan adanya penyertaan *stakeholder* terpenting lagi utama dalam sistem demokrasi berparlimen Malaysia serta kedudukan unik Malaysia yang berbilang kaum. Dengan adanya komposisi keanggotaan Majlis yang lebih *inclusive,* maka fasal 18(6) menjadi *less contentious,* dengan izin. Ini kerana sudah ada penglibatan Speaker kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dalam erti kata yang lain, kedua-dua buah Majlis Parlimen boleh disifatkan sebagai sudah berada dalam pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang jenis dan bentuk hukuman apabila berlaku perlanggaran undang-undang MKN ini pula, kerajaan perlu menimbang untuk membuat kajian semula. Kuantum hukuman itu perlu mencerminkan bahawa hal-hal yang ada kaitan langsung dengan keselamatan negara perkara serius.

Oleh itu, hukuman pada fasal 22(3) dan fasal 23(3) wajar ditingkatkan. Kerajaan harus menimbang, menetapkan orang yang disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM5,000 dan melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh sekurang-kurangnya enam bulan dan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi fasal 37(2) pula, hukuman yang dicadangkan terlalu ringan. Saya menyatakan sedemikian kerana kebolehan menyimpan rahsia yang ada kaitan langsung dengan keselamatan negara kejayaan kepada segala-galanya dalam menjamin keselamatan negara. Oleh itu, saya berharap kerajaan akan menimbang untuk meninggikan lagi hukumannya. Misalnya, apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak kurang dua tahun dan tidak melebihi 10 tahun atau didenda tidak kurang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh mula gulung ya.

**■1500**

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Okey. Atau didenda tidak kurang RM100,000 dan tidak melebihi RM500,000 atau kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya menyeru agar kerajaan *exercise 'care and caution',* dengan izin, pada zaman rakyat sudah lebih celik dan lebih berpengetahuan dalam banyak perkara termasuk hal ehwal urus tadbir kerajaan. Hari ini kerajaan perlu saling hormat-menghormati hak *intelligence* rakyat, dengan izin, maka itu ia sangat penting untuk kerajaan melapangkan masa bukan sahaja untuk mendengar suara hati dan pandangan rakyat tetapi menimbang dan menilai semasak-masaknya maklum balas rakyat secara ikhlas.

*Role* atau *the spirit,* dengan izin, rang undang-undang ini adalah baik dan murni. Ia membolehkan ancaman kepada keselamatan di kawasan-kawasan tertentu dibendung dan ditangani tanpa berlengah. Namun undang-undang protokol dan mekanisme keselamatan sedia ada pada hari ini juga sudah cukup untuk membanteras sebarang ancaman. Jika ada kelemahan dalam protokol dan mekanismenya, kerajaan hanya perlu mengkaji semula supaya ia lebih mantap, lebih lancar dan jika ada kekurangan dalam undang-undang dan peraturan sedia ada, ia boleh diangkat untuk dipinda. Saya berharap cadangan dan pandangan saya akan mendapat perhatian dan pertimbangan sebaiknya dari semua pihak. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar. Silakan Yang Berhormat Senator.

**3.02 ptg.**

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin mengimbau kembali fungsi Majlis Keselamatan Negara dengan peruntukan semasa. Sejak ditubuhkan sejak 31 Julai 1971, ia telah menyelaraskan dasar-dasar berkaitan keselamatan negara melalui 24 arahan. Antara arahan MKN yang masih relevan dan berkuat kuasa dalam menangani pelbagai isu berkaitan keselamatan negara dan juga bencana alam Arahan MKN No. 1 - Penubuhan MKN; Arahan MKN No. 11 – KESBAN iaitu Keselamatan dan Pembangunan; Arahan MKN No. 12 – Pemerintahan dan Kawalan Perkara-perkara Keselamatan, menggantikan Arahan MKN No. 1; dan Arahan MKN No. 9; Arahan MKN No. 18 iaitu Pengendalian dan Pengurusan Krisis Pengganas; Arahan MKN No. 20 – Pengurusan Bencana; dan Arahan MKN No. 24 – Pengurusan Krisis Ancaman Siber.

Mekanisme semasa arahan MKN yang dilaksanakan melibatkan peningkatan persatuan di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah di mana seperti wujudnya JKKN dan JKKD. Persoalannya kedudukan dan juga struktur MKN ini memangkinkan untuk berfungsi dengan berkesan? Kedua, adakah kuasa MKN atau mekanisme untuk menangani ancaman semasa dan masa akan datang iaitu sama ada MKN boleh membendung ancaman semasa.

Dengan wujudnya RUU MKN 2015, saya rasa ia tepat pada masanya di mana kita sedang mengalami ancaman *asymmetric,* tidak lagi ancaman konvensional. Ancaman *asymmetric* ini merangkumi ancaman seperti IS, ancaman *terrorism,* ancaman perdagangan manusia, ancaman, dengan izin, *transnational crime*. Jadi negara memerlukan satu mekanisme ataupun undang-undang yang lebih berkesan dan efektif untuk menangani, membanteras dan juga membendung keselamatan sebelum ia tidak boleh dikawal dan akan menjadi satu darurat.

Pengalaman negara Malaysia dalam isu-isu keselamatan dengan undang-undang semasa...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, mencelah? Yang Berhormat, hendak mencelah ya?

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Silakan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, adakah mana undang-undang yang dapat menghadapi dan mengatasi cabaran dan perang *asymmetric*. Setahu saya, setakat ini pun tidak ada mana negara yang berjaya mengatasi masalah ini. Walaupun kalau kita bersetuju negara ini memerlukan undang-undang untuk menghadapi masalah yang sedang dihadapi tetapi saya hendak tahulah apakah yang dapat dicadangkan untuk mengatasi ancaman *asymmetric* sekarang? Terima kasih.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Yang Berhormat kerana bertanya tentang bagaimana kerajaan ataupun negara boleh mewujudkan satu strategi, satu kaedah yang boleh membendung ancaman *asymmetric*. Jadi saya rasa setakat ini- ada nanti saya akan senaraikan dengan undang-undang sedia ada kita telah juga melaksanakan peningkasan atau cara-cara untuk membendung ancaman *asymmetric*. Ancaman siber pun dalam kelompok atau golongan *asymmetric*. Jadi, saya akan meneruskan dan akan menjawab soalan Yang Berhormat. Terima kasih.

Jadi kita lihat pelbagai isu-isu keselamatan yang terjadi dalam negara Malaysia ini, darurat pertama, *the first Malaysian Emergency* 1948 hingga 1960...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah lagi Yang Berhormat.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Itu darurat. Ya, silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Sedikit sahaja. Pasal perkataan *asymmetrical warfare* ini, *I* ingat saya tidak fahamlah, saya tidak tahu mengenai Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Kalau boleh jelaskan sedikit itu *asymmetrical warfare.*

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang kita tahu ancaman konvensional iaitu perang antara dua buah negara, ini dipanggil ancaman konvensional. Angkatan tentera kita kalau dahulu- semua angkatan tentera, mereka akan membuat satu *posture* pertahanan negara akan berpaksikan kepada ancaman konvensional. Akan tetapi sekarang ancaman itu sudah berkurangan dan mungkin tidak ada lagi kerana ancaman antara perang dua buah negara telah berkurangan.

*The possibility,* dengan izin, tidak ada lagi. Jadi apa yang terjadi sekarang ialah ancaman-ancaman seperti yang kita sedang alami iaitu ancaman IS yang paling digeruni sekarang dan telah pun disebut di Dewan yang mulia ini oleh sahabat-sahabat kita di mana kejadian di Paris sehinggalah Kerajaan Perancis telah terus mengisytiharkan darurat selama tiga tahun di kota Paris. Ini bermakna mereka mempunyai rang undang-undang tersendiri. Jadi itulah yang dipanggil *asymmetric* itu tidak *symmetrical,* tidak boleh anggap sebagai ancaman konvensional.

Dari darurat pertama peperangan melawan *insurgency*, PNI kita mula balik tahun 1968 hingga 1989 di mana bermulanya komunis menyerang di Baling, dan membunuh 70 orang pasukan keselamatan. Di sini kita membentuk program keselamatan dan pembangunan KESBAN. KESBAN ini keselamatan di mana kita telah merekrut ramai yang masuk askar pada era itu. Pelbagai langkah keselamatan diambil bersama agensi berkuasa awam dan komunis akur kepada Perjanjian Damai iaitu 2 Disember 1989. Jadi ia menamatkan *insurgency*.

**■1510**

Penubuhan *Rajang Area Security Command* (RASCOM) *under* Arahan MKN No.4, tahun 1972. Ini ditubuhkan atas dasar insiden pembunuhan, musnah harta awam di bahagian ketiga Sarawak oleh Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU). Gabungan pentadbiran awam dan pasukan keselamatan melaksanakan operasi sehingga selesai tugas.

Akhir sekali, penubuhan ESSCOM pada 25 Mac 2013 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan melalui arahan MKN. Dengan tujuan untuk mengukuh keselamatan maritim di Timur Barat Sabah menghalang *terrorist* berkeliaran di perairan Sabah dengan pelbagai aktiviti seperti penculikan, rompakan dan juga lain-lain jenayah. Juga mengawal kemasukan di pintu masuk negara, *eastern seaboard,* dengan izin. Jadi eloklah kita juga mengetahui atau memahami peranan Angkatan Tentera Malaysia.

Ditubuhkan berperanan untuk mempertahankan kedaulatan, kemerdekaan dan integriti wilayah Malaysia daripada ancaman luar. Peranan sekunder ATM membantu pihak berkuasa awam dalam mengekalkan ketenteraman awam, *public order,* dengan izin, penguatkuasaan undang-undang maritim dan menangani ancaman ke atas wilayah dan juga tugas-tugas operasi pengamanan.

Jadi saya ingin menyentuh sedikit dengan peranan tiga buah cawangan atau tiga bahagian dalam ATM ini. Tentera Darat, mengawal sempadan negara daripada dicerobohi, menghapuskan pihak lawan semasa perang dan juga membantu pihak berkuasa awam dalam tugas ketenteraman awam iaitu, dengan izin, *public order* dan juga membantu dalam bencana alam. TLDM, peranan utama memastikan kedaulatan maritim negara dipertahankan. Melindungi hak maritim dan sumber di luar pantai. Tentera Udara Diraja Malaysia pula peranan utama membuat persiapan melancarkan operasi udara untuk mempamerkan kuasa di ruang angkasa negara bagi mempertahankan hak negara.

Jadi peranan ATM dalam keadaan semasa, keadaan aman ini kuasa yang diperuntukkan kepada ATM dalam Perlembagaan negara, dalam pelaksanaan tugas utama iaitu ATM diperuntukkan dengan kuasa yang cukup untuk mengatur gerak dan melaksanakan tugas tanpa tergugat akan berhadapan dengan kepincangan. Keupayaan ATM cukup untuk menjalankan tugas bagi membantu pihak berkuasa awam dalam tugas sekundernya. ATM diberi kuasa-kuasa tertentu untuk membantu pihak berkuasa awam di bawah ketenteraman awam, *public order.*

Penguat kuasa Akta Perikanan oleh TLDM, Akta Perikanan yang saya ingin berkongsi di Dewan mulia ini kerana akta ini ada kait dengan rang undang-undang kuasa-kuasa yang akan diberi dalam Rang Undang-undang MKN 2015. Saya hendak menyentuh pegawai diberi kuasa. Pegawai-pegawai pemerintah mana-mana *vessel* Tentera Laut kerajaan atau pesawat udara kerajaan, pegawai pemerintah mana-mana *vessel* polis laut kerajaan atau mana-mana golongan orang lain yang dilantik menjadi pegawai diberi kuasa di bawah seksyen 36.

Secara ringkasnya, pegawai Tentera Laut dalam masa ini, dalam masa aman apabila membuat operasi di laut, mereka diberi kuasa di bawah undang-undang perikanan ini menjadi Pembantu Pegawai Perikanan, dengan izin, *Assistant Fisheries Officer*. Dengan kuasa-kuasa berikut yang telah diperturunkan, boleh menghentikan menaiki dan menggeledah mana-mana *vessel* dalam perairan perikanan Malaysia dan menjalankan apa-apa penyiasatan, pemeriksaan dan penelitian berkenaan dengan pelayaran dan kelayakan pelayar *vessel* itu.

Kedua menghentikan, menaiki dan menggeledah serta memeriksa mana-mana *vessel* ataupun kenderaan yang mengangkat ikan sama ada dalam perairan negara Malaysia...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, empat minit lagi Yang Berhormat ya.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Dalam *serial* ini, ia memberi kuasa. Jadi saya teruskan termasuklah kuasa-kuasa untuk memasuki, menyita serta menangkap. Semua semasa melaksanakan apa-apa jua penyitaan di bawah subseksyen (1), seorang pegawai diberi kuasa boleh menggunakan kekerasan yang munasabah. Suatu akuan terima bertulis hendaklah diberi berkenaan dengan apa jua benda yang disita di bawah subseksyen (1). Bermakna apa sahaja yang dibuat dia harus membuat satu penulisan dan ditandatangani oleh kapal yang disita.

Jadi dengan itu saya lihat peruntukan undang-undang yang sesuai telah diberikan kepada ATM untuk melaksanakan tugas-tugas sekundernya. Saya setuju dengan wujudnya rang undang-undang yang dirasmikan secara formal, kewujudan MKN sebagai badan yang mempunyai kuasa mengawal selia dan menentukan keselamatan negara dikawal seperti yang dalam cadangan-cadangan dan fasal-fasal Rang Undang-undang MKN 2015 ini mengisytiharkan kawasan keselamatan.

Ini kerana kita mahu membendung satu kejadian yang tidak meluas. Kejadian itu sangat *limited,* dengan izin, *localize,* dengan izin. Jadi kita hendak menangani, membendung sebelum ia jadi lebih keluar daripada kawalan kita. Jadi caranya mengisytiharkan kawasan keselamatan itu adalah penting dalam membendung isu keselamatan IS ini.

Kedua, saya sokong...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada yang hendak mencelah.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Silakan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bercakap tentang penggunaan kekerasan yang munasabah, saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Tan Sri tentang- pada pandangan saya, penggunaan kekerasan yang munasabah ini tidak sama kekerasan bagi seorang anggota polis dengan kekerasan munasabah bagi seorang anggota tentera. Di mana jika kita lihat dalam kawasan majlis keselamatan ini, kedua-dua anggota terlibat. Maknanya apabila dilibatkan anggota tentera, kekerasan yang mungkin akan dikenakan oleh anggota tentera adalah lebih keras berbanding dengan anggota polis. Mohon penjelasan.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi apa yang selalu dipraktikkan oleh Angkatan Tentera Malaysia ialah mereka akan mengeluarkan arahan, *rules of engagement.* Ini adalah dengan izin, *graduated response* iaitu satu respons yang mengikut situasi. Mereka hanya bertindak mengikut situasi di mana kalau dia tidak boleh melaksanakan *this proportionate respond,* dengan izin. Makna setiap warga tentera itu dengan *rules of engagement* yang diberi akan bertindak semunasabah mungkin mengikut situasi ataupun respons daripada pihak-pihak lawan ataupun pihak- inilah satu-satunya yang telah- adalah sebagai doktrin dan juga *maxim* yang diamalkan oleh warga tentera.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Akhirnya saya sokong untuk kita beri kuasa kepada pasukan keselamatan iaitu yang dicadangkan mulai fasal 24 dan juga- hinggalah fasal ke-36. Ini kerana saya yakin mereka ini boleh menggunakan kebijaksanaan mengikut keadaan semasa itu. Saya juga sokong fasal peruntukan am daripada fasal 37 hinggalah fasal 42. Saya juga ambil kesempatan untuk cadangkan penambahbaikan kalau dilihat daripada cadangan Rang Undang-undang MKN 2015 ini.

**■1520**

Saya hendak cadangkan, eloklah dikaji dan semasa membuat peraturan-peraturan sebelum kita menguatkuasakan MKN 2015 ini. Iaitu kita penambahbaikannya ialah saya hendak sentuh supaya masukkanlah memperhalusikanlah *rules of engagement* ini supaya mereka yang diberi kuasa akan tidak menyalahgunakan kuasa tetapi mengikut *rules of engagement* yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

Kedua, penambahbaikan yang saya ingin cadangkan ialah apabila telah dipersetujui oleh Majlis Keselamatan Negara untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya cadangkan untuk menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memberitahu Baginda supaya yang niat kita sudah dipersetujui di MKN dan akan mengisytiharkan kawasan keselamatan. Ini perlu kerana secara simboliknya memang kita tahu Yang di-Pertuan Agong Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia secara simboliknya. Akan tetapi kerana kita berbudaya tinggi, kita rakyat yang berbudaya tinggi yang menghormati sensitiviti Raja-Raja Melayu dan masa itulah saya cadangkan supaya sebelum kita mengisytiharkan menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan itu...

**Dato' Dr. Johari Bin Mat:** Boleh saya hendak mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkaskan ya Yang Berhormat sebab masa kita.

**Dato' Dr. Johari Bin Mat:** Saya hendak dapat penerangan komen dan juga pandangan daripada Yang Berhormat Tan Sri, berhubung dengan pengisytiharan yang telah Yang Berhormat Tan Sri sebut tadi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu perlu diberitahu atau dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Jadi maksudnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak perlu memaklumkan atau sebagainya dan tidak bertindak tanpa memaklumkan. Begitu?

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Ini yang saya ingin cadangkan Yang Berhormat kerana saya rasa inilah kehalusan budaya kita menghormati sensitiviti Raja-Raja Melayu walaupun tidak di bawah kuasa 150 kerana Agong akan mengisytiharkan darurat. Akan tetapi kawasan keselamatan ini adalah satu-satunya yang menyentuh kepada isu keselamatan negara juga. Jadi itu sahajalah saya rasa sebagai satu cadangan eloklah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

**Dato' Dr. Johari Bin Mat:** Sedikit. Satu kali Yang Berhormat Tan Sri. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh, kalau cadangan itu ada tersirat di dalam situ perlukah diletakkan di dalam mana-mana bahagian dalam ini.

**Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Saya setuju dengan Yang Berhormat supaya perkara ini kalau boleh diletakkan dalam peraturan sebelum kita menguatkuasakan MKN 2015. Akan tetapi kalau mengikut budaya atau lumrahnya memang tiap-tiap sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke Parlimen menghadap Tuanku semua isu ini akan diangkat sembah kepada Yang di-Pertuan Agong. Dengan itu sekian sahajalah Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin.

**3.23 ptg.**

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, saya ingin turut saya membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Kalau kita lihat daripada segi sejarah pada tahun 1969, berlaku Peristiwa 13 Mei rusuhan kaum. Maka pada 23 Februari 1971 Jemaah Menteri bersetuju dengan penubuhan Majlis Keselamatan Negara untuk mengambil alih peranan negara MKN dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertanggungjawab menggubal dan menyelaraskan pelaksanaan dasar-dasar berkaitan dengan keselamatan negara.

Hari ini kita bukan ingin berbincang mengenai penubuhan Majlis Keselamatan Negara tetapi kita mahu menguatkan lagi Majlis Keselamatan Negara dengan menambah beberapa fasa penambah baik kerana pada 15 September 2011 pemansuhan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1971 dan Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 yang memberikan kuasa kepada Perdana Menteri sebagai Pengarah Gerakan Negara yang menerajui MKN untuk membuat peraturan-peraturan bagi memperkukuhkan keselamatan negara sudah pun dimansuhkan.

Pada pandangan peribadi saya adalah sangat tidak adil apabila semua perkara hendak dipolitikkan termasuklah hal ehwal keselamatan rakyat dan keselamatan negara. Kita haruslah berbahas dalam isu ini berdasarkan fakta ilmiah dan lebih bersikap nasionalis. Makanya barulah kita dapat mencari jalan penyelesaian yang lebih tuntas dalam sebarang perkara yang menjadi isu dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada input-input dalam rang undang-undang ini. Pertamanya saya inginkan penjelasan berkenaan, dengan izin, *terms of national security*. Saya mohon Yang Berhormat Menteri jelaskan dengan lebih terperinci penjelasan yang lebih senang untuk difahami oleh pelbagai golongan masyarakat di negara kita. Seterusnya tidaklah disalah ertikan oleh mereka.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada fasal 6 iaitu berkenaan keanggotaan Majlis. Saya ingin menarik perhatian bahawa sekiranya sesuatu pengisytiharan tentang kawasan keselamatan dibuat yang membabitkan negeri bukan Menteri Besar atau Ketua Menteri juga yang harus diundang dan dijemput supaya sama-sama dapat dirundingkan.

Walaupun saya memahami dalam fasal 10, Majlis boleh mengantungkan mana-mana orang yang bukan anggota Majlis untuk menghadiri mesyuarat. Akan tetapi keanggotaan tetap perlu ditambah baik bagi wakil kedua-dua bagi negeri Sabah dan juga negeri Sarawak. Saya rasa apa-apa keputusan yang hendak diambil yang membabitkan keselamatan negara Malaysia haruslah dibuat secara holistik dan secara semangat 1Malaysia yang membabitkan wakil dari negeri Sabah dan Sarawak. Saya percaya dan yakin Ahli Yang Berhormat yang mewakili negeri Sabah dan Sarawak di dalam Dewan ini bersetuju dengan pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua secara umumnya saya setuju dengan kewujudan rang undang-undang ini ia sangat berguna dalam melindungi keselamatan negara dalam ancaman pengganas yang semakin berkembang di seluruh negara. Walau bagaimanapun, saya memahami dan mengambil berat pandangan pelbagai pihak berkenaan dengan salah guna yang mungkin berlaku terutamanya rang undang-undang ini akan digunakan bukan bertujuan untuk, dengan izin, *security purpose* ia akan digunakan untuk tujuan politik dan sebagainya. Oleh itu saya mohon kerajaan supaya tidak mengambil rundingan dan mengetepikan apa sahaja yang menjadi kerisauan rakyat berkenaan rang undang-undang ini.

Seterusnya saya ingin Yang Berhormat Menteri jelaskan relevan rang undang-undang ini kerana kita sudah ada undang-undang yang mencukupi bagi menangani isu-isu keselamatan negara seperti SOSMA, POTA dan sebagainya. Ini penting Tuan Yang di-Pertua, untuk menerangkan kepada rakyat mengapakah kita perlukan undang-undang baru ini jika tidak ditafsirkan sebetulnya persepsi negatif rakyat berkenaan dengan rang undang-undang ini akan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Senator dari negeri Sabah terpanggil untuk membahaskan rang undang-undang ini dalam ruang lingkung negeri Sabah.

**■1530**

Kelebihan, kesan, implikasi dan hasrat rakyat negeri Sabah secara khususnya berkenaan rang undang-undang ini. Pertamanya, sebelum rang undang-undang ini dibahaskan, adakah kerajaan ada membuat perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Negeri Sarawak dan juga adakah terdapat perbincangan di kalangan pakar-pakar ahli akademik dan wakil-wakil parti komponen Barisan Nasional khususnya di Sabah sebelum dan semasa kerajaan merangka rang undang-undang ini. Bolehkah saya dapatkan input-input perbincangan tersebut dan adakah Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju.

Seterusnya saya ingin dapatkan kepastian daripada kerajaan kerana pembangkang di negeri Sabah sudah mula mainkan isu ini iaitu berkenaan hak-hak negeri akan tergadai ataupun terjejas sekiranya rang undang-undang ini diluluskan. Mereka mendakwa Kerajaan Pusat akan mengambil semula apa yang mereka hilang sejak pemansuhan *Emergency Ordinance* iaitu *territorial waters* di Sabah, dengan izin. Ini kerana *Territorial Sea Act* pada masa sekarang tidak terpakai di negeri Sabah dan ada kemungkinan Kerajaan Persekutuan akan menggunakan akta ini untuk mengambil alih semula bagi nautika yang dimiliki negeri Sabah khususnya di utara Sabah.

Perkara seterusnya saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan kawasan ESSZONE di Sabah. Kita sedar bahawa kawasan ini kawasan yang terdedah dengan ancaman keselamatan paling tinggi di negeri kita. Oleh yang demikian, saya mohon penjelasan sekiranya berlaku sekali lagi serangan seperti berlaku pada tahun 2013 dan undang-undang ini dilaksanakan pada ketika itu, adakah proklamasi darurat akan digunakan juga. Bagaimanakah kerajaan ingin mentafsirkan situasi yang berlaku itu? Digunakan rang undang-undang ini ataupun Artikel 150? Bagaimanakah kerajaan ingin memastikan undang-undang ini tidak kontradiksi dengan Artikel 150 bila kerajaan mengisytiharkan kawasan ini kawasan keselamatan seperti kes yang berlaku di Lahad Datu?

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Senator dari Sabah ingin penjelasan Yang Berhormat Menteri, adakah sebelum mengisytiharkan kawasan keselamatan dilakukan khususnya di negeri Sabah dan negeri Sarawak, adakah laporan jawatankuasa antara kerajaan dan Perjanjian Malaysia 1963 akan dirujuk dahulu. Sejauh manakah kedua-dua buah dokumen ini akan memberi kesan ke atas sebarang pelaksanaan undang-undang di kedua-dua buah negeri ini? Dengan itu, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan.

**3.33 ptg.**

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk dan juga pihak Tan Sri kerana telah mengizinkan masa yang munasabah. Saya juga ingin maklumkan di sini bahawa saya tidak akan didorong oleh emosi, perasaan marah ataupun *partisan interest* tetapi sebaliknya akan ikut kepentingan negara. Akan tetapi walau bagaimanapun saya hendak balik kepada tarikh rang undang-undang ini diluluskan di Dewan Rakyat.

Pada pendapat saya, hari itu akan dirakamkan di sejarah negara kita sebagai satu hari yang paling hitam dalam *history* kita. Akan tetapi hari ini, pasal hari itu kalau kita tengok di Dewan Rakyat diluluskan secara tergesa-gesa dan tanpa satu perbahasan yang mendalam tetapi hari ini kita ada satu peluang kecemasan di Dewan Negara pada hari ini untuk mengekalkan nama baik Parlimen Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kecemasan Yang Berhormat? Peluang keemasan atau kecemasan?

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Keemasan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Keemasan? Okey. Kalau tak, kita darurat. Susah.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Itu akan saya sentuh kemudian, kejap. Macam pernah kita dengar sebelum ini banyak orang cakap kalau tidak kita akan dianggap sebagai satu *rubber stamp,* Dewan *rubber stamp.* Saya ingat saya pegang kepada ikrar seperti yang telah diberitahu oleh Tuan Yang di-Pertua, kita kena pegang kepada ikrar. Saya akan pegang kepada ikrar iaitu memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan ini. Ini akan jadi falsafah saya dalam perbahasan ini.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Boleh mencelah sedikit?

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Ya, masa *injury* ya.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Sekarang baru masa kecemasan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Saya cuma hendak minta penjelasan Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat sebut soal ikrar ini, adakah bila mana Yang Berhormat kata Yang Berhormat akan berbahas merujuk kepada ikrar Yang Berhormat telah sampaikan sewaktu mengangkat sumpah, saya fikir kita juga mengangkat sumpah menyebut perkara yang sama. Adakah bila kita tidak menyokong apa Yang Berhormat hendak sebut nanti, maka kita dianggap sebagai orang yang telah melanggar ikrar ataupun adakah bila kita bersetuju dengan rang undang-undang ini, kita tergolong juga dalam orang yang telah mengingkari ikrar yang kita baca sebab ada dua persepsi di sini.

Satu, bila Yang Berhormat merujuk kepada ikrar itu maka ada dua persepsi. Mungkin Yang Berhormat tidak bersetuju dengan rang undang-undang ini tetapi kita bersetuju, jadi itu hendak mohon penjelasan Yang Berhormat di peringkat awal ini. Lebih banyak nanti saya akan bertanya penjelasan.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Pada saya, bila saya sebut mengikut ikrar saya, ayat yang berikut ialah bukan mengikut emosi dan perasaan marah. Hak untuk memutuskan sama ada hendak sokong atau menolak rang undang-undang ini terpulang kepada tiap-tiap Ahli Dewan Negara. Ini saya rasa sesiapa pun tak boleh soal hak itu. Saya yakin ke atas kebijaksanaan semua Ahli Dewan Negara ini. Saya selalu beritahu pendapat saya dalam bahasa Inggeris, *we shall agree to disagree without being disagreeable.* Itu pendapat saya kerana saudara akan pandang dari sudut pandangan saudara dan saya akan pandang dari sudut pandangan saya. Terima kasih saudara.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menimbulkan beberapa hujah dalam pandangan dalam perbahasan saya kenapa rang undang-undang ini perlu ditolak.

Sebahagian daripada hujah-hujah ini sebenarnya telah dibangkitkan di Dewan Negara tetapi tidak diambil kira. Saya sedar penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri semasa pembentangan tadi tetapi kalau kita tengok pembentangan Menteri, banyak dia fokus kepada kenapa perlunya rang undang-undang ini tetapi tidak sebut kenapa perlu dengan kadar segera atau kenapa perlu secara tergesa-gesa. *So,* fokus. Saya akan fokus kepada itu.

Hujah yang pertama yang pernah juga dibangkitkan oleh satu, dua orang ahli sebelum ini ialah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Kita telah mendengar penjelasan bahawa peruntukan yang ada dalam rang undang-undang ini tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan tetapi saya berpendapat berlainan sedikit.

Pada saya, kalau kita tengok secara khusus dalam Fasal 3, dengan Fasal 18, ini saya akan *explain* kenapa pendirian saya macam itu. Ia bertentangan dengan Perkara 150. Saya tak sebut 149 ataupun artikel berkenaan dengan *armed forces.* Kalau kita tengok Perkara 150 Perlembagaan, dia secara khusus memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan darurat, itu kita telah dengar tadi penjelasan tetapi kalau kita baca Fasal 3, dengan Fasal 18 rang undang-undang ini, ia memberi kuasa secara *in effect* kepada Perdana Menteri. Saya ulangi perkataan secara *"in effect'*. Saya akan *address* isu yang ditimbulkan oleh Menteri bahawa kuasa itu hanya untuk kuasa kawasan keselamatan. Saya akan menyentuh itu kejap lagi.

**■1540**

Kalau kita tengok Fasal 3(2), ia menyatakan bahawa Majlis Keselamatan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri hendaklah menjadi pihak berkuasa pusat. Isu saya adalah dengan perkataan "pihak berkuasa pusat" bagi kerajaan untuk mempertimbangkan perkara-perkara berkenaan dengan keselamatan negara. Dia cakap isunya adalah dengan perkataan "pihak berkuasa pusat". Ini kalau kita baca Fasal 32, dengan Fasal 18. Fasal 18 pada saya oleh sebab kewujudan Fasal 18(4), pada saya Fasal 18 ini memberi kuasa tunggal dan juga mutlak, mutlak ini Fasal 14(4). Untuk mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai kawasan keselamatan.

Kalau kita baca kedua-dua fasal ini, seolah-olah ia memberi kuasa *in effect* membenarkan Perdana Menteri untuk mengambil alih kuasa Yang Dipertuan Agong walaupun 150 itu masih ada secara *in effect*. Saya terima penjelasan yang diberi atau *explanation* yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri bahawa isunya atau klasifikasi bahawa Fasal 18 itu sebenarnya tidak memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk mengisytiharkan darurat. Akan tetapi hanya untuk mengklasifikasikan sebuah kawasan sebagai kawasan keselamatan. Itu secara dalam rang undang-undang.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Minta mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum itu Yang Berhormat, saya hendak mengingatkan kepada Yang Berhormat sekalian, kalau Yang Berhormat membenarkan rakan-rakan mencelah, bermakna rakan-rakan itu menggunakan masa Yang Berhormat ya, ingat. Teruskan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Apa beza sebab disebut soal 'mutlak', kuasa 'mutlak' di bawah Fasal 32 iaitu pihak berkuasa pusat dan merujuk kepada Fasal 18(2). Ada tidak perbezaan apa-apa antara kuasa 'mutlak' dan kuasa prerogatif seorang Perdana Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Oleh sebab kesuntukan masa, saya akan jawab sedikit sahaja. Bila saya sebut kuasa 'mutlak' tadi, saya tidak merujuk kepada Fasal 32, saya rujuk kepada Fasal 18(4). *So,* saya harap Yang Berhormat boleh baca Fasal 18(4). Saya balik kepada *argument* tadi. Saya akui bahawa akta ini cuma memberi kuasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengklasifikasikan sesuatu kawasan sebagai kawasan keselamatan. *Argument* yang dia tidak ada kuasa mutlak itu fasal dia kena bertindak atas nasihat pihak atau atas Majlis, dia kena bertindak- tetapi macam saya cakap tadi, saya tengok dari segi *effect*nya.

Kuasa mutlak- kejap lagi saya akan– akan tetapi kalau kita tengok daripada segi *effect*nya- *effect* itu sama kalau kita tengok daripada segi niat dengan kesan Fasal 3(2) dengan Fasal 18, kalau kita tengok daripada segi kesan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak tengok daripada segi kesan, kita perlu baca rang undang-undang ini atau Fasal 18 sekali dengan Fasal 22 sehingga Fasal 36 yang menyebut fasal kesan-kesan atau kuasa-kuasa. Contohnya, kuasa-kuasa yang akan ada dalam tangan Majlis apabila diisytiharkan sesuatu kawasan sebagai kawasan keselamatan. Antaranya mengenakan perintah berkurung, menangkap mana-mana orang, menjalankan pemeriksaan, penyitaan tanpa waran, menggeledah premis, mengawal pergerakan, merampas atau memusnahkan harta dan sebagainya. *So,* pada hakikatnya kalau kita tengok kuasa yang ada pada Majlis dan melalui Majlis kepada Perdana Menteri dan kuasa yang ada kepada Yang Dipertuan Agong semasa darurat, pada saya lebih kurang sama. Maka, timbullah tuduhan bahawa Yang Berhormat Perdana Menteri akan ambil alih kuasa Yang Dipertuan Agong.

Mengenai isu yang kedua, mengenai kuasa mutlak. Kalau kita tengok sekarang ini Fasal 18(1) memperuntukkan bahawa untuk mengisytiharkan sesuatu kawasan sebagai kawasan keselamatan, Perdana Menteri akan bertindak atas nasihat Majlis Keselamatan Negara, itu fasal 18(1). Akan tetapi kalau kita pergi untuk *extension* seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 18(4), tidak ada keperluan untuk memohon nasihat Majlis Keselamatan Negara.

Saya ulangi, Fasal 18(1) hanya untuk enam bulan pertama sahaja. Kalau kita tengok Fasal 18(4), secara spesifik memberi kuasa mutlak kepada Perdana Menteri. Kalau *I* baca Fasal 18(4), satu pengisytiharan yang berkuat kuasa boleh diperbaharui oleh Perdana Menteri daripada semasa ke semasa. Ini dua aspek, satu boleh diperbaharui oleh Perdana Menteri- *second lane* itu dari semasa ke semasa. Kalau kita tengok ini, satu tiada keperluan di sana untuk membincang dengan mana-mana pihak. Sama ada Majlis Keselamatan Negara atau mana-mana pihak pun tidak ada peruntukan.

Yang Berhormat Menteri kena ambil maklum bahawa kita buat masa ini *don't have the benefits of the* peraturan. Jadi, kita tidak tahu apa yang akan diliputi oleh peraturan. Perbahasan saya berdasarkan belum ada peraturan buat masa sekarang ini. Kalau kita tengok...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada empat minit lagi Yang Berhormat ya.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Kalau kita tengok ini Fasal 18(4) ini, ia boleh sambung, bersambung. Itu yang *I* cakap *perpetual.* Biasanya ini kepada *law makers*, biasanya kalau kita tengok penggubal undang-undang, dia akan masuk *precautionary clauses.* Akan tetapi, *I* tengok dalam sini tidak ada *precautionary clauses*. Maksud saya, *precautionary clauses* untuk *address* sebarang kemungkinan penyalahgunaan dan sebagainya. *So,* pada sayalah, dalam sini tidak ada apa-apa *precautionary clauses.*

Hujah yang kedua menyentuh *concentration of powers* atau kuasa berlebihan yang diberikan kepada Majlis Keselamatan. Ini saya telah sentuh melalui Fasal 22 sehingga Fasal 36. Secara khusus, saya hendak sentuh satu dua fasal, terutama Fasal 38. Ini Tuan Yang di-Pertua, ada kaitan dengan apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri ya, Fasal 38 dan Fasal 35. Saya akan sentuh Fasal 38 dahulu. Fasal 38, kalau kita tengok berkaitan dengan perlindungan Majlis Keselamatan terhadap guaman ataupun prosiding undang-undang. Tadi kita telah dengar semasa pembentangan, *argument* fasal Fasal 35 kemudian sedikit saya akan cakap Fasal 35, 39 dan juga implikasi Fasal 39 dan 40.

Akan tetapi, balik kepada Fasal 38 ini, saya sedar Fasal 38, ia tidak boleh pakai dalam keadaan *mala fide* atau *bad faith,* ia boleh menggunakan hanya dalam keadaan *good faith.* Akan tetapi yang pernah kita tengok dalam sebelum ini, banyak undang-undang ada peruntukan untuk- *provided they add in good faith*. Akan tetapi kita pernah tengok kalau sebelum ini, kebelakangan ini ada banyak undang-undang seperti SOSMA, POTA dan *Prevention of Crime Ordinance,* Akta Hasutan.

Di mana telah diguna, walaupun ditubuhkan untuk tujuan keselamatan negara, telah digunakan terhadap *civil society* dan parti pembangkang dan sebagainya. Kalau *I* tengok, kuasa yang diberikan oleh rang undang-undang ini, ia lebih luas daripada ISA. Seolah-olah macam kerajaan sedang menggunakan kesempatan ini untuk membawa balik ISA dalam bentuk yang dengan lain. Satu sahaja saya hendak sebut, daripada segi terhadap *no safeguards* atau *no legal safeguards*. Kita kena tahu, penggubal undang-undang sedar *any law...*

**■1550**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Simpulkan Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** *Any law...*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulungkan.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Dua isu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. *Any law that* tak ada *legal constraint, any law that* tak ada *legal limit* akan jadi *bad law* pada kelamaannya. Pada saya, kita perlu ada *safeguard.*

Tiga isu sahaja Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas. Satu, fasal 34. Fasal 34 berkaitan dengan kegunaan kekerasan yang munasabah. Yang menjadi isu di sini ialah jika disifatkan perlu. Sebelum ini pun ada soalan yang ditimbulkan perbezaan antara kekerasan itu boleh dibezakan dari orang ke orang.

Di sini perkataan yang disifatkan munasabah itu pada saya, walaupun terpulang kepada kejadian, kita kena *careful* sedikit pasal kita tidak boleh lupa kes Aminulrasyid pada bulan April 2010, polis melepaskan sebanyak 21 tembakan ke arahnya. Akhirnya dijustifikasikan- dia duduk dalam kereta. Akhirnya dijustifikasikan sebagai disifatkan perlu dalam keadaan. Orang yang bercakap macam itu sekarang duduk dalam Majlis Keselamatan Negara, bekas CPO Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, dua lagi isu. Satu, isu Fasal 35.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Akan tetapi gulung cepat sikit ya, Yang Berhormat. Masa.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Tadi kita telah terima jaminan dari Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja di sini, semasa rombongan pun dia tidak akan hadkan masa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Betul tetapi sekarang ramai yang hendak berucap. Kita cuma ada esok lagi yang tinggal. Jadi saya harap...

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Ya lah, saya akan habiskan dua, tiga maklumat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cepat sedikit, Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Kena dengar semua pandangan sebelum Menteri boleh buat keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Straight to the point, straight to the point.* Tidak payah mukadimah sana sini, *just straight to the point.*

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Setiap kali kita pergi *straight to the point,* lepas itu yang keluar lain.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apa, teruskan.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Saya setuju kalau Tuan Yang di-Pertua tidak benarkan cerita. Itu lain isu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, masa kita berlalu ini.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Okey, Fasal 35. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan dalam Fasal 35 berkenaan dengan mengetepikan inkues. Mangsa atau keluarga mangsa ada kuasa atau ada hak untuk pergi melalui CPC. Akan tetapi saya rasa ini tidak bagi satu gambaran yang betul kalau kita tengok tiga peruntukan dalam fasal ini.

Satu, kalau kita ambil Fasal 39 dan Fasal 40. Fasal 40 kalau kita tengok- ini kena baca tajuk sahaja. Kalau kita tengok fasal 40, Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam.

Fasal 39 akan mengklasifikasikan anggota-anggota Majlis Keselamatan Negara sebagai pihak berkuasa awam dan oleh sebab diklasifikasikan sebagai pihak berkuasa awam, dia dapat *protection.*

*So,* isu saya adalah berkenaan dengan Fasal 39 dan Fasal 40 tetapi lebih-lebih lagi Fasal 38. *So,* kalau kita baca Fasal 38, 39 dengan 40, saya rasanya ia akan konflik dengan CPC. Dalam keadaan di mana ada konflik dua undang-undang, kita pun tidak tahu daripada segi supremasi, mana satu yang akan ambil supremasi. Itu satu saya hendak jawapan.

Kedua, *last point* kepada Yang Berhormat Menteri, semasa Yang Berhormat Menteri jawab tadi- ini isu yang penting, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Last one* ya, yang terakhir.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** *Last one,* selepas itu satu seruan sahaja. Ini *last point* sahaja untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cepat sedikit Yang Berhormat, masa kita ini singkat.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Isu peranan Parlimen. Yang Berhormat Menteri cakap Parlimen ada peranan tetapi pada saya, perkataan yang digunakan kalau tidak salah dalam Fasal 18(6), ia gunakan perkataan, *"shall be laid before Parliament".* Dibentangkan di Parlimen dengan seberapa segera yang mungkin setelah ia dibuat. Isu saya, perkataan, *"laid before Parliament". Conventional practice* di Parlimen, *"laid before Parliament"* tidak automatik bererti dibahas. Pasal, bila kita cakap, *be laid before Parliament,* mungkin sebagai Kertas Makluman. Pada saya, kalau betul-betul Parlimen nak main peranan, perkataan, *"...dibentangkan di Parlimen seberapa segera yang mungkin setelah dibuat"* perlu ditambah peluang untuk dibahaskan.

Satu lagi berkenaan dengan fasal 18(6) ini macam *misplaced.* Tidak ada sekatan masuk pasal dia pakai perkataan ***"****Seberapa segera yang mungkin".* Ini mungkin boleh ambil 20 tahun*. So,* pada saya, kena ada satu spesifik *deadline.*

Yang lain- sebenarnya ada banyak tetapi oleh sebab kesuntukan masa, mungkin saya kena tulis surat pada Menteri secara personel untuk bagi pendapat-pendapat saya.

Cuma, satu sahaja seruan kepada- ini hendak jawab *conscience* sama ada Ahli-ahli yang tidak undi *bill* ini, akan dianggap sebagai tidak mematuhi ikrar. Macam saya cakap tadi, terpulang. Saya cuma ingin membuat seruan sahaja kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita mengundi mengikut kita punya *conscience.* Terpulang kepada masing-masing. Sebenarnya di sini kita ada tiga *opportunity,* tiga peluang. Satu, kita boleh tolak. Satu, kita boleh terima, dan yang ketiga, kita boleh ikut seperti yang pernah dijelaskan oleh Yang Berhormat Tan Sri Rahim, kita rujuk kepada satu Jawatankuasa Khas yang dibenarkan oleh *Standing Orders 79.* Pada saya*, of course* saya punya *first choice* tolak terus pasal banyak sangat isu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup, Yang Berhormat. Saya rasa cukup jelas itu.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Satu sahaja, akhir yang saya hendak cakap. Saya cuma hendak…

**Timbalan Yang di-Pertua:** Berapa banyak yang akhirnya, Yang Berhormat?

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Satu *sentence,* lepas itu kena cakap terima kasih 'kot'. Saya cuma hendak cakap satu *quotation* dari Napoleon Bornaparte yang pernah cakap, ***"****The world suffers a lot not because of the violence of bad people but because of the silence of good people". So,* saya harap *all the good people* di sini akan buat keputusan mengikut *conscious* mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Tan Sri Ibrahim Shah. Silakan Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ya Tuan Yang di-Pertua, saya telah meminta kepada Tan Sri Yang di-Pertua bercakap esok dan beliau telah bersetuju. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apa pun nota dekat sini. Tidak apa. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta mohon esok, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau semua hendak berucap esok, nampaknya kita-tidak bolehlah. Tidak ada lagi yang hendak berucap kah? Kalau semua hendak berucap esok- sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Yahaya.

**3.58 ptg.**

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya saya bersedia untuk berucap pada hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Dan saya harap...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sepatutnya selalu siap siaga.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Saya harap Tuan Yang di-Pertua bawa banyak bersabar, jangan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Okey. Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam sehati sejiwa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan pada petang yang indah ini kerana memberi kesempatan dan peluang kepada saya untuk turut sama berbahas dalam Rang Undang-undang MKN ini. Saya rasa terpanggil untuk berbahas rang undang-undang ini kerana sebelum dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini, pelbagai pendapat dan persepsi yang telah dibahaskan di Dewan Rakyat dan juga di media-media sosial.

**■1600**

Malah saya sendiri telah menerima pelbagai pertanyaan baik melalui saluran media sosial mahupun e-mel berhubung dengan perkara ini. Ramai yang terkeliru berhubung dengan langkah kerajaan untuk memperkenalkan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini. Terutama yang termakan gula-gula parti pembangkang yang telah cuba mengelirukan rakyat. Apa yang digembar-gemburkan oleh masyarakat di luar sana sesetengahnya soal isu yang pertama iaitu isu yang dikatakan untuk merampas kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua isu yang paling panas dalam perbahasan rang undang-undang ini ialah kenyataan dan pendapat yang menyatakan bahawa rang undang-undang ini akan memberi kuasa mutlak kepada Perdana Menteri untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan berikutan adanya ancaman keselamatan terhadap negara kita.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Oleh itu ada pihak yang menyalah tafsir terutamanya daripada pihak pembangkang yang menyatakan bahawa rang undang-undang ini akan merampas kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalau kita amati fasal 18 rang undang-undang ini, Perdana Menteri hanya akan mengisytiharkan sesuatu tempat itu sebagai kawasan keselamatan hanya selepas berunding dengan Ahli Majlis yang terdiri daripada golongan yang bertanggungjawab dan pakar dalam bidang masing-masing. Selepas itu akan dibawa ke Parlimen untuk diluluskan. Selain itu, sekiranya jangka masa pengisytiharan kawasan keselamatan itu menjangkau lebih enam bulan, kelulusan baru hendaklah diperoleh semula daripada Parlimen.

Maksudnya kedua-dua Majlis Parlimen iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara boleh menyekat atau membatalkan pengisytiharan tersebut jika tidak bersetuju dengan cadangan MKN.

Jadi tidak timbul isu bahawa Perdana Menteri boleh sesuka hati mengisytiharkan kawasan keselamatan dengan mengetepikan proses perundangan yang ada. Mahupun merampas kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Lagi pun pengisytiharan kawasan keselamatan dibuat secara kolektif dan *consensus* oleh lapan orang Ahli Majlis MKN yang mendapat maklumat daripada pelbagai agensi keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia, Cawangan Khas PDRM, APMM, Jabatan Imigresen dan lain-lain bahagian di bawah kuasa masing-masing. Di samping itu rang undang-undang ini juga mewujudkan *check and balance* yang melibatkan ketiga-tiga cabang iaitu kehakiman, legislatif dan eksekutif.

Ada yang mengatakan bahawa fasal 18...

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** *[Bangun]*

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sila, sila walaupun masa tidak ada saya bagilah.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Sedikit.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ini sebab saya tahu dalam keadaan Yang Berhormat selesema demam masih tidak berpuas hati sebab masa tidak ada. Silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Tidak ada. Cuma hendak dapat pendapat Yang Berhormat fasal berkenaan dengan peranan Parlimen. Perkataan yang digunakan di Fasal 18(6) itu dibentangkan di Parlimen, pada tafsiran Yang Berhormat adakah dibentangkan di Parlimen itu meliputi kuasa untuk membahas. Fasal saya sedar apa Yang Berhormat cakap boleh ditolak oleh kedua-dua ini tetapi sama ada perkataan itu meliputi kuasa untuk membahas.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan dan kebetulan saya kira Menteri pun mendengar apa yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat. Kita minta esok Menteri menjawab persoalan-persoalan yang timbul. Kita *take note*lah, saya akan teruskan dengan perbahasan saya. Boleh Yang Berhormat Menteri?... *[Disampuk]* Terima kasih kakanda. Ada yang mengatakan Fasal 18 pada rang undang-undang ini telah melampaui kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang diperuntukkan dalam Artikel 150, Perlembagaan Persekutuan.

Artikel 150 menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan darurat apabila terdapat ancaman keselamatan yang boleh menggugat kedaulatan negara. Persoalannya, adakah pengenalan Rang Undang-undang MKN ini telah melanggar Perlembagaan Persekutuan? Inilah yang memerlukan penjelasan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Menteri.

Dalam hal ini saya berpendapat ramai yang berasa agak keliru apabila membuat tafsiran di antara kawasan keselamatan dalam Rang Udang-undang MKN dengan tafsiran darurat dalam Perlembagaan Persekutuan. Di sinilah timbulnya persoalan seolah-olah ada pertindihan kuasa antara kuasa Yang di-Pertuan Agong dengan kuasa Perdana Menteri yang dimaksudkan itu. Oleh itu saya mohon Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan dengan lanjut perbezaan ini pada esok hari.

Saya juga memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, jika jawapan Yang Berhormat Menteri menyatakan tiada pertindihan kuasa di manakah boleh kita rujuk dalam perundangan yang sedia ada yang menyatakan kuasa Perdana Menteri untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan kesinambungan atau ada hubung kait dengan Artikel 150, Perlembagaan Persekutuan iaitu kuasa Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat.

Selain itu, saya juga mahu penjelasan Yang Berhormat Menteri, adakah perlu juga Majlis MKN merujuk kepada Yang di-Pertuan Agong apabila sesuatu kawasan keselamatan itu diisytiharkan darurat. Ini kerana ia dalam rang undang-undang ini tidak menjelaskan hubung kait antara kawasan keselamatan dan darurat.

Apa pun pada amatan saya, Rang Undang-undang MKN ini satu rang undang-undang yang berniat baik yang matlamat utamanya untuk mengasimilasikan MKN selepas pemansuhan Ordinan Darurat 1931, dan Akta Darurat 1939 pada tahun 2011.

Kita tidak mahu terperangkap dalam keadaan yang tidak bersedia seperti insiden yang berlaku insiden serangan militan DAESH di Paris dan di Mali baru-baru ini. Begitu juga dengan insiden serangan pencerobohan Kesultanan Sulu di Kampung Tanduo pada Februari 2014 yang lepas kerana kegagalan kita mengumpul maklumat perisikan dan kesiapsiagaan kita berhadapan dengan musuh pada ketika itu.

Banyak negara di dunia telah mewujudkan Sistem Keselamatan Negara atau *National Security Council.* Mereka sendiri terutamanya di negara yang mempunyai sistem beraja seperti Malaysia jadi kalau negara seperti Jepun dan Thailand yang mempunyai raja seperti Malaysia boleh mengadakan undang-undang keselamatan mereka sendiri yang tidak menampakkan sebarang kesulitan. Jadi mengapa digembar-gemburkan seolah-olah Kerajaan Malaysia sekarang zalim dan berhasrat untuk menggunakan undang-undang yang ada untuk menindas rakyat. Saya rasa pihak pembangkang ini hanya ingin mencari publisiti murah dan sengaja hendak meresahkan rakyat agar menentang apa jua langkah tindakan kerajaan untuk menjaga keselamatan negara.

**■1610**

Sungguhpun demikian, saya berharap kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri dapat memperbetulkan segala persoalan dan keraguan yang ada terutama kontroversi dalam Fasal 18 Rang Undang-undang MKN, dan Artikel 150, Perlembagaan Persekutuan. Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil masa panjang. Sebelum saya pergi kepada kesimpulan, saya ada dua perkara yang hendak saya kemukakan hari ini iaitu tentang kuasa Pengarah Operasi yang ditentukan oleh Ahli Majlis MKN. Kalau kita tengok dalam draf ini, kuasa yang dibentangkan begitu meluas.

Kuasa yang diberi kepada Pengarah Operasi saya kira cukup besar dan kita kena ingat rata-rata rakyat di luar sana berjumpa dengan saya. Undang-undang yang kita bentuk, undang-undang yang kita wujudkan, undang-undang yang kita sokong dan kita persetujui di dalam Dewan yang mulia ini bukan undang-undang hari ini untuk esok. Undang-undang yang kita ada hari ini, kita buat hari ini untuk selama-lamanya. Untuk kita bawa selama-lamanya. Untuk kesejahteraan rakyat dan negara selama-lamanya. Kita kena fikir juga di sebalik selepas kita. Untuk jangka masa 10 tahun, 20 tahun, 30 tahun, 100 tahun akan datang. Apa ia masih relevan, apakah ia boleh membantu rakyat keseluruhannya? Ini penting juga kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan bentuk ancaman yang dihadapi negara sekarang semakin kompleks dan begitu mencabar. Selain daripada berhadapan musuh secara terbuka dan berbentuk, kita juga berhadapan dengan ancaman serangan siber, ancaman nuklear, serangan penyakit hingga kepada serangan ekonomi dan politik yang bermatlamat untuk menghancurkan negara. Oleh itu, sebagai sebuah negara yang semakin maju, negara kita perlu mempunyai dasar dan pengurusan keselamatan yang efektif dan berkesan seiring dengan penggunaan sistem dan peralatan teknologi moden. Negara kita perlu bersedia dalam segala aspek. Justeru itu, kita tidak mengambil peduli apa yang diperkatakan oleh pihak yang sentiasa sahaja cuba menggagalkan niat murni kita untuk menjaga keselamatan dan kepentingan rakyat jelata.

Yang penting nawaitu kita, Yang Berhormat Menteri. Yang penting nawaitu kita, hasrat kita murni, hasrat kita betul dan nawaitu kita betul. *InshaaAllah* Allah akan sentiasa menyelamat dan melindungi kita. Saya rasa itu sahaja perbahasan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana dari awal lagi masih berada di dalam Dewan dan saya menyokong rang undang-undang ini dilaksanakan. Sekian, terima kasih. *Wabillahitaufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai.

**4.14 ptg.**

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Selamat petang, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya berbahas, *my deepest condolence to your sister's family and to you,* Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk berbahas tentang Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Salam 1Malaysia.

Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini memastikan keselamatan negara sentiasa terjamin dan tidak melanggar mana-mana prinsip hak asasi rakyat Malaysia seperti dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Banyak dakwaan tidak adil dibuat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Suara hilang, itu...

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Rang undang-undang ini mengurangkan hak-hak istimewa negeri Sabah dan Sarawak. Perkara berkaitan keselamatan negara adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Sabah dan Sarawak adalah sebahagian dari Malaysia. Jadi keselamatan Sabah dan Sarawak tanggungjawab Kerajaan Persekutuan juga. Tiada wakil negeri-negeri dalam Majlis Keselamatan Negara dalam Artikel 74, Perlembagaan Persekutuan, keselamatan negara adalah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Kalau wakil negeri perlu untuk berbincang, mereka boleh menyampuk dalam mesyuarat sebagai ahli turut hadir. Tiada masalah kerana sebelum rang undang-undang ini, ada peruntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu beritahu Ahli-ahli Dewan Negara semua. Ini bila saya kena tangkap tahun 1998, ada dekat 40 orang pergi ke rumah di Bukit Tunku. Di rumah saya, mereka panggil saya duduk di sebuah tempat, tidak usah bangun, tidak usah jawab telefon. Apa-apa pun tidak boleh buat. Sudah duduk, keluarga saya semua ada. Anak-anak saya baru berumur lima dan enam tahun. Dari rumah saya, mereka bawa saya pergi ke Bukit Aman. Pukul satu pagi lebih mereka bawa saya ke Bukit Aman. Simpan di sana satu minggu. Bukan satu minggu tetapi sebelas hari, Tuan Yang di-Pertua. Selepas itu mereka bawa saya pergi mahkamah.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Apakah kesalahan?

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Apa salah, nantilah tunggu. Bawa saya pergi ke mahkamah.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Banyak kacaulah ini orang. Tuan Yang di-Pertua, bila bawa pergi mahkamah, hari sudah pagi, reman di Sungai Buloh. Di Sungai Buloh duduk dua malam, Tuan Yang di-Pertua, polis sudah datang ke Sungai Buloh, bawa saya balik ke Bukit Aman. Duduk lagi 40 hari di Bukit Aman. Selepas itu bila tangkap, mereka ada satu seksyen. Seksyen 7 itu, *I can't remember Tuan Yang di-Pertua. You* adalah *lawyer. You should know.* Seksyen 7, Tuan Yang di-Pertua. Selepas itu mereka tukar balik ke ISA.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seksyen 7, akta apa, Yang Berhormat?

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Mereka simpan saya di Bukit Aman, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah. Seksyen 7 itu ISAkah, apakah?

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Itu *simple act*, Tuan Yang di-Pertua. *Not ISA.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Selepas itu mereka tukar balik ke ISA. Itu yang gantung punya. ISA, Tuan Yang di-Pertua. Gantung.

**Seorang Ahli:** Gantung, gantung?

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Ya, gantung punyalah, ISA. Bukan *simply go and take,* dengan izin.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Adalah. Ada, Tuan Yang di-Pertua? Mereka mengacau. Bila saya cakap ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong jangan kacau, Yang Berhormat. Minta maaf, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Mesti mereka mahu kacau sama saya. Tidak ada susah.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Saya tidak kasi laluan. Duduk.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Bolehlah sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** *Please*lah. Cakap. Tolong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bagi dia selesaikan dulu. Sudah selesai dia bagi.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Ini kawan baik sudah batu. Selepas ISA, Tuan Yang di-Pertua, mereka pindah lagi ke Seksyen 8. Tiga kali mereka tukar seksyen. Ini macam, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Bukit Aman buat macam ini? Ini kita punya undang-undang, sekarang rang undang-undang mesti mahu tukar baik-baik. Ini tidak boleh main-main punya kerja. Undang-undang ini mahu tukar baik-baik. Apa macam kita sokong pun, ini kita mahu undang-undang yang buat betul-betul punya.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Kalau dibenarkan.

**■1620**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak bagi laluan kah?

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Baik, ini dibenarkan. Saya sedih dengar cerita Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan. Saya cuma hendak tanya apa maksudnya? Saya tidak faham. *History* dia, *I* faham. Adakah dimaksudkan undang-undang itu boleh disalahgunakan? Itu soalan saya.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Terima kasih Yang Berhormat. Undang-undang itu ditukar, itu saya belum habiskan. Dia sudah bangun *[Ketawa]* Undang-undang ini mereka tahan saya di rumah, tetapi saya tidak bersalah. Saya tidak tembak orang, saya tidak buat apa-apa. Akan tetapi saya ada pistol, tetapi saya tidak tembak. Hari itu saya sudah buat silap, saya sepatutnya tembak seseorang, saya sudah lepas. Itu kesalahan saya.

Pistol ada, tetapi peluru ada lebih, mereka bawa saya pergi. Mereka bagi *sentence* di bawah ISA. Oleh sebab mereka hendak tangkap Anwar. Seorang yang jahat mereka hendak tangkap, orang yang baik dia orang bawa pergi. Macam mana ini? Ketua Pembangkang itu memang jahat. Itu saya tahu. *Nobody can deny that he is not a clean man, I know*. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya simpan apa-apa *note* pun mereka bangun. Okey Datuk Yahaya, Yang Berhormat tanyalah nanti saya *arrange [Ketawa]*

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Datuk Seri Nallakaruppan. Sebenarnya idea saya pun sudah tidak ada hendak tanya tadi. Masa tadi sahaja hendak tanya. Oleh sebab masalah ISA kena gantung semua Yang Berhormat salah cakap. Saya ingat Datuk Seri Nallakaruppan sekarang kita bincang RUU MKN, bukan hendak tahu Yang Berhormat buat salah, bukan hendak tahu kebaikan Yang Berhormat. Bincang MKN. Ini soal kebaikan Yang Berhormat, diam sahajalah. Biar cerita di luar Dewan sana.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Okey, Yang Berhormat duduk. Dengar Yang Berhormat, terima kasih. Ini saya bagi satu contoh.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Datuk Seri Nallakaruppan, tidak nampak saya kah? Sudah bangun lama juga.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Okey, okey.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Saya setuju Tuan Yang di-Pertua dengan Yang Berhormat Yahaya. Kita bincang bab RUU. Kesalahan lama, itu kesalahan lamalah. Saya tengok Yang Berhormat memakai *tie* hijau pun benda yang salah sudah.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:**Apa salahnya pakai *tie* hijau, apakah salah? Sekarang PAS sudah hendak kawan Barisan Nasional tahu. *So,* saya pakailah, apakah salah? Pagi tadi Datuk Norliza telefon saya, saya pakai *green,* dipakai *blue*, Barisan Nasional. Apa mahu tanya ini?

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Mohon mencelah.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Saya pun...

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Datuk Seri Nallakaruppan. Cuma saya perlu Yang Berhormat Datuk Seri betulkan, semalam tidak telefon saya, jangan cakap telefon. Nanti masuk dalam Hansard. Keduanya, Yang Berhormat Datuk Seri saya rasa saya amat teruja dengan cerita Yang Berhormat Datuk Seri sebut tadi, kalau boleh tolong habiskan. Saya hendak tahu apa pengisian dia? Apakah kesan dia kepada Yang Berhormat Datuk Seri? Mungkin ia boleh diperbaiki apabila kita ingin membahaskan Rang Undang-undang MKN. Terima kasih.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Norliza. Tadi saya telefon Yang Berhormat sudah lupa. Yang Berhormat suruh saya bahas Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Datuk Yahaya minta saya jangan bangkitkan perkara tersebut. Maksud saya, itu *one example I'm giving*.

Tuan Yang di-Pertua, *when I got arrested the sentence was changed few times.* Saya tidak mahu jadi lagi sekarang. Undang-undang mereka mahu tukar, saya tidak mahu hal itu terjadi. Itu yang saya hendak beritahu kepada mereka. Mereka cakap itu hal sendiri. Apakah hal sendiri? *Example I give also* hal sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bukan marah. Saya beritahu *example,* contoh ini tetapi Yang Berhormat tidak dengar... *[Disampuk]* Saya ada beritahu tetapi Yang Berhormat tidak dengar. Tidak apa. Dia hantar saya ke Sungai Buloh saya tunjukkan saya tempat, tempat gantung Tuan Yang di-Pertua. Kalau *you* tidak ikut kami, ini tempat untuk *you*. Saya tanya mereka ini, baru buat untuk gantung. Mereka cakap bawa saya balik ke Bukit Aman, tidur. Pagi mereka bangun. *"You ada tengok tempat gantung semalam? Kalau tidak ikut cakap kami, inilah tempat gantung you."* Saya tanya, *"Itu tempat baru kah?"* Dia cakap, *"Baru punya tempat."* Saya cakap, *"Kalau macam itu saya ada sejarah, tidak apalah. Hendak gantung, gantunglah."* Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini kita... *[Mencari nota di atas meja]*

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sedang mencari kah?

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Ya, ya, bagi saya duduk dan cari. Yang Berhormat boleh teruskan.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Saya faham sangat dengan dia Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya cuma hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju bahawasanya apa Yang Berhormat cerita tadi semua hendak menyatakan bahawa kalau ada pindaan-pindaan ataupun rang undang-undang yang hendak kita bahas di Dewan ini mestilah tidak bertukar berkali-kali supaya tidak menimbulkan kekeliruan.

Adakah itu Yang Berhormat maksudkan? Ataupun kita tidak hendak nanti disalah tafsirkan kononnya Yang Berhormat telah diseksa dengan menggunakan, pasukan polis telah menyalahgunakan kuasa. Tafsiran ini membabitkan pelbagai tafsiran. Apatah lagi daripada pihak pembangkang.

Jadi saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat maksud Yang Berhormat tadi ialah supaya jangan kita berubah-berubah apabila kita hendak buat sesuatu rang undang-undang. Adakah itu Yang Berhormat maksudkan? Terima kasih.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada beritahu *example*. Ini yang saya hendak bagi tahu kepada rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara di Dewan yang mulia ini, apabila mereka membawa ke Bukit Aman, belum dapat apa-apa di mahkamah. Terus bawa ke Sungai Buloh, kemudian hantar balik ke Bukit Aman. Dia suka dihantar. Dia suka dia bawa balik. Ini tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Apabila pihak mahkamah sudah beri keputusan hantar saya ke Sungai Buloh reman, mereka tidak boleh bawa balik. Mesti kena ambil surat di mahkamah daripada hakim baru mereka boleh tahan saya. Sekarang mana mereka hendak bawa saya? Orang tidak tahu.

Undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua saya sokong bukan tidak sokong Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kena ingat baik-baik. Ini kena duduk bersama IGP, seperti Tuan Yang di-Pertua sudah banyak tempat Tuan Yang di-Pertua sudah jadi ahli, Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, di *state* dan Ahli Parlimen, Tuan Yang di-Pertua peguam. Mereka hendak bawa semua orang yang baik duduk memberitahu ini mana boleh tukar ke atau pindah mesti kena beritahu Tuan Yang di-Pertua.

Kita tengok Sabah dan Sarawak pun tidak masuk, macam mana? Tidak masuk dalam Malaysia? Dalam undang-undang tidak ada mengenai itu kah? *So* Sabah dan Sarawak *must be included in this bill* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. *It is not there in the bill. So that means they are not included in Malaysia*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat bermaksud, setiap undang-undang itu mestilah mempunyai satu tafsiran yang tepat ataupun tidak boleh agak-agak? Maksud Yang Berhormat berkaitan dengan Rang Undang-undang MKN ini. *So*, mesti jelas. Adakah itu maksud Yang Berhormat?

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua harap Menteri akan setuju dengan apa yang saya cakap Tuan Yang di-Pertua. Beri jawapan yang baik sebelum kita luluskan rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini belum kita lulus, Yang Berhormat Menteri harus mengambil tindakan ini. Menteri yang kena jawab untuk rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa *bill* ini yang hendak kena lulus, belum lulus, apa tindakan yang akan diambil oleh Menteri mahu buat untuk rakyat. Kita Ahli-ahli Dewan Negara satu hari saya punya anak-anak cakap *you all* semua ada di Dewan Negara, adakah yang Ahli-ahli Yang Berhormat bahas mengenai *bill* ini? *The young generation will ask* Tuan Yang di-Pertua. *So we have* to *be very careful* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *the youngsters* nasib baik di atas tidak ada orang. Nanti mereka akan ingat kita yang sekolah di universiti, duduk di sini apa Yang Berhormat buat. Mereka boleh cakap di luar Tuan Yang di-Pertua.

**■1630**

Ini yang paling mustahak punya *bill* ini. *That is why* ini sudah jadi, lusa boleh lain jadi. Jadi yang akan datang ini Perdana Menteri baik, paling baik, hati baik, semua baik. Bekas Perdana Menteri macam mana? Bekas Perdana Menteri dahulu, Tun Mahathir... *[Disampuk]* Dia mana ada baik, dia talam dua mukalah. Dia pergi BERSIH, dia pergi sana duduk, lagi itu hari saya pergi UMNO punya *meeting* dia duduk depan, talam dua muka...

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Hipokrit.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Ya. Bila *you* bahas *you* cakaplah hipokrit. Ini bil Tuan Yang di-Pertua, ini Perdana Menteri kita sekarang dia hati baik, orang baik. Ini soal *gentleman,* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. *What he says, he will fulfill*. Akan datang ini *bill* tidak boleh pakai, Tuan Yang di-Pertua. *Next Prime Minister will come. We can take this action this is all for himself.* Kita akan tengok siapa *next Prime Minister another PRU-14 we have to see. We definitely our Prime Minister will be there, so we are happy.*

*Next generation, other 10 years, another 20 years who will change,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Sorry I'm speaking in English so I hope that explains this* Tuan Yang di-Pertua. *For future generation, this is very useful, this bill*, rang undang-undang bukan saya tidak ada sokong, saya sokong ini rang undang-undang, bil ini, rang undang-undang. Okey, Tuan Yang di-Pertua. *Thank you very much*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:**Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh.

**4.32 ptg.**

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 ini. Saya begitu tertarik mendengar perbahasan tadi daripada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan dan cerita dia tentang bagaimana undang-undang telah digunakan ke atasnya beberapa tahun dahulu.

Bila kita melihat tujuan bil ini, bil ini telah pun diluluskan di Dewan Rakyat dan *purpose* bil ini adalah untuk menubuhkan satu Majlis, satu *council-* Majlis Keselamatan Negara dan juga dia mempunyai satu lagi komponen satu lagi ialah untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan dan juga memberi kuasa, *special powers* untuk *security forces*, dengan izin. Saya rasa setiap rakyat Malaysia tidak kira bangsa semua mahu Malaysia sebuah negara yang aman damai dan Malaysia ini memberi peluang untuk anak-anak kita mendapat pelajaran yang bagus dan juga memberi peluang untuk sesiapapun tidak kira sesiapa pun kalau mahu dia boleh *excel. That is the word in English*, dengan izin, *the sky is the limit*. Semua yang *gangster* yang budak muda-muda itu dia mahu Malaysia seperti itu.

Sebenarnya *our founding father*, Tuanku Abdul Rahman saya ada mendapat satu ekstrak ucapan dia semasa hendak merdeka dahulu. Dia pun analogi dengan dia punya *believe* sama-sama dengan rakyat Malaysia pada tahun 1957, sama, di mana dia telah membuat ucapan sebelum merdeka. Di langit Timur lahirnya sebuah bintang *and this is the star of freedom. Freedom* untuk orang-orang Malaysia di mana diberitahu di sini dengan izin, *"It is freedom for the Malaysian people and once this torch of freedom is lit, let us hold it up high, so that all around us would glow with radiant happiness."* Dia memberitahu tentang *freedom* ini*, freedom of leadership, freedom of speech, freedom from one, freedom of association, freedom assembly, freedom of movement.* Ini semua terdapat dalam Perlembagaan kita iaitu Artikel 9, 10, 11, 12, 13 dan semua menghuraikan dengan lebih *detail* tentang kebebasan ini.

Pada permulaan semasa saya belajar di sekolah dahulu saya masih ingat yang duduk di sebelah saya budak itu satu hari tidak datang sekolah untuk lima, enam hari. Dia datang balik nampak begitu sedih sekali kerana bapa dia telah ditembak oleh orang-orang Komunis. Masa itu ancamannya lain*. Basically* kita begitu bimbang sebab saya ini di kawasan Baling, dekat Baling, dekat Bentong itu ancaman-ancaman komunis itu banyak. Jadi masa itu *security threat*, dengan izin, Malaysia ini *we have to say it is a bit different* daripada apa yang berlaku hari ini.

Hari ini ataupun zaman sekarang ini terutamanya dua, tiga tahun kebelakangan ini *security threat* ini dia lain sedikit. Kita ada kumpulan-kumpulan baru seperti ISIS yang mahu membunuh orang-orang *innocent* tanpa sebab seperti yang telah berlaku di Paris dan banyak tempat lain di dunia dan juga di kawasan kita di Malaysia kita telah terdapat ancaman daripada satu lagi kumpulan di Sabah iaitu di Lahad Datu.

Pagi tadi saya baca surat khabar, IGP sendiri telah memberitahu Bukit Aman sekarang *today is under red alert* kerana terdapat plot untuk hendak bom lima buah tempat di Indonesia dalam musim perayaan ini. Baru tadi saya lihat berita ada sebuah kereta, lima enam buah kereta di Amcorp Mall di LRT itu nasib baik tidak bom. Mula-mula dia kata bom selepas itu dia kata tidak bom kena kebakaran. Jadi ini semua adalah *threat-threat* baru...

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Boleh beri laluan? Kena kebakaran berapa buah kereta, Yang Berhormat Senator? Dekat 10 buah kereta sudah kena bakar. Macam mana kena bakar?

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Itu saya tidak tahulah, Yang Berhormat Senator *[Ketawa]* Saya pun dalam kereta tadi *dok* fikir macam mana satu kereta boleh bagi bakar sampai enam atau sepuluh kereta tetapi nampak gambar-gambar itu *smoke* dia begitu tebal, *it looks very dangerous.*

Saya boleh sokonglah dengan inisiatif kerajaan untuk mencari satu cara baru bagaimana kita hendak *combat* ancaman-ancaman ini sebab dalam masa zaman ini *response* yang kita kena buat ke atas ancaman-ancaman seperti ini ISIS kah atau orang datang ambil alih Lahad Datu tidak boleh mengambil masa 24 jam atau 48 jam, dia mesti membuat *immediate response*.

Oleh sebab sekarang ini semua ini boleh selesai dalam masa dua, tiga minit dia ambil ancaman letak sebuah bom dalam dua, tiga minit banyak yang akan rosak, banyak orang yang akan meninggal dan kadang-kadang benda-benda ini tidak mungkin berlangsung lebih daripada satu minggu. Jadi dengan adanya satu Majlis di mana kuasa ini diberikan kepada pengarah operasi, sudah tentu saya berpendapat kita dapat membuat satu *response* yang lebih canggih dan lebih cepat untuk *combat* ancaman-ancaman seperti ini, dengan izin.

Walaupun saya rasa *formation* ataupun penubuhan majlis ini adalah penting tetapi saya dapati ada banyak ruang dalam rang undang-undang ini seperti yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim dan rakan-rakan yang lain dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan ada banyak ruang yang boleh dikemaskan supaya seperti yang diberitahu oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain, supaya kita ini membuat undang-undang bukan untuk hari ini dan bukan untuk penggal ini.

**■1640**

Undang-undang ini akan digunakan untuk 10 tahun, 20 tahun, 50 tahun. Jadi, kita hendak pastikan bahawa tidak kiralah siapakah Perdana Menteri, siapa menganggotai Majlis ini, tidak ada ruang untuk undang-undang ini digunakan untuk sebab-sebab lain. Dalam RUU ini, ada tujuh Bahagian dengan 44 perenggan.

Di Bahagian III, perenggan 18, mengenai pengisytiharan kawasan keselamatan. Satu Majlis akan ditubuhkan. Majlis ini dibentuk akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan anggota-anggota lain, termasuk Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, IGP dan lain-lain. Akan tetapi Majlis yang menasihatkan Perdana Menteri untuk mengisytiharkan sesebuah kawasan itu kawasan keselamatan Majlis yang sama. Jadi, Majlis yang membuat, yang *formulate* strategi untuk keselamatan negara dan Majlis yang menasihatkan Perdana Menteri Majlis yang sama.

Saya rasa, bagi pendapat saya, mungkin adalah lebih baik kita ada *separation of powers,* dengan izin. Satu Majlis yang lain atau Majlis yang sama tetapi boleh dianggotai oleh seperti dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, dianggotai oleh orang-orang lain seperti Ketua Menteri Sabah dan lain-lain Menteri Besar supaya kita dapat melihat satu konsep *separation of powers.* Di mana mereka yang *formulate* strategi-strategi dan mereka yang menasihatkan Perdana Menteri satu Majlis yang berlainan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Minta mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memohon pandangan daripada Yang Berhormat Senator tadi atas kesesuaian jika keanggotaan keahlian ini dimasukkan juga anggota pembangkang seperti mana yang diamal di dalam PAC. Sekian, terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Saya rasa kawasan keselamatan itu, kawasan keselamatan mungkin di mana-mana tempat. Jadi, kita mesti seperti katakan kawasan dia di Terengganu, mungkin orang yang macam CPO, polis, orang yang bertanggungjawab untuk keselamatan Terengganu, dia lebih faham. Mungkin dia dalam *committee* ini. Akan tetapi lebih baik kita menjauhkan politik daripada operasi Majlis ini.

Saya juga mendapati dalam perenggan 18 ini, definisi untuk mengisytiharkan sebuah kawasan itu 'kawasan keselamatan', *the* definisi itu *is very wide.* Saya berpendapat, definisi itu *very wide*. Seolah-olahnya definisi *Article* 150, di mana Agong pun boleh *declare emergency* tetapi untuk seluruh negara. *The difference* itu, perbezaan dia ini sebuah kawasan sahaja untuk enam bulan. Akan tetapi definisi dia tidak ada *preset condition.* Katakan kita mahu ambil insiden Lahad Datu. Di sini ada *preset condition*. Ada sekumpulan militan yang telah datang mengambil alih sebuah kawasan. Ada ancaman, ada penggunaan senjata. Jadi, ada beberapa *preset condition* ini. Akan tetapi bila kita lihat perenggan 18 ini, dia punya *condition* ini terlalu *general.*

Jadi, *threshold* dia, kita pun tak tahu. Asalkan ada ancaman yang boleh menyatakan akan membahayakan, mungkin akan merosakkan harta. Kita boleh mengisytiharkan kawasan itu sebagai 'kawasan keselamatan'. Jadi, nampak macam *threshold* dia mungkin seseorang Majlis itu boleh mengambil satu *threshold* yang rendah ataupun *threshold* yang tinggi.

Jadi, lebih baik definisi ini di*define* lebih mendalam supaya kita tahu bahawa *under Article* 150 itu, di bawah *proclamation of emergency*, dengan izin, *condition* dia macam ini. Bila kita hendak pakai artikel ini, *preset condition* dia macam ini, dengan izin. Lagi satu, di bawah perenggan 18(6), diberitahu bahawa benda ini akan di*publish* dalam gazet dan bawa ke Parlimen *as soon as possible*. Saya rasa kalau boleh masukkan *as soon as possible* tetapi tak lebih daripada mungkin *a time frame*, dua minggu ke, selepas kawasan itu, kawasan keselamatan telah di*declare*, kita kena bawa ke Parlimen dalam masa dua minggu untuk Dewan Negara dan Dewan Rakyat *debate*. Jadi, ini adalah satu *check and balance,* di mana Parlimen ada ruang untuk Parlimen *debate* dan memberi pandangan tentang pengisytiharan kawasan sekuriti itu.

Di bahagian 4, di bawah kuasa khas kepada Pengarah Operasi. Penerangan 30(6), di mana seseorang itu, dengan izin, *aggrieved party* boleh memberi notis *objection* untuk *Advisory Committee*. Akan tetapi *Advisory Commitee* itu kalau seorang itu harta dia telah diambil oleh Pengarah Operasi, dia boleh membuat satu *objection* dengan *Advisory Committee*. Akan tetapi *Advisory Committee* ini dilantik oleh Pengarah Operasi. *So,* nampak seperti- kalau kita buat *objection* dengan *Advisory Committee* ini yang dilantik oleh Pengarah yang telah mengambil harta kita itu, nampak seperti *separation of powers* tidak ada dan tidak begitu adillah *clause* ini. Lebih baik *Committee* ini dilantik oleh mungkin orang lain dan bukan dilantik oleh Pengarah Operasi.

Ada lagi banyak kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Pengerusi Operasi ini seperti, dengan izin, *restriction of movement,* kegunaan, keganasan, macam-macam lain. Ada banyak *debate* tentang ini di mana ada yang berpendapat ini semua bercanggah dengan perlembagaan kita. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tan Sri Rahim tadi. Kalau boleh, kita masukkan satu *clause* di dalam *bill* ini, di mana kita memberitahu bahawa semua ini boleh dibuat dan tertakluk kepada artikel-artikel yang sedia ada dalam Perlembagaan Persekutuan.

Akhir sekali, memang penting kita mempunyai satu Majlis untuk mencari cara baru dan cara yang lebih canggih supaya respons kita kepada ancaman-ancaman daripada elemen-elemen *terrorism* baru ini boleh dibuat dengan serta-merta. Walau bagaimanapun, sebagai Senator di Dewan Negara, di mana kita dipanggil *as the highest law making body*, kita perlu melihat undang-undang ini secara lebih mendalam. Di mana kita membuat undang-undang ini bukan untuk hari ini sahaja dan undang-undang ini akan digunakan untuk masa-masa depan. Tidak kira siapa memerintah, siapa Perdana Menteri, siapa dalam Majlis ini, dan siapakah yang akan menjadi IGP atau ketua tentera?

**■1650**

Akan tetapi, penting ini, undang-undang ini mesti spesifik, bertujuan baik untuk keselamatan negara dan tidak ada ruang untuk digunakan untuk cara-cara lain. Jadi saya berpendapat perlulah definisi yang lebih mendalam dalam *bill* ini dan kalau boleh, membuat sedikit *amendments,* dengan izin, yang telah saya cadangkan supaya *bill* ini memang sesuai dan boleh digunakan pada masa-masa di mana kita perlukan sesuatu responsif yang cepat apabila kita ada satu keadaan di mana *insurgency* telah berlaku di negara kita.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi peluang saya berbahas Rang Undang-undang Majlis Keselamatan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah.

**4.51 ptg.**

**Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia dan salam perpaduan.

Saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih atas kebenaran yang diberikan kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

Seperti rakan saya Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim tadi, saya juga terpanggil sebagai anak Sarawak untuk turut serta membahaskan rang undang-undang ini. Saya rasa dan saya kira seluruh rakyat Sarawak ataupun penduduk di Sarawak juga ingin turut serta menyokong penuh penubuhan Majlis Keselamatan Negara ini demi menjamin keamanan dan keharmonian negara kita khususnya keselamatan negara dan juga rakyat Malaysia termasuk kami di negeri Sarawak dan juga jiran kita di Sabah.

Saya amat bersetuju bahawa Majlis Keselamatan Negara kita yang sudah lama wujud ini perlu pengubahsuaian, penambahbaikan dan peningkatan kerana bentuk ancaman keselamatan negara adalah dinamik dan berubah-ubah mengikut tuntutan senario dan juga situasi semasa.

Kami bagi negeri Sarawak dan Sabah yang kita sedia maklum merupakan dua buah negeri yang pertama dan kedua terbesar dalam Malaysia dan lokasinya dipisahkan oleh Lautan China Selatan daripada Semenanjung Malaysia, namun, kami merupakan yang terdekat dengan negara-negara jiran.

Keunikan-keunikan yang terdapat pada negeri Sarawak dan Sabah khususnya bilangan penduduk yang berbilang kaum dan suku kaum dengan berlainan agama, budaya, serta kepercayaan masing-masing. Selain itu, negeri Sarawak dan Sabah yang kita sedia maklum, kaya dengan sumber aslinya seperti balak, minyak, gas, petroleum dan sebagainya. Justeru, ia mungkin menjadi tarikan kepada pihak-pihak luar.

Selain daripada itu, kita sedia maklum Sarawak dan Sabah telah terbukti pada setiap pilihan raya umum memberi kemenangan terbesar dengan majoriti yang amat besar bahkan sebagai kubu kuat malah dikategorikan sebagai simpanan tetap Barisan Nasional selama ini. Ini merupakan satu juga sebab mungkin ada pihak-pihak tertentu sama ada dari dalam negara mahupun dari luar yang berminat untuk menerokai Sabah mahupun Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini akan fasal 6 iaitu mengenai keanggotaan majlis dalam muka surat lapan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Kita lihat tidak ada wakil yang tetap sama ada Sarawak mahupun Sabah. Atas sebab-sebab yang saya telah huraikan tadi, saya kira amatlah memadai jika seorang anggota tetap dilantik untuk menganggotai dalam Majlis Keselamatan Negara dari negeri Sarawak dan juga Sabah memandangkan kita merupakan negeri yang besar yang luas dan berjauhan pula dengan Semenanjung Malaysia.

Saya kira penduduk negeri Sarawak dan Sabah mahukan maklumat yang *"first hand"* dan kita juga mahu wakil, kalau dipersetujui, wakil yang menganggotai dalam Majlis tersebut merupakan ketua pentadbiran negeri kita masing-masing yang tidak lain tidak bukan, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik Ketua Menteri kita dari Sabah dan Sarawak, amat dialu-alukan, memandangkan kemungkinan besar sebagai Ketua Menteri mereka mungkin dilantik sebagai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan lama sangat atas tajuk itu. Rasanya dah dicakapkan tadi dah. Ada yang bercakap kemasukan Ketua Menteri Sabah dan Sarawak. Sekarang kalau boleh Yang Berhormat menyebut, situ sikit dan pergi kepada tajuk lain. Agaknya ramai sudah bangkit itu. Menjimatkan masa.

**Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Ya, itu pandangan daripada Yang Berhormat Datuk Prof. Saya pun mahu berkongsi sama...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua-dua Sarawak itu, Yang Berhormat. Kita sudah terima sudah tu.

**Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Untuk memperkukuhkan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nak memperkukuhkan lagi? Ringkaskan, Yang Berhormat.

**Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Jadi, lain perkara saya tidak ada mahu menyentuh. Hanya kita mahu supaya kita ada wakil Sarawak dalam Majlis Keselamatan daripada apa-apa perkara yang saya telah sebut tadilah, atas keunikan Sarawak dan Sabah. Itulah menjadi dorongan atau sebab-sebab yang sahih yang boleh memperkukuhkan rayuan kita.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Zali. Oh, itu sebabnya saya selalu pesan elok ada di dalam. Seterusnya, kita silakan- ramai hendak berbahas esok. Itu yang jadi susah.

Walau bagaimanapun, saya persilakan Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han. Ada? Datuk Koh Chin Han tidak ada. Yang Berhormat Tuan Ramli.

**■1700**

**5.00 ptg.**

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih terlebih dahulu kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memetik kata-kata seorang Menteri dari negeri Perlis juga iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim semasa membentangkan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 di Dewan Rakyat.

Beliau menyatakan bahawa pada masa kini kita sering didedahkan dengan pelbagai sudut bahaya sama ada dari dalam atau luar iaitu daripada segi media, ekonomi, demokrasi, masalah sempadan dan sebagainya. Lanjutan dari itu, saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 merupakan satu langkah yang baik, wajar dan harus dilaksanakan demi menjaga, mempertahankan dan memelihara aspek keselamatan dan kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, RUU MKN 2015 telah digubal secara teratur mengikut prosedur dan tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Saya percaya rang undang-undang ini bertujuan untuk kebaikan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengusulkan sebab-sebab mengapa saya mengatakan bahawa Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 merupakan satu inisiatif yang positif daripada Kerajaan Persekutuan dan harus dilaksanakan.

Pertama, Dewan yang mulia ini harus memandang isu ini secara global dan bukan hanya tertumpu dalam negara kita sahaja. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *United States Bureau of Counterterrorism Report* menyatakan dalam tahun 2014 sahaja serangan pengganas di seluruh dunia mencatatkan angka sebanyak 13,463 serangan yang mana daripada angka tersebut kematian manusia mencatat seramai 32,700 orang. Lebih membimbangkan lagi angka serangan pengganas yang saya nyatakan tadi naik mendadak sebanyak 80 peratus dari tahun sebelumnya.

Ini merupakan satu angka yang amat membimbangkan, dalam erti kata lain, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the global threat is imminent.* Angka-angka yang meningkat secara mendadak ini telah mendapat perhatian Kerajaan Persekutuan agar satu langkah yang proaktif dan berkesan dapat diambil. Ancaman keselamatan terhadap negara boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja dan tidak dapat dijangka. Maka Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015, bagi pendapat saya telah digubal dengan teliti bagi menangani dan mengelakkan kejadian-kejadian tersebut dari daripada berlaku di tanah air kita sendiri. Kita juga masih seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan Senator yang lain, peristiwa Lahad Datu. Peristiwa ini telah memberi banyak pengajaran dan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada banyak lain itu, pergi ke *next point.*

**Tuan Ramli bin Shariff:** Oleh sebab kita berpengalaman atas peristiwa itu, maka penggubalan RUU MKN 2015 ini adalah bertujuan untuk melindungi kita daripada insiden-insiden seperti itu lagi. Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, rang undang-undang ini tidak memansuhkan kuasa mana-mana pihak seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan harus ditegaskan di sini bahawa RUU MKN 2015 tidak digubal di bawah Perkara 14, Perlembagaan Persekutuan.

RUU ini digubal di bawah kuasa Parlimen mengikut Perkara 74(1) dan dibaca dengan Butiran 3 dan 4, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu tidak timbul isu-isu bahawa RUU ini akan disalahgunakan oleh satu pihak sahaja. MKN bukanlah sebuah badan yang tidak bebas seperti mana yang didakwa oleh sesetengah pihak. Di sini sebab tujuan mengapa RUU MKN telah digubal, bagi mewujudkan sebuah MKN yang menjadi bebas dan ia tidak dikuasai ataupun diperintah oleh sesuatu pihak sahaja. Maka, kewujudannya melalui akta ini yang akan menjadi sebuah badan yang bebas dan kalau ada sebarang tohmahan bahawa ia akan dikawal atau diperintah oleh Perdana Menteri ataupun suatu pihak sahaja, maka itu tidak benar.

Alasan ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya sekali ingin menegaskan bahawa proses penggubalan rang undang-undang ini adalah teratur dan tanpa percanggahan terhadap Perlembagaan Persekutuan. Apa yang saya hendak cuba minta pertimbangan sedikit ialah keanggotaan di bawah fasal ini bagi Timbalan Perdana Menteri seperti mana dalam klausa 6 ini. Akan tetapi saya tegaskan juga walaupun tiada sebarang peruntukan Timbalan Perdana Menteri ini di dalam Perlembagaan Persekutuan kita tetapi menurut Perkara 43(2)(b), Jemaah Menteri atas nasihat Perdana Menteri diberi kuasa melantik Menteri-menteri daripada kalangan mana-mana Majlis Parlimen.

Bagi saya itu suatu konvensyen ataupun amalan pelantikan Timbalan Perdana Menteri dalam keanggotaan Majlis Keselamatan Negara. Saya harap sebarang hujah bahawa ia melanggar sebarang peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan tidak sepatutnya dilayan. Maka, jika kita lihat klausa 10, RUU MKN ini, *"Mana-mana orang yang bukan anggota Majlis untuk menghadiri mesyuaratnya bagi menasihati Majlis mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan"*. Klausa 12 turut menyatakan bahawa Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa bagi menasihati dan membantu dalam apa-apa perkara yang dibincangkan. Justeru itu, ini menunjukkan bahawa kerjasama dan suara pihak-pihak lain juga dapat didengar dan ini dapat membantu secara bersama bagi menyelesaikan sesuatu isu atau perkara dengan penyelesaian yang terbaik.

Usul keempat yang saya akan katakan di sini Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang diberikan kepada Majlis hanyalah menyelaras tindakan operasi untuk agensi kerajaan melaksanakan tanggungjawab. RUU ini memberikan kuasa kepada Majlis untuk mengkoordinasi dan menyelaras tindakan dalam kalangan anggota pasukan keselamatan, ia hanya memberikan kuasa sewajarnya kepada pasukan keselamatan dalam menangani dan membanteras ancaman yang berlaku di dalam kawasan keselamatan yang diisytiharkan.

Saya menegaskan bahawa Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 tidak memberikan kuasa yang luas kepada anggota Majlis. Klausa 4 telah menyenaraikan fungsi-fungsi dan bidang kuasa Majlis. Oleh itu Majlis hanya tertakluk kepada fungsi-fungsi yang disenaraikan sahaja dan tidak boleh bertindak di luar fungsi tersebut. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it must be strictly complied with*. Jadi, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 tidak sama sekali memberikan kuasa yang luas kepada anggota Majlis. Sebagai contoh, mengapa saya mengatakan RUU ini tidak memberikan kuasa yang luas, kita dapat dalam Majlis tidak mempunyai kuasa untuk mendakwa seperti lain-lain agensi keselamatan.

**■1710**

Ini dapat kita lihat dalam klausa 41. Di mana kuasa pendakwaan masih di bawah kuasa pendakwa raya dan bukan di bawah kuasa Majlis. Ini mengukuhkan lagi bahawa tujuan penyelarasan ini semata-mata tertumpu untuk keselamatan negara sahaja. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini akan memudahkan penyelarasan agensi keselamatan dengan lebih berkesan. Setiap persiaran kawasan keselamatan juga mestilah berdasarkan fakta dan bukan ilusi.

Ia dapat dilihat dalam klausa 18 di mana pengisytiharan kawasan keselamatan akan dilakukan di*quote and unquote* di mana-mana kawasan yang diganggu atau diancam dengan serius. Oleh itu, pengisytiharan mestilah berdasarkan fakta yang kawasan tersebut diganggu atau diancam dengan serius dan bukan sama sekali seperti yang didakwa bahawa pengisytiharan kawasan keselamatan adalah, dengan izin, *not genuine.* Kita dapat saksikan juga di mana, dengan izin, *National Security Council* di negara-negara lain ia juga dipengerusikan oleh Perdana Menteri atau Presiden dan ahli-ahli yang dilantik juga bertujuan untuk menjamin keselamatan negara dan bukanlah untuk kepentingan sesuatu pihak atau parti politik.

Tambahan pula, sekiranya Perdana Menteri membuat peraturan di luar kuasa Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini, ia boleh dicabar di mahkamah.

Jadi tiada sebarang kuasa mutlak di bawah Rang Undang-undang MKN 2015 seperti mana yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah. Lebih telus lagi jika kita lihat dengan teliti, semua tindakan yang dilakukan di kawasan keselamatan akan dilaporkan terus kepada Parlimen. Ia boleh dilaksanakan selama enam bulan sahaja. Sekiranya memerlukan lanjutan, ia mesti dibawa ke Parlimen semula seperti yang dinyatakan dalam klausa 18.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, menurut Perkara 9(3), Perlembagaan Persekutuan, Parlimen diberi kuasa untuk mengenakan sekatan-sekatan antara negeri-negeri bagi ke atas hak-hak yang disebut di situ. Ini menunjukkan bahawa Parlimen mempunyai kuasa untuk melaksanakan sekatan jika ia perlu demi menjaga kepentingan dan keselamatan negara. Oleh itu tidak timbul isu bahawa rang undang-undang ini menyekat hak asasi yang bercanggah dengan Perlembagaan.

Kita juga dapat lihat Rang Undang-undang MKN 2015 merupakan satu mekanisme yang lebih baik daripada ISA. Dalam rang undang-undang ini, sesiapa yang melakukan kesalahan akan dibicarakan, tiada tahanan tanpa bicara dalam kawasan keselamatan. Ini merupakan satu perbezaan yang ketara berbanding ISA dan menjamin hak asasi manusia seperti mana termaktub dalam Perlembagaan yakni di bawah Perkara 5, 9, 10 dan 13.

Di samping itu, rang undang-undang ini lebih demokratik. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak memutuskan sesuatu tindakan secara bersendirian tetapi diputuskan bersama Ahli-ahli Majlis...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Kuasa prerogatif di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik Ahli-ahli Majlis Keselamatan Negara. Di mana perkara-perkara yang berkaitan dengan kawasan keselamatan maka Yang Amat Berhormat Perdana Menterilah yang bertanggungjawab dan akan bertindak atas nasihat MKN seperti yang termaktub dalam klausa 18 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Suatu perkara yang menarik lagi bagi pemilik harta Tuan Yang di-Pertua, harta yang telah digunakan oleh pasukan keselamatan akan mendapat pampasan yang setimpal kerana ada peruntukan di bawah klausa 32 dan klausa 33 juga. Ini menunjukkan bahawa rang undang-undang ini tidak bertujuan untuk menindas atau disalahgunakan oleh mana-mana pihak seperti mana yang kita beranggapan sedemikian rupa.

Mungkin ini akhir Tuan Yang di-Pertua, kelima. Kerumitan dan suatu perkara itu menjadi kompleks ataupun isu tersebut untuk ditangani dan perkara ini telah membuka mata Kerajaan Persekutuan agar mekanisme menangani isu keselamatan dapat dikuatkan dan ditambah baik. Maka dengan rang undang-undang ini, keselamatan negara lebih terjamin selari dengan negara-negara maju seperti Jepun, Rusia, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Maka tibalah masanya Tuan Yang di-Pertua, secara realitinya untuk kita bergerak ke hadapan dan terus maju negara ini atas kemakmuran dengan pertambahan kemakmuran. Maka kita amat memerlukan suatu pengawalan keselamatan bagi negara ini sendiri.

Oleh demikian Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 merupakan suatu inisiatif Kerajaan Persekutuan yang baik, positif dan perlu bagi menjaga, mempertahankan dan memelihara aspek keselamatan dan kemakmuran negara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, cukup?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Jadi saya dengan itu menyatakan sokongan atas rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya.

**5.17 ptg.**

**Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang MKN 2015 ini adalah untuk menubuhkan sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab dengan keselamatan negara. Maka itu MKN diberi kuasa untuk bertindak apa jua cara sekalipun untuk keselamatan negara. Oleh demikian, rang undang-undang ini dianggap sebagai memberi badan kuasa yang luas untuk melindungi keselamatan dan kedaulatan negara dan dikhuatiri oleh sesetengah pihak akan digunakan walaupun mencabuli hak asasi manusia.

Apa pun kuasa yang diberikan kepada MKN di bawah rang undang-undang ini merupakan kuasa langkah-langkah pencegahan awal, dengan izin, *preemptive measures*, terutamanya pada masa sekarang ini di mana negara kita menjadi semakin terdedah kepada bermacam-macam ancaman.

Oleh itu demi keselamatan dan majoriti rakyatnya diutamakan dan menggunakan kuasa di bawah Rang Undang-undang MKN 2015 berbanding dengan kepentingan segelintir mereka yang nekad untuk mencetuskan huru-hara dan malapetaka dalam negara. Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang walaupun ia melanggar hak asasi seperti Perkara 5, Perkara 9, Perkara 10 dan juga Perkara 13.

Walaupun Rang Undang-undang MKN 2015 mengandungi peruntukan yang menyerupai kuasa-kuasa di bawah Perkara 149 seperti dalam seksyen 24, 25, 30 dan 33. Akan tetapi dalam Rang Undang-undang MKN 2015 tidak mengandungi sebarang pernyataan atau *recital* yang membolehkan kuasa-kuasa di bawah rang undang-undang ini boleh digunakan seperti kuasa di bawah Perkara 149.

Maka apabila Rang Undang-undang MKN 2015 diluluskan kelak, *insya-Allah* ia hanya akan merupakan sebuah undang-undang biasa yang tidak dilindungi oleh kuasa-kuasa khas di bawah Perkara 149, sebarang tindakan yang melanggar hak asasi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan akan mengundang liabiliti yang tidak terlindung oleh *legal immunity* di bawah rang undang-undang ini kerana bercanggah dengan Perlembagaan.

**■1720**

Ini juga termasuk kuasa Arahan Eksekutif di bawah seksyen 19, Rang Undang-undang MKN. Sekiranya Arahan Eksekutif dibuat di bawah rang undang-undang ini mempunyai ciri-ciri legislatif, ia adalah bercanggah dengan Perkara 44 iaitu kuasa membuat undang-undang di luar darurat di bawah Perkara 150 terletak pada Parlimen sendiri. Oleh yang demikian, penguatkuasaan kuasa di bawah Rang Undang-undang MKN ini adalah cukup terkawal. Walaupun kuasa untuk mencegah dan mengehadkan hak asasi adalah perlu apabila mengendalikan isu keselamatan negara yang nyata, tetapi ia mesti dan hanya boleh dilaksanakan mengikut ruang lingkup di bawah Perkara 149, dan Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian, cakap-cakap bahawa rang undang-undang itu lebih zalim daripada ISA kerana memberi kuasa mutlak kepada Perdana Menteri sebagai pengerusi satu pandangan yang tidak berasas. Dalam suasana keselamatan serantau dan sejagat yang tidak menentu, maka setiap negara mengehendaki pendekatan yang pelbagai dan menyeluruh. Tindakan dan keputusan MKN nanti bukanlah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pengerusinya sendiri. Malahan ia dibuat berdasarkan nasihat Majlis. Kita tidak boleh leka apabila ia berkaitan dengan keselamatan negara dan mengandaikan kita mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk melindungi keselamatan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sabah memang rasa Rang Undang-undang MKN 2015 ini patut dilaksanakan. Sepatutnya ia telah dilaksanakan lebih awal lagi. Akan tetapi apa pun, dengan izin, *it's better late than never*. Ini disebabkan untuk makluman Dewan yang mulia ini pencerobohan bersenjata di Kampung Tanduo dua tahun lalu bukanlah ancaman yang pertama berlaku terhadap Sabah. Pada awal tahun 70-an lagi ancaman yang sedemikian telah mula terancang.

Presiden Filipina pada masa itu telah menubuhkan satu pasukan tentera rahsia yang terdiri daripada pemuda-pemuda Filipina daripada kaum-kaum Sulu dan dilatih untuk menyerang dan menawan Sabah melalui satu operasi yang mereka memanggil sebagai *"Oplan Mahardika",* iaitu Pelan Merdeka, dengan izin. Bagaimanapun, mujurlah ketika mereka hendak melancarkan serangan tersebut, pemuda-pemuda Sulu tadi menentang arahan yang diberikan oleh pengendali mereka apabila mereka dapat tahu sasaran serangan mereka adalah Pulau Tambisan yang terletak tidak jauh dari Kampung Tanduo.

Akibatnya keengganan mereka itu, mereka dibunuh beramai-ramai di Pulau Corregidor di Teluk Manila dan salah seorang daripada mereka dapat melepaskan diri dan kemudian membongkar tragedi berkenaan yang selepas itu didedahkan oleh Senator Benigno Aquino ayah kepada Presiden Filipina sekarang di Dewan *Senate* Filipina. Sayugia diingatkan, tuntutan Filipina ke atas Sabah belum pernah digugurkan oleh mana-mana Presiden Filipina. Selagi Selatan Filipina kekal mundur daripada segi ekonomi, negeri Sabah akan terus menjadi destinasi punca pekerjaan sama ada secara haram ataupun sah.

Di samping itu pula, *sleeping cells,* dengan izin, yang ada kaitan persaudaraan dengan warga Kiram sudah lama bertapak dan bermastautin di Pantai Timur Sabah. Pergerakan mereka ini mesti dibendung awal-awal lagi dan melalui Rang Undang-undang MKN ini dapat dan boleh membolehkan pasukan keselamatan bertindak dengan lebih berkesan membasmi *sleeping cells* ini, dengan izin yang menjadi, *"duri dalam daging"* kepada rakyat Malaysia di Sabah.

Di samping itu juga terlibatnya Malaysia dalam tuntutan bertindih terhadap Kepulauan Spratly yang hampir dengan Sabah juga menjadi perkara kebimbangan. Sempadan perairan negeri Sabah adalah amat luas dengan tidak mudah untuk dikawal. Justeru itu, Rang Undang-undang MKN 2015 ini akan menjadi pelengkap kepada undang-undang dan agensi-agensi keselamatan yang sedia ada. Pelaksanaan kuasa di bawah MKN adalah amat diperlukan untuk membendung penyeludupan agen-agen subversif ke negeri Sabah yang akan mengganggu gugat keselamatan negara kita.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Menteri yang bertanggungjawab iaitu mengenai rang undang-undang di bawah seksyen 42 iaitu di mana kesalahan di bawah rang undang-undang ini akan dikenakan hukuman penjara maksimum lima tahun dan denda RM100,000 jika sabit kesalahan. Saya juga ingin dapatkan penjelasan adakah ini tidak bercanggah dan apa justifikasinya jumlah tersebut dengan seksyen 27, *Interpretation Act 1948* yang mengehadkan hukuman ke atas mana-mana peraturan di bawah undang-undang untuk hukuman penjara selama enam bulan dan denda hanya RM1,000 sahaja. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Bathmavathi.

**5.27 ptg.**

**Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera kepada semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut menyertai perbahasan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Apa yang saya akan bentangkan hari ini datang dari hati sanubari saya, sebagai seorang rakyat Malaysia yang telah hidup di negara ini sejak saya lahir di sini 61 tahun dahulu.

Pada hari pelantikan saya sebagai seorang Senator di Dewan yang mulia ini dua tahun dahulu, saya telah melafazkan taat setia saya pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga telah berikrar untuk memelihara keluhuran Perlembagaan Persekutuan dalam menjalankan tugas saya sebagai Senator. Bersama ini juga saya berpegang kepada amanat daripada Tuan Yang di-Pertua yang sering mengingatkan kami supaya, dengan izin, *to speak without fear or favour* dan juga jangan menjadikan *Senate* atau Dewan Negara ini sebagai hanya *rubber stamp.*

Tuan Yang di-Pertua, negara kami dalam keadaan aman dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib mengutamakan rakyat seperti mana tersirat dalam slogan 1Malaysia *'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.*

Di sini saya akan memberi persepsi dan sedikit hujah mengenai persepsi rakyat terhadap rang undang-undang ini.

Timbul pelbagai pertanyaan di kalangan rakyat mengenai rang undang-undang ini. Pertama, mengapa sedangkan negara kita sudah pun ada beberapa akta seperti Akta SOSMA, POTA, POCA, Kanun Jenayah, Akta Hasutan dan sebagainya untuk menjaga dan mengawal ketenteraman, keamanan dan keselamatan negara ada perlunya suatu Akta Majlis Keselamatan Negara seperti ini.

Berkenaan dengan kedudukan keselamatan di negara ini, baru-baru ini pada 30 November di Dewan Rakyat Timbalan Menteri Pertahanan sewaktu menjawab selepas perbahasan Bajet 2016, telah mengatakan bahawa apa yang kita ada, daripada segi tentera dan peralatan adalah mencukupi untuk kita menjaga keselamatan dan juga ruang udara kita cukup dan tidak ada masalah.

**■1730**

Beliau berkata kita tetap sedia untuk menghadapi apa-apa kemungkinan yang berlaku di negara kita ini. Kita tidak ada masalah dari apa yang kita ada mengenai aset-aset untuk melindungi negara. Berkenaan dengan persepsi. Memang ramai yang tidak setuju bahawa persepsi itu penting tetapi apa yang didengari di Dewan yang Mulia ini, ramai antara Yang Berhormat Senator yang membahas, yang menunjukkan dan membuktikan bahawa persepsi itu adalah penting dan ia lebih penting daripada realiti.

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

Tuan Yang di-Pertua, persepsi rakyat dan juga negara lain terhadap negara ini amat lah penting oleh sebab ia mempengaruhi aspek-aspek lain kehidupan kita sebagai rakyat dan juga kedudukan kita sebagai sebuah negara yang berdaulat di persada dunia. Berkenaan dengan persepsi rakyat didapati melalui media masa dan juga luahan-luahan daripada rakyat jelata mengenai rasa ketidakpuasan, rasa khuatir, rasa gelisah mengenai impak undang-undang ini akan ada pada kehidupan mereka terutama mengenai kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu kawasan sebagai kawasan keselamatan.

Ini akan menyebabkan berlakunya satu keadaan di mana undang-undang biasa tidak diamalkan dan diganti dengan undang-undang di bawah undang-undang baru ini yang memberi kuasa kepada Majlis untuk menjalankan apa-apa yang diberi di bawah kuasa kepada Majlis Keselamatan Negara ini.

Dalam konteks ini saya amat khuatir tentang kumpulan rentan, yang saya maksudkan ialah golongan OKU, warga emas dan juga kanak-kanak. Apa akan terjadi pada kehidupan harian mereka di bawah kuasa ataupun di bawah sebuah kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan di mana akan diadakan perintah berkurung. Saya amat khuatir dan juga kalau kita lihat persepsi orang dari luar negara, persepsi yang mempengaruhi beberapa tindakan dilakukan, beberapa keputusan yang telah dibuat berdasarkan persepsi berkenaan dengan kedudukan, keamanan dan keselamatan negara kita.

Pada awal bulan Disember ini, sebenarnya suatu pertandingan, suatu perlawanan sepatutnya diadakan pada awal bulan ini yang dianjurkan oleh *Professional Squash Association* dari London telah dibatalkan dan ia dibatalkan atas sebab keselamatan, dengan izin, *alleged security concerns*. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati dan tidak senang hati di Malaysia juga sebab ia tidak mendefinisikan apakah keadaan keselamatan yang dikhuatiri sehingga suatu pertandingan itu boleh dibatalkan dan inilah suatu contoh untuk menunjukkan betapa kuatnya persepsi, apa persepsi boleh buat kepada negara kita.

Saya rasa kita tidak boleh mengetepikan persepsi rakyat dan apa pandangan mereka. Mengapakah persepsi itu penting? Sekarang kita harus akur bahawa rakyat pada hari ini tidak sama rakyat dahulu. Mereka lebih peka kepada apa yang berlaku di negara ini daripada segi politik dan juga perkembangan aspek-aspek lain. Rakyat luar bandar di kampung mungkin tidak *"celik huruf"* tetapi mereka sudah celik politik dan peka kepada apa yang berlaku di keliling mereka yang ada kesan pada kehidupan harian mereka.

Menyentuh sedikit tentang isi kandungan rang undang-undang ini, terdapat beberapa *lacuna,* beberapa kekurangan, beberapa kelemahan yang perlu dihalusi dan dikemaskan. Contohnya, definisi ancaman, apakah yang didefinisikan sebagai ancaman dalam rang undang-undang ini? Apakah situasi tertentu yang boleh dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan negara? Apakah jenis-jenis ancaman yang kini dihadapi oleh negara dan apakah punca dan dari mana datangnya ancaman itu?

Dalam rang undang-undang ini juga dinyatakan bahawa undang-undang ini akan dipakai untuk ancaman serius dan bukannya darurat dan apakah itu serius? Ini perlu diberi definisi dan penjelasan yang lebih teliti dan juga komposisi Majlis yang terdiri dari lapan orang dan kuasa yang diberi kepada pengarah operasi yang boleh menggunakan kuasanya dalam kawasan yang diisytiharkan kawasan keselamatan ini. Ini semua perlu jawapan dan saya rasa kita harus memberi ruang dan juga forum yang lebih ataupun pentas yang lebih luas dan diberi lebih masa untuk meneliti kandungan undang-undang ini, meyakinkan rakyat dan juga melihat dan mendengar pandangan rakyat terhadap undang-undang yang penting ini.

Jadi, sebagai penutup saya ingin meluahkan hasrat saya iaitu berdasarkan hujah-hujah yang diutarakan ini, saya mengesyorkan bahawa rang undang-undang ini dikembalikan ke Dewan Rakyat untuk dibahaskan semula secara mendalam untuk mendapatkan penjelasan kepada bahagian-bahagian yang perlu diberi perhatian. Bukan saja hujah-hujah saya, juga hujah-hujah Yang Berhormat Senator lain yang telah diutarakan di Dewan ini dan kemudian kembalikan semula ke Dewan ini untuk pertimbangan semula. Itu saja terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Zali ada. Silakan Yang Berhormat.

**3.39 ptg.**

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta membahas di dalam Rang Undang-undang Keselamatan Negara 2015. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah mengambil inisiatif untuk menambah baik dengan membuat transformasi terhadap rang undang-undang ini.

Rang undang-undang yang dikemukakan untuk bacaan kali kedua membuktikan kesungguhan dan komitmen kerajaan untuk memperkukuhkan lagi perundangan berhubung dengan pengurusan keselamatan negara dengan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Keselamatan Negara, pengisytiharan kawasan keselamatan, kuasa khas pasukan keselamatan dalam kawasan keselamatan dan perkara lain yang berhubung dengannya.

**■1740**

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 18 dalam rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Majlis menasihati Perdana Menteri untuk mengisytiharkan mana-mana kawasan di Malaysia yang diancam dengan serius oleh mana-mana orang yang boleh menyebabkan bahaya serius kepada orang ramai, wilayah, ekonomi, infrastruktur utama negara Malaysia atau apa-apa kepentingan Malaysia yang lain, yang berkehendakkan tindak balas negara yang serta-merta bagi membolehkan Perdana Menteri mengisytiharkan sebuah kawasan yang diancam itu sebagai kawasan keselamatan.

Fasal ini juga memperuntukkan bahawa pengisytiharan itu hanya sah selama enam bulan, tertakluk kepada pembaharuan dibuat oleh Perdana Menteri bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan pada suatu masa yang memerlukannya disiarkan dalam warta dan dibentangkan di dalam Parlimen dengan seberapa segera selepas dipersetujui.

Namun begitu, jika kedua-dua Majlis Parlimen menentang pengisytiharan tersebut, maka hendaklah ia diberhentikan dengan serta-merta. Peruntukan dalam fasal ini bukanlah bermaksud bahawa Perdana Menteri mempunyai kuasa penuh untuk mengisytiharkan sesuka hati mana-mana kawasan sebagai kawasan keselamatan dan bukanlah bermaksud untuk merampas kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pengisytiharan sesuatu kawasan keselamatan perlu dibuat secara kolektif dan konsensus oleh lapan orang ahli MKN. Lapan orang ahli ini pula perlu mendapat maklumat daripada agensi keselamatan, operasi *special branch* dan lain-lain bahagian di bawah kuasa masing-masing. Rang undang-undang ini juga sebenarnya mewujudkan *check and balance* melibatkan ketiga-tiga cabang iaitu kehakiman, legislatif dan juga eksekutif.

Tidak ada isu mengenai kuasa mutlak ataupun merampas kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Ketua Polis Negara atau Panglima Angkatan Tentera. Itu merupakan satu persepsi yang salah kerana dalam rang undang-undang ini jelas menyatakan peringkat yang perlu dilalui sebelum diluluskan. Maksudnya, Rang Undang-undang MKN ini boleh dicabar di mahkamah jika mana-mana individu atau mana-mana operasi melanggar apa-apa peruntukan undang-undang yang disebut dalam Perlembagaan...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Yang Berhormat Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Datuk Zali bin Mat Yasin:** Tidak boleh, saya hendak teruskan. Yang nyata, Peguam Negara tidak akan merangka Rang Undang-undang MKN ini jika ia bertentangan atau mengambil alih kuasa-kuasa khas yang sudah dimiliki oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebenarnya, Rang Undang-undang MKN suatu usaha murni untuk memperkukuhkan MKN secara *legal* kerana pada masa ini MKN tidak memiliki punca kuasa selepas pemansuhan Ordinan Darurat 1931 dan Akta Darurat 1939 pada tahun 2011.

Selama ini, MKN menjalankan tugasnya secara eksekutif dan pentadbiran atas keputusan Jemaah Menteri sejak tahun 1971. Malahan, pembentukan pasukan gerak kerja, SOP, arahan-arahan MKN tidak ada beza dalam keadaan sekarang di mana ia masih berfungsi secara pentadbiran eksekutif dan tidak ada perbezaan besar apabila Rang Undang-undang MKN dikuatkuasakan kelak. Dalam bahasa mudah, PAT dan juga KPN atau Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Pengarah, malah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekalipun tidak akan hilang kuasa.

Oleh itu, untuk mengelak sebarang keraguan terhadap orang ramai, saya meminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan pendapat yang menyatakan bahawa rang undang-undang ini akan merampas kuasa Yang di-Pertuan Agong seperti mana termaktub dalam Artikel 150, Perlembagaan Persekutuan. Satu perkara yang agak kurang jelas ialah berhubung dengan pengisytiharan yang bukan melibatkan kawasan keselamatan.

Dalam Fasal 18 menyatakan bahawa sesuatu kawasan yang dikenal pasti terdapatnya ancaman akan diisytiharkan kawasan keselamatan oleh Majlis. Akan tetapi dalam ancaman yang tidak mempunyai kawasan seperti ancaman siber dan ancaman ekonomi ataupun serangan penyakit seperti penyebaran kuman anthrax, bagaimanakah cara hendak dibuat pengisytiharan? Ini kerana tidak ada kawasan yang dapat dikenal pasti. Dalam rang undang-undang tidak menjelaskan dengan jelas perkara ini.

Perlu diketahui bahawa dalam era pembangunan teknologi media yang semakin maju dan moden, penggunaan media sosial dan internet boleh menjadi sumber bagi menggerak pelbagai bentuk diayah dan hasutan kepada orang ramai. Seperti yang kita lihat sekarang, dalam kumpulan militan IS telah mempergunakan dengan baiknya kelebihan teknologi maya ini untuk menyebarkan pengaruh mereka.

Begitu juga melalui media sosial dan penulisan dalam blog-blog. Pelbagai bentuk hasutan telah disebarkan untuk melemahkan kerajaan dan memecah belahkan perpaduan kaum di negara kita. Manakala lapisan pertahanan negara juga boleh terancam angkara daripada tindakan sabotaj pihak musuh terhadap *system information communication technology* (ICT) melalui peperangan siber.

Oleh itu, Yang Berhormat Menteri perlu menjelaskan kedudukan ini. Buat masa ini tiada mekanisme yang jelas bagi menghadapi ancaman yang berbentuk sedemikian. Kesimpulannya, isu-isu keselamatan adalah semakin dinamik, termasuklah isu nuklear, ekstremis, anthrax dan sebagainya yang memerlukan tindakan penyelarasan yang licin bagi mengelakkan kecelakaan kepada rakyat. Sejak 58 tahun kita merdeka, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan keselamatan rakyat dan juga negara.

Namun begitu, sebagai manusia di mana-mana juga kita tidak boleh memandang rendah kemampuan musuh. Tidak bermakna apabila kita sudah bersedia, musuh boleh dihalang dan dihapuskan. Lihatlah negara Amerika Syarikat dan Perancis yang sangat maju dalam bidang ketenteraan dan keselamatan. Namun begitu, mereka sendiri gagal menghalang ancaman pengganas. Maka itulah kita perlu berwaspada. Sekian, saya turut menyokong Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara yang dicadangkan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Koh Chin Han. Silakan Yang Berhormat.

**5.47 ptg.**

**Tuan Koh Chin Han:** Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang MKN 2015. Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, Majlis Keselamatan Negara merupakan agensi yang amat penting untuk memastikan negara kita kekal aman dan selamat. Terutamanya, pada masa kini yang mana kita menghadapi pelbagai ancaman keganasan dengan kehadiran pengganas yang tersembunyi di antara kita sama ada di dalam negeri mahupun di luar negara. Walau bagaimanapun, setelah mengupas Rang Undang-undang MKN ini, saya berpendapat ada beberapa skop dan aspek yang boleh kita teliti dan halusi untuk penambahbaikkan rang undang-undang ini.

Antaranya saya berasa bahawa keanggotaan MKN yang hanya dianggotai oleh lapan ahlinya tidak memadai. Ia tidak dapat mencerminkan komposisi etnik di negara kita. Kekurangan ini akan menggugat kredibiliti MKN sewaktu memberi nasihat kepada Perdana Menteri berkenaan isu-isu etnik, perbezaan budaya, perpaduan nasional dan juga berhubung dengan stabiliti ekonomi, yang jelasnya ia akan menjejaskan fungsi MKN kelak. Sebagai sebuah negara yang mempraktiskan tanggungjawab bersama, anggota MKN perlulah mencerminkan kepentingan semua rakyat Malaysia.

Walaupun dalam klausa 10, MKN boleh menjemput individu tertentu untuk hadir mesyuarat dengan memberi nasihat ke atas perkara atau isu yang dibincangkan. Namun, kurang maknanya sekiranya yang dijemput itu hanya hadir untuk diberi peluang memberi nasihat dan pandangan tetapi bukannya diberi peluang untuk membuat keputusan secara bersama. Untuk mengatasi kekurangan ini, saya ingin mencadangkan agar keanggotaannya diperluaskan. Ia perlu ditambah bagi memastikan orang yang berkepentingan boleh dimasukkan ke dalam Majlis ini.

**■1750**

Dengan ini, saya ingin mencadangkan kepada Menteri yang bertanggungjawab untuk menambahkan keanggotaannya dengan memasukkan wakil-wakil daripada etnik utama di negara kita, begitu juga dengan wakil dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin meminta Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan berkenaan dengan skop pengisytiharan kawasan keselamatan. Saya berasa bahawa dengan memasukkan semua masalah iaitu bahaya kepada wilayah ekonomi, infrastruktur utama negara dalam kawasan keselamatan adalah tidak betul. Skop yang begitu luas, tidak jelas dan kabus akan menyebabkan isu penyalahgunaan kuasa oleh anggota keselamatan dalam kawasan keselamatan tersebut. Ini yang saya minta Yang Berhormat Menteri memperjelaskannya.

Sebagai tambahan, Fasal 18(1) yang menetapkan mana-mana kawasan di Malaysia boleh dijadikan sebagai kawasan keselamatan di Malaysia, saya berasa bahawa penetapan sedemikian mungkin akan menyebabkan pengisytiharan seluruh negara sebagai kawasan keselamatan yang sama bidang kuasanya dengan pengisytiharan darurat. Saya memohon kepada Menteri untuk mempertimbangkan bagi menetapkan kawasan berkenaan secara spesifik iaitu mana-mana bahagian kawasan atau kawasan di salah satu atau lebih negeri di Malaysia dan bukannya secara am yang boleh merangkumi seluruh Malaysia.

Fasal 21(2) yang mengatakan bahawa pengarah operasi hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi atau yang berkaitan dengan pelaksanaan kewajipannya di dalam kawasan keselamatan.

Sungguh luas penjelasannya dan terlampau berkuasa pengarah operasi ini di dalam kawasan keselamatan. Ini adalah kerana pengarah operasi mempunyai segala kuasa untuk menentukan perkara yang berkaitan dengan hayat seseorang, semua harta benda dan kebebasan di kawasan keselamatan. Saya berasa bahawa kuasa ini sepatutnya mempunyai prosedur yang jelas di mana setiap pemberian kuasa dipantau dan tidak boleh menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepada pengarah operasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ramai sudah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berhujah dan skop-skop dan aspek-aspek yang hendak saya hujahkan pun telah dibangkitkan, maka saya tidak berhasrat untuk berpanjang lebar. Maka, saya mohon agar apa yang telah saya ketengahkan tadi boleh dipinda dan ditambah baik tanpa kita membelakangkan objektif rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Noriah Mahat. Silakan Yang Berhormat.

**5.53 ptg.**

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang untuk saya turut serta membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan ini, saya suka menarik perhatian berhubung dengan minggu yang lepas bahawa waktu saya masuk ke dalam Parlimen ini, saya telah disampaikan satu memorandum daripada orang yang tidak berkenaan kononnya ada hubung kaitnya dengan Rang Undang-undan Majlis Keselamatan Negara yang akan kita bahaskan pada dua hari ini. Nampaknya Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini seolah-olah macam dianggap oleh pihak pembangkang ini macam langit itu sudah hendak jatuh, sudah hendak runtuh, Tuan Yang di-Pertua.

Cuma, saya hendak tanya pihak yang berkenaan, kalau saya masuk dari depan pintu ke Parlimen ini ada ditulis yang masuk dalam ini hanya Ahli-ahli Parlimen sahaja tetapi kalau sudah sampai muka depan ini saya tengok yang bagi *pamphlet* itu bukan Ahli Parlimen- yang bagi *pamphlet* ini mewakili sembilan orang anggota NGO kalau tidak silap saya. Rakan-rakan saya pun dapat yang dalamnya membawa memorandum yang menghentam kerajaan kita pada hari ini.

Jadi, saya hendak tanya, itu juga masalah keselamatan. Kalau orang yang begini pun boleh masuk, kalau orang lain datang masuk bawa bom, meletupkan kita di sini macam mana, Tuan Yang di-Pertua? Jangan kita fikirkan yang ini kita anggap kecil. Walaupun dia itu anak dara lawa, jangan kita kasi dia masuk. Ini dia nengok lawa sedikit, lepas masuk, kononnya ini orang baik-baik. Yang ini kena hati-hati, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** *[Bangun]*

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Saya minta tidak boleh hendak ganggu saya. Saya tidak ada masa ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Kalau tidak mahu ganggu, jangan tanya pada pihak sini. Pasal *you* tanya, saya jawablah.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Eh, saya tidak tanya siapa-siapa itu.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Saya tanya dengan Yang Berhormat Menteri. Saya tidak tanya dengan siapa-siapa untuk menjawab soalan ini.

**Tuan Chandra Mohan A/L Thambirajah:** Ayat tadi cakap tanya pada pihak pembangkang. *So,* saya bangunlah.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Okey, okey. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara-perkara ini lain kali supaya dapat diawasi oleh pihak Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, saya juga turut mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Keselamatan Negara pada hari ini. Ancaman kepada keselamatan negara ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk selaras dengan perkembangan teknologi moden media dan sebagainya sama ada dalam dan luar negara mampu mengganggu ancaman kepada negara.

Memikirkan tentang keselamatan negara dan rakyat khususnya, kerajaan telah merangka mekanisme pengurusan negara melalui Akta Majlis Keselamatan Negara, rang undang-undang yang kita bincangkan ini. Ini juga selaras dengan pengumuman Perdana Menteri pada 1 Oktober 2015 menyatakan fungsi dan peranan Majlis Keselamatan Negara perlu diperkukuhkan bagi memastikan pengurusan keselamatan negara lebih efisien dan dapat menyelaras dasar strategi keselamatan negara dengan lebih berkesan.

Banyak halangan dan cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam membentangkan rang undang-undang ini. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri, undang-undang ini juga wujud di negara Amerika Syarikat, Jerman, India, Thailand, Jepun, UK, Vietnam dan pastinya undang-undang ini tidak asing dan tidak bermaksud untuk mengongkong kehidupan rakyat kita seperti mana yang didakwa oleh sebahagian masyarakat yang membantah. Bagi saya, inilah inisiatif kerajaan dan langkah yang terbaik yang diambil untuk memastikan keamanan, kesejahteraan rakyat pelbagai kaum yang berpanjangan.

Isu yang ingin saya sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, adalah berkaitan dengan Bahagian II akta ini yang menyentuh berkenaan dengan penubuhan Majlis di mana Majlis boleh memanggil atau mengundang sesiapa sahaja menghadiri Majlis. Sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen rang undang-undang ini, kalau kita lihat anggota Majlis ini kesemuanya kita nampak lelaki. Antaranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara dan semuanya lelaki.

Persoalan saya, mohon penjelasan daripada pihak Menteri, apakah yang dimaksudkan dengan orang lain dan apakah garis panduan untuk mengundang orang lain ke dalam mesyuarat Majlis ini dan berapa orangkah yang dibenarkan?

Cadangan saya di sini saya ingin mencadangkan dan ingin meminta agar penasihat wanita juga perlu diberi keutamaan untuk hadir dalam Majlis Keselamatan ini. Perkara ini penting bagi memastikan isu-isu gender dan isu-isu wanita, kanak-kanak khususnya, mendapat pandangan dari sudut wanita.

Di samping itu, saya juga ingin mencadangkan penasihat agama juga. Fungsi dan peranan mereka adalah penting bagi memastikan suatu keputusan melibatkan dasar dan kepentingan negara dapat diputuskan dengan lebih berkesan demi kesejahteraan rakyat dan kepentingan bersama.

Begitu juga dengan keanggotaan jawatankuasa yang akan ditubuhkan oleh Majlis di bawah fasal 12. Selain daripada melantik ahli anggota yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sepatutnya, dicadangkan agar keanggotaan ini hendaklah juga dipilih di kalangan wanita selaras dengan dasar kerajaan melibatkan wanita dalam pelbagai sektor dan peringkat membuat dasar terutamanya berkaitan dengan keselamatan negara yang melibatkan masyarakat tidak kira jantina, umur serta bangsa yang perlu sudut pandangan wanita dan sebagainya.

**■1800**

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh isu berkaitan dengan Bahagian IV iaitu "Pengisytiharan Kawasan Keselamatan". Seksyen 18 akta ini menyebut bahawa atas nasihat Majlis, Perdana Menteri boleh mengisytiharkan kawasan keselamatan. Berdasarkan peruntukan yang dinyatakan, jelas sekali tatacara pengisytiharan tersebut iaitu hendaklah mematuhi kriteria seperti seksyen 18(1) hingga pewartaan dan dibentangkan ke Dewan Parlimen.

Soalan saya, bagaimana kerajaan menjelaskan dan menerangkan kepada masyarakat bahawa apa yang didakwa oleh pihak yang tidak bersetuju dengan undang-undang MKN ini dan menuduh kerajaan dengan pelbagai tuduhan bagi menggagalkan pelaksanaan akta yang penting ini.

Selain daripada itu, adakah had pada kawasan keselamatan dan bolehkah ia meliputi seluruh negeri atau negara? Mohon penjelasan juga daripada pihak Menteri agar menjelaskan maksud peruntukan seksyen 18, *"Diganggu atau diancam dengan serius oleh mana-mana orang, perkara atau benda yang menyebabkan atau berkemungkinan untuk menyebabkan bahaya serius kepada orang ramai".* Jadi, apa maksud ancaman merangkumi banjir, faktor-faktor lain dan saya mohon penjelasan.

Berhubung dengan kebanjiran ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga agak rasa bimbang kerana kebelakangan ini kita lihat lebih 2 juta orang pendatang asing dari luar negara dari berbagai-bagai negeri yang datang ke negara kita. Itu yang berdaftar, yang tidak berdaftar kita tak tahu dan difahamkan akan datang lagi sebanyak 1.5 juta dan warganegara asing ini kita tak tahu latar belakang mereka. Kadang-kadang yang datang ini kemungkinan ada daripada kumpulan-kumpulan IS, serpihan-serpihannya dan kumpulan-kumpulan militan. Jadi saya berfahaman Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan kita bimbang kehadiran mereka ini juga akan mengancam keselamatan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan ancaman keselamatan ini kita tahu berlaku huru-hara dan pergaduhan di Kota Raya baru-baru ini. Pergaduhan tersebut menyebabkan Kompleks Kota Raya terpaksa ditutup dan ini merisaukan masyarakat malah pelancong-pelancong yang datang ke kawasan tersebut kerana kawasan itu antara yang menjadi tumpuan tetapi dikatakan kalau kita ke Kota Raya, sudah tak kelihatan warga rakyat Malaysia malah peniaga-peniaga di sana pun banyak dikuasai oleh rakyat asing. Ini cerita benar malah rakyat negara ini pun amat jarang kelihatan di situ kecuali yang melalui kawasan tersebut untuk ke Puduraya atau hendak menunggu bas balik kerja dan sebagainya.

Meskipun sebab pergaduhan adalah berkaitan dengan pembelian telefon tetapi saya hendak bawa di sini tentang apa yang berlaku mungkin boleh mengancam keselamatan dalam negara. Jadi, banyak kawasan yang dikuasai oleh warga asing ini, mereka menjalankan perniagaan seolah-olah mereka sudah menguasai ekonomi kawasan berkenaan dan Tuan Yang di-Pertua, ia sedikit sebanyak akan menjejaskan keselamatan di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan mengambil tindakan tegas dan jangan mereka ini diberikan lesen dan apa sahaja peluang ditutup dan tidak dibenarkan untuk menguasai kawasan tersebut. Manakala bagi kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula untuk membatalkan kawasan keselamatan, saya mohon Menteri menjelaskan adakah tatacara tertentu bagi membolehkan Perdana Menteri menjalankan kuasa itu, mohon penjelasan.

Saya juga ingin membangkitkan satu lagi perkara yang dikira penting dalam Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini tentang obligasi kerahsiaan. Dalam dunia komunikasi serba canggih dan maju ini, peruntukan ini sangat penting bagi memastikan kerahsiaan kerajaan terutama bila melibatkan keselamatan negara. Kita mencadangkan agar kakitangan yang terlibat di bawah akta ini akan terus diberi peringatan dan taklimat tentang obligasi kerahsiaan ini dan tindakan tegas perlu diambil terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar mereka yang melaksanakan tugas MKN ini perlu diberikan latihan yang secukupnya. Kalau perlu, hantarlah mereka ke luar negara bagi memastikan mereka ini cukup terlatih dalam melaksanakan undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar kerajaan dapat menerangkan dengan sejelas-jelasnya tentang pelaksanaan akta ini agar rakyat maklum dan faham mengenai dengan dasar-dasar dibangkitkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang sentiasa tidak berpuas hati di atas apa yang diutarakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mendapat sebaran mengenai dengan Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan. Persoalan perlembagaan dan rang undang-undang ini amat dipertikaikan. Perkara 150 khususnya memperuntukkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mengeluarkan satu pengisytiharan darurat di mana terdapat darurat besar dalam Persekutuan. Peruntukan-peruntukan rang undang-undang ini akan mewujudkan mekanisme yang berasingan di mana Perdana Menteri secara berkesan boleh mengisytiharkan kawasan keselamatan.

Oleh yang demikian, rang undang-undang ini secara berkesan mengambil alih kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kini akan dapat dilaksanakan oleh Perdana Menteri walaupun terma darurat tidak digunakan dalam rang undang-undang ini. Ini sedang diputarbelitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyak kah Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Ini *last*, Tuan Yang di-Pertua. Ini Tuan Yang di-Pertua, sedang diuar-uarkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Jadi, saya mohon pihak Menteri berikan penjelasan yang sejelas-jelasnya dan persepsi yang lebih tajam kepada rakyat sekalian supaya mereka ini faham di atas apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Yoo Wei How. Tak ada di dalam Dewan. Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin, silakan Yang Berhormat.

**6.08 ptg.**

**Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam sehati sejiwa. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan RUU MKN 2015. Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta Darurat atau Ordinan Darurat dimansuhkan dan lebih 2,000 orang tahanan yang ditahan di Kem Simpang Renggam telah dibebaskan dan sebahagian daripada mereka ini telah kembali menjalankan aktiviti jenayah mereka dan melanggar undang-undang negara termasuklah menyertai kongsi-kongsi gelap. Ramai juga yang ditangkap tetapi dibebaskan kerana tidak cukup bukti untuk didakwa kerana tidak ada undang-undang.

Oleh sebab itu diharap dengan wujudnya akta ini, kerajaan akan lebih berkesan dalam mengambil tindakan demi menjaga keselamatan dan kedaulatan negara. Aspek keselamatan dan pencegahan keganasan perlu diberi keutamaan oleh kerajaan demi kesejahteraan rakyat. Rakyat menaruh harapan tinggi kepada kerajaan bagi menguatkuasakan undang-undang mengawal keganasan kerana keganasan sekarang ini bukan sahaja dalam bentuk senjata dan perang ideologi sahaja tetapi dalam bentuk siber yang sangat berbahaya dan berleluasa sekarang ini seperti fitnah, penyebaran fahaman salah seperti ajaran sesat *Islamic State* (IS), ISIS dan sebagainya dan di mana sekarang ini di dalam negara kita ini sudah terdapat 56 ajaran sesat di Malaysia ini. Jadi Akta MKN ini adalah sesuai dalam mengembalikan kuasa kerajaan mengawal keamanan dan keselamatan negara bagi melindungi rakyat jelata khususnya rakyat yang tidak berdosa.

**■1810**

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya ramai orang yang menyokong supaya kerajaan mempunyai kuasa yang berkesan dalam menangani isu ini. Ada segelintir yang tidak menyokong itu mereka yang tidak cinta negara dan ada agenda yang tertentu mahu menggugat keutuhan dan keamanan negara. Selain daripada itu, saya juga mengharapkan kerajaan meningkatkan lagi aset-aset keselamatan termasuklah anggota-anggota keselamatan ini ditambah serta ilmu pengetahuan dan maklumat juga sentiasa sesuai dengan peredaran masa pada zaman yang serba canggih ini. Tuan Yang di-Pertua, juga ditambah peruntukan secukupnya dalam bidang keselamatan ini untuk melindungi keselamatan negara kita kerana kewajipan kita adalah kewajipan bersama untuk menjaga keselamatan negara kita ini.

Undang-undang, kita melihat daripada semangat. Saya memahami semangat RUU MKN ini diwujudkan ialah untuk mengekalkan dan memelihara keamanan dan keselamatan Malaysia. Jadi, dengan semangat dan roh undang-undang atau akta ini, undang-undang dan dasar serta tindakan kerajaan sahaja tidak mencukupi. Hendaklah ia mengutamakan keuntungan atau kebaikan kepada seluruh rakyat yang natijahnya akhirnya rakyat akan terus menyokong kerajaan.

Sesungguhnya apa yang dibuat oleh kerajaan ini adalah untuk memelihara dan melindungi negara Malaysia dan rakyat jelata dan biarlah kerajaan mempunyai sedikit kuasa dalam melaksanakan undang-undang mencegah keganasan di negara kita ini. Diharap Allah SWT terus memelihara kestabilan dan kemakmuran negara kita ini. Oleh sebab kawan-kawan saya banyak sudah sebut, jadi saya hendak meringkaskan perbahasan saya. Dengan ini, saya tamatkan dan saya mohon menyokong. Terima kasih, *wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Hoh Khai Mun. Silakan, Yang Berhormat.

**6.13 ptg.**

**Dato' Hoh Khai Mun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan yang berusaha bersungguh-sungguh untuk menyediakan rang undang-undang untuk mempertahankan keselamatan negara dalam menangani ancaman daripada pihak luar. Namun begitu masih terdapat ruang lagi untuk penambahbaikan dalam rang undang-undang untuk menjadikannya lebih mantap dan seimbang serta dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat Malaysia tanpa rasa syak wasangka. Justeru itu, berdirilah saya di sini untuk memberi beberapa cadangan dan saya harap pihak kerajaan dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut artikel 5(b) dalam rang undang-undang ini, Majlis Keselamatan Negara mempunyai kuasa untuk melakukan segala benda yang perlu termasuklah mengeluarkan arahan kepada mana-mana entiti kerajaan dalam perkara yang berkenaan dengan keselamatan negara. Pada pendapat saya, sekiranya Majlis ini memberi kuasa secara meluas seperti ini, maka sepatutnya perlulah mempunyai satu sistem untuk *check and balance,* dengan izin. Jika tidak, mungkin semasa pelaksanaan akta ini nanti akan berlaku keadaan berat sebelah. Ia mungkin akan menyebabkan semua agensi kerajaan menjadi huru-hara kerana diarah untuk melakukan apa-apa sahaja yang diperintah oleh Majlis ini.

Sebagai tambahan pula, mengikut Perlembagaan Malaysia, kuasa memerintah Angkatan Tentera terletak di bawah tangan Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat oleh Majlis Angkatan Tentera. Sekiranya Majlis Keselamatan Negara mengambil alih kuasa untuk menyelaras sebarang operasi pengawalan keselamatan yang melibatkan pihak tentera, adakah ia semacam dengan mengambil alih bidang kuasa yang diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong. Saya rasa dalam perkara ini rang undang-undang mungkin telah melanggar peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

Saya berharap pihak kerajaan dapat meneliti semula pengalihan kuasa daripada Yang di-Pertuan Agong kepada Majlis Keselamatan Negara. Saya juga bimbang kerana Majlis Keselamatan Negara ini melibatkan pihak tentera. Kalau kita silap, bagi pihak tentera sepatutnya berfungsi dengan nasihat Majlis Angkatan Tentera dalam tugas am sebagai tentera yang hanya akan berperang apabila melibatkan negara lain dan senarai tugas khas lain yang diberikan kuasa seperti mengawal sempadan dan perairan negara.

Namun begitu apabila pihak kerajaan memasukkan dan melibatkan pihak tentera dalam keanggotaan Majlis Keselamatan Negara, adakah Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Angkatan Tentera ini akan dilucutkan kuasanya untuk memerintah tentera di negara kita. Sebagai tambahan pula, sejak permulaan era darurat di negara kita, hanyalah pihak polis yang menjadi anggota keselamatan yang ditugaskan untuk menjaga keamanan dan melaksanakan operasi keselamatan negara kita untuk melawan pihak komunis dan bukannya pihak tentera.

Oleh yang demikian, saya berasa sekiranya bukan melibatkan perang dengan negara lain, pihak tentera tidak sepatutnya dikerah untuk melakukan operasi keselamatan dalam negara. Sekiranya kita tidak mengambil perhatian yang serius, mungkin kita akan melihat sesuatu keadaan di negara kita yang mana pihak tentera akan memerintah negara ini iaitu ia akan menjadikan *military state,* dengan izin.

Saya tidak mahu melihat perkara ini berlaku pada masa hadapan dan meminta pihak kerajaan mempertimbangkan pemansuhan penglibatan pihak tentera dalam Majlis Keselamatan Negara. Dengan kata ini saya memohon kepada pihak kerajaan agar dapat memurnikan lagi rang undang-undang dan memberi pertimbangan yang sewajarnya dalam cadangan-cadangan yang saya usulkan tadi supaya rang undang-undang ini tidak akan menjadi berat sebelah. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Silakan Yang Berhormat.

**6.19 ptg**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini yang telah diluluskan secara tergesa-gesa di Dewan Rakyat pada 3 Disember akan memberi kesan yang buruk kepada negara Malaysia dan akan menjejaskan kedudukan Demokrasi Berparlimen. Pertama, rang undang-undang ini akan menumpukan kuasa hampir mutlak ke tangan hanya seorang di cabang eksekutif kerajaan iaitu Perdana Menteri.

**■1820**

Dengan pembentangan rang undang-undang ini, mekanisme semak dan imbang yang harus dipertahankan di negara ini akan hilang sama sekali. Keadaan seperti ini akan memberi skop untuk salah guna kuasa, khususnya pada masa negara menghadapi krisis seperti masa sekarang. Kita harus sedar bahawa Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan tidak mempunyai makna jika Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 diluluskan.

Perkara 150 memperuntukkan bagi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mengeluarkan satu pengisytiharan darurat di mana terdapatnya terap besar di dalam Persekutuan dan itu pun atas nasihat. Di bawah klausa 18 Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara, pihak eksekutif akan mengambil alih kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan mewujudkan serta memperkenalkan satu mekanisme di mana Perdana Menteri atas budi bicara sendiri boleh mengisytiharkan kawasan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita rujuk kepada Perkara 41, Perlembagaan Persekutuan, jelaslah bahawa Yang di-Pertuan Agong yang berfungsi sebagai pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia diketepikan dan di samping itu, Perkara 137, yang mengandungi peruntukan berkenaan Majlis Angkatan Tentera, Perkara 150 berkenaan pengisytiharan darurat dan juga Akta Angkatan Tentera 1972 telah atau pun akan diabaikan.

Kita dapat memerhatikan bahawa di dalam Majlis Keselamatan Negara 2015, Perdana Menteri mempunyai kuasa yang tidak terbatas dan boleh mengisytiharkan mana-mana negeri ataupun kawasan di Malaysia sebagai kawasan keselamatan. Walaupun terdapat sesuatu insiden yang tidak perlu mewajarkan penglibatan tentera dalam insiden tersebut tetapi jika Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara diluluskan, maka mahu tidak mahu tentera akan dipaksa terlibat walaupun penglibatan mereka kemungkinan akan bercanggah dengan Akta Angkatan Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini jelaslah bahawa proses semak dan imbang tidak wujud lagi. Apakah sebabnya? Ini kerana anggota-anggota dalam Majlis Keselamatan Negara telah jadi penasihat dan nasihat mereka boleh ditolak. Parlimen tidak dapat menyelia sebarang tindakan yang diambil di bawah rang undang-undang ini kerana di bawah klausa 18(6), pengisytiharan dan juga pembaharuannya hanya dibentangkan di Parlimen untuk makluman sahaja dan bukan untuk dibahas.

Ini bermakna Parlimen tiada kuasa untuk memantau sebarang dasar di bawah rang undang-undang ini, apa lagi sebarang keputusan untuk melanjutkan pengisytiharan keputusan Perdana Menteri tanpa apa-apa rundingan. Rujuklah kepada klausa 18, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Ini jelas terbukti.

Tuan Yang di-Pertua, negara ini sudah mempunyai banyak undang-undang yang dapat digunakan untuk menangani pelbagai isu keselamatan negara. Undang-undang ini seperti Akta Pencegahan Keganasan (POTA) 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA, Akta Pencegahan Jenayah 1959 dengan pindaan besar dalam tahun 2014 dan pindaan-pindaan pada tahun 2012 terhadap Kanun Keseksaan yang mana telah ditambah beberapa kesalahan terhadap negara yang mana takrifnya tidak jelas termasuk aktiviti yang memudaratkan Demokrasi Berparlimen.

Dengan undang-undang yang sedia adapun kita masih menghadapi masalah untuk menghadapi sebarang cabaran dari luar. Sekarang, ancaman yang dihadapi ialah ancaman *asymmetrical.* Saya percaya bahawa sebarang ancaman konvensional boleh dihadapi oleh anggota keselamatan negara ini dan mungkin undang-undang yang sedia adapun cukup. Maka saya hendak tanyalah, sejauh mana Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara dapat menghadapi ancaman *asymmetrical.*

Sudah pastilah Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara akan mengancam kedudukan institusi-institusi penting di negara ini. Institusi apa sebenarnya? Sistem monarki di negara ini yang akan hilang peranannya sebagai penyemak dan pengimbang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen. Kuasa Parlimen pun akan terjejas...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** *[Bangun]*

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** ...Kerana kuasa eksekutif terlalu luas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hendak mencelahkah, Yang Berhormat?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Ya, terima kasih.

**Seorang Ahli:** Kawan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** *No*, bukan pasal kawan. Pasal *asymmetrical warfare* ini. Minat sangat. Ini kerana kita tengok *asymmetrical warfare* tadi pun *I* sudah tanya. Kefahaman saya ialah *asymmetrical warfare* ini melibatkan perang tanpa *boundary.* Perang tanpa *boundary* tetapi kalau kita tengok, *if you see* akta ini, peranan dia hanya meliputi kawasan keselamatan.

*So* soalan saya, kalau akta ini fokus kepada kawasan keselamatan yang diiktiraf atau di*classify* sebagai kawasan keselamatan, macam mana dia boleh digunakan untuk *asymmetrical warfare* sebab banyak *inward looking* dan bukan *external.* Bukan fokus kepada *external territorial attacks*. Macam mana dia boleh *cover?*

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Saya fikir itu terpulang kepada Yang Berhormat Menteri untuk jawablah tetapi ekoran daripada ini, hak asasi manusia jelas akan dicabuli di bawah rang undang-undang ini. Yang memeranjatkan ialah di bawah Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara, sesiapa yang dibunuh dalam kawasan keselamatan tidak perlu mengadakan inkues jika majistret berpuas hati bahawa orang itu terbunuh akibat operasi yang dijalankan oleh pasukan keselamatan. Tidak payah inkues.

Saya rasa kecewa bahawa keputusan untuk adakan inkues ataupun tidak mengadakan inkues terletak di tangan majistret, walhal keluarga mangsa tiada saluran untuk menuntut keadilan di mahkamah. Ini tidak disebut dalam rang undang-undang ini. Di samping itu juga, di bawah fasal 30 rang undang-undang, kuasa untuk mengambil milik sementara tanah, bangunan dan harta alih amat bahaya dan boleh disalahgunakan dan tiada sebarang saluran yang sedia untuk mencegah salah guna kuasa dalam perkara ini.

Ekoran daripada ini, Fasal 33 rang undang-undang di mana kuasa untuk memerintahkan pemusnahan bangunan tertentu yang tidak dihuni haruslah dikeluarkan. Apakah sebabnya? Ini kerana fasal ini hampir sama dengan undang-undang Zionis Israel yang menceroboh tanah Palestin dan letupkan kediaman orang Palestin atas alasan bahawa bangunan yang tidak berhuni digunakan untuk tujuan memudaratkan keselamatan negara Israel. Saya berharap bahawa fasal ini dapat dikeluarkan atau diubahsuai supaya tidak dapat disalahgunakan.

Jelaslah bahawa ada banyak lagi kelemahan-kelemahan yang didapati dalam Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara yang tidak dapat saya sentuh.

Maka, oleh sebab rang undang-undang ini akan menimbulkan banyak kerisauan di kalangan rakyat negara ini, saya berharap Ahli Dewan yang mulia janganlah terikat kepada parti politik atau fahaman politik. Kita nilaikan rang undang-undang ini secara yang terperinci dan buat keputusan selaras dengan *conscience. In keeping with our conscience.* Keputusan yang lebih mementingkan negara ini dan rakyat Malaysia daripada kepentingan suatu kelompok atau seorang individu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya waktu kita sekarang pukul 6.29 petang. Kita masih ada lebih kurang satu minit lagi sebelum masa...

**Beberapa Ahli:** Sudah habis, sudah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cepat cakap, sudah habis masa *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 22 Disember 2015. Esok kita ada lebih kurang 19 orang yang belum lagi membahaskan rang undang-undang ini.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.]***